

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 45**

**Khamis**

**29 Oktober 2015**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2016	(Halaman 27)
<b>USUL:</b> Anggaran Pembangunan 2016	(Halaman 27)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 29 Oktober 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)*

***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan punca berlakunya percetakan bahan bacaan kanak-kanak yang boleh menyebabkan pemosongan akidah sedangkan bahan bacaan tersebut sepatutnya telah ditapis oleh Jabatan Penerbitan Nasional dan apakah tindakan yang diambil bagi memastikan perkara sebegini tidak berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Pasir Gudang. Balas pantun, saya bab pantun ini saya kurang mahir. Tuan Yang di-Pertua, saya ada pembetulan sedikit daripada soalan ini. Di Kementerian Dalam Negeri kita tiada Jabatan Penerbitan Nasional tetapi kita ada Jabatan Percetakan Nasional Berhad. Akan tetapi Jabatan Percetakan Nasional Berhad ini adalah di bawah kawal selia Menteri Kewangan (Diperbadankan). Jadi di Kementerian Dalam Negeri semua bahan bercetak dikawal selia oleh Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab untuk memastikan semua penerbitan yang diterbitkan atau dibawa masuk serta diedarkan dalam negara dipantau agar tidak mengandungi bahan-bahan yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran orang ramai berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara. Penguatkuasaan dan pemantauan dilaksanakan berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Berdasarkan akta tersebut, semua penerbitan berkala perlu mendapat permit penerbitan daripada Kementerian Dalam Negeri sebelum ia boleh diterbitkan, diedarkan atau dijual.

Kementerian akan memantau dan menyemak kandungan penerbitan bagi memastikan ia tidak melanggar akta. Manakala bagi penerbitan *one-off*, ia tidak memerlukan permit penerbitan dan boleh terus beredar dalam pasaran. Dalam hal ini kementerian akan melaksanakan

penguatkuasaan di lapangan dari semasa ke semasa termasuk berdasarkan aduan dan maklumat yang diterima. Bagi penerbitan yang dibawa masuk dari luar negara, pemeriksaan penerbitan dilakukan di pintu masuk negara. Sehubungan itu persoalan berkaitan penapisan bahan bacaan perlu ditapis oleh Jabatan Penerbitan Nasional adalah tidak berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua mana-mana penerbitan yang berunsur Islam yang disyaki mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam dan menyentuh kesucian agama Islam akan dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk kajian dan perakuan sebelum tindakan lanjut melalui Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 diambil. Ini bersesuaian dengan usaha memelihara dan menjamin kesucian agama Islam sebagai agama rasmi negara seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tindakan penguatkuasaan yang diambil tersebut meliputi bahan bacaan kanak-kanak yang diterbitkan secara *one-off* supaya tidak mengandungi unsur-unsur yang melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, syarat-syarat permit dan garis-garis panduan penerbitan kementerian termasuk yang menyebabkan pemesongan akidah.

Sekiranya terdapat penerbitan *one-off* yang menyalahi garis panduan penerbitan dan akta berkenaan, penerbitan ini akan dikaji dan dikenakan perintah larangan jika bersesuaian. Bagi penerbitan yang mempunyai permit, kementerian akan mengambil tindakan memberi nasihat, teguran dan amaran kepada penerbit jika berlaku kesalahan. Jika kesalahan tersebut masih berulang dan ia serius kementerian akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan disusuli tindakan menggantung atau membatalkan permit penerbitan berkenaan.

Selain langkah penguatkuasaan tersebut, kementerian turut menganjurkan program-program kesedaran melalui lawatan, perbincangan dan dialog dengan pihak pengamal media dan syarikat percetakan mengenai tanggungjawab dan peranan media agar sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab, berpengetahuan dan menerbitkan artikel atau laporan yang membina masyarakat dan mindanya. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, apakah tindakan segera yang dilaksanakan oleh pihak kementerian apabila didapati keadaan ini berlaku. Sebagai contoh ada pemesongan-pemesongan ayat yang dilakukan di dalam Al-Quran, cetakan-cetakan yang disebarkan. Juga bagi cetakan *one-off* jika berlaku bagaimana cara penarikan semula cetakan-cetakan ini supaya ia tidak sampai kepada masyarakat secara menyeluruh. Terima kasih Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Seperti yang saya sebutkan tadi semua bahan yang mengandungi bahan mengenai agama Islam akan dirujuk kepada JAKIM untuk ditapis. Juga untuk bahan-bahan yang *one-off* ini kementerian ataupun unit, alamak apa unit. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Unit PAC.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Unit yang berkaitan isu percetakan awam ini akan membuat penguatkuasaan melalui penguat kuasa yang telah disediakan oleh kementerian.

■1010

Sekiranya mendapati bahan-bahan *one-off* yang berbentuk memesongkan akidah ini, penjual ataupun pengedar bahan tersebut akan dinasihatkan dan jika sekiranya mereka masih lagi degil, mereka akan diambil tindakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gantang .

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Berkenaan dengan soal pemesanan akidah, laporan ataupun penyiaran yang tidak betul ini, apakah tindakan yang dilakukan oleh KDN dengan kerjasama bersama-sama dengan Suruhanjaya Komunikasi untuk memastikan terutama laman-laman web yang menyiarkan perkara-perkara yang boleh bercanggah dengan akidah dan juga boleh mengganggu ketenteraman awam selain daripada kita menyekat? Tindakan proaktif itu ialah dengan kita menulis artikel-artikel untuk menjawab balik segala tohmahan ataupun untuk membuat pembetulan. Jadi persoalan saya, adakah tindakan ini dilakukan oleh kementerian bersama-sama dengan JAKIM ataupun bersama-sama dengan Suruhanjaya Komunikasi untuk mengatasi masalah ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri hanya bertanggungjawab kepada bahan-bahan yang bercetak. SKMM akan membuat pantauan mereka melalui laman web juga mereka akan mendapatkan nasihat daripada JAKIM sama ada perkara atau bahan tersebut melanggar akidah dan sebagainya dan mereka akan mengambil tindakan. Jadi ini ada perbezaan di antara bahan bercetak dengan bahan yang dalam web. Akan tetapi, itu satu cadangan yang baik dan saya rasa boleh dipertimbangkan juga sama ada tindakan bersama dapat diadakan di antara KDN dan juga SKMM untuk memantau bahan-bahan yang boleh memesongkan akidah yang makin berleluasa dalam laman sesawang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya hendak tanya apakah yang dibuat oleh kementerian untuk kawal selia mengenai perkara yang berkaitan dengan agama Hindu, Kristian dan Buddhist. Di mana kerap kali kita dapat dalam buku dan sebagainya, *open condemnation for the Hindus against the clear statute. Very clear* dan ini telah diberitahu tetapi tidak ada tindakan, *I mean on the cross*. Kerap kali ini dibuat macam baru-baru ini di Shah Alam di mana kerajaan tahu, kita semua tahu satu kesalahan yang besar tetapi tidak ada tindakan diambil kerana mungkin adik kepada IGP yang terlibat, maka tidak ada tindakan.

Jadi, *these are things that you should be leading with the multiracial, multilingual, multi masyarakat*. Apakah kawal selia dan apa yang dibuat supaya orang *on the ground* di Malaysia dapat tahu bahawa kita sememangnya akan *enjoy* yang baik, yang bagus kepada semua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Sebenarnya dalam hal ini, penguatkuasaan dibuat kepada semua bahan walaupun ia bukan bahan yang melibatkan agama Islam. Rujukan juga dibuat kepada gereja ataupun persatuan-persatuan agama ini untuk mendapatkan pandangan daripada mereka sama ada perkara tersebut melanggar akidah agama mereka sendiri. Jadi, selepas itu kita akan ambil tindakanlah kepada mereka yang melanggar peraturan-peraturan ini. Soal itu, saya rasa itu kita biarkan pada pengamal-pengamal agama untuk menentukan mana yang sesuai dan mana yang tidak sesuai dalam cetakan. Kementerian hanya menguatkuasakan tindakan berdasarkan kepada nasihat daripada pengamal-pengamal agama ini. Terima kasih.

2. **Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta Perdana Menteri menyatakan menyenaraikan jenis, keupayaan, lokasi "*Coastal Surveillance Radar*" yang terdapat di kawasan ESSZONE. Berapakah bot dan kapal yang telah dibeli dan beroperasi di kawasan terbabit. Senaraikan bilangan tindakan, operasi dan siasatan yang telah dijalankan sehingga kini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua,

*Hari-hari keluar fatwa,*

*Saya jawab soalan nombor dua.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Coastal Surveillance System* terletak di lapan lokasi yang beroperasi dari Pulau Banggi hingga ke Tinagat, Tawau. Kemudahan penguatkuasaan ini diguna pakai dalam pengoperasian di ESSZONE. Sistem pengawasan radar ini dioperasikan oleh Angkatan Tentera Malaysia dan pusat operasi sistem ini berpusat di Markas Angkatan Tentera Bersama (ATB 2) di Tawau. ATM dan ESSCOM sedang membangunkan lima lagi lokasi *Coastal Surveillance System* yang baru bagi melebarkan lagi liputan radar. Di samping itu, ESSCOM juga sedang membangunkan lima *pegged hardening* di lima buah pulau di perairan Teluk Darvel, Lahad Datu dan di Perairan Semporna untuk meningkatkan pengawasan di laluan-laluan yang berisiko tinggi berlaku *kidnap for ransom* dan juga rompakan di laut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sekurang-kurangnya lapan buah kapal dan 69 buah bot beroperasi pada satu-satu masa di perairan ESSZONE. Tumpuan utama pengawasan adalah di laluan-laluan berisiko tinggi dan kawasan *hot spot* yang telah dikenal pasti. ESSCOM juga sedang melaksanakan perolehan bagi 92 bot laju pelbagai jenis bagi meningkatkan *visual present* dan juga di *deterrent*. *Vessels* ini akan diperoleh secara berperingkat dan diterima sepenuhnya menjelang Februari 2016. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Menteri yang berwibawa menjawab soalan Bakri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hmm, berwibawa.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Di sini saya hendak tanya soalan tambahan kepada Menteri, saya memahami bahawa *Marine Cop* ini adalah pasukan gerak cepat dan kita adalah antara negara yang agak lambat menubuhkan entiti dalam rantau ini. Jika kementerian meneruskan hasrat ini, adakah *Marine Cop* ini akan diletakkan di bawah tentera darat atau tentera laut atau menjadi sebuah entiti baru ATM? Adakah kita menerima tawaran Amerika Syarikat untuk membeli US naval untuk menggantikan KD Seri Inderapura dan adakah kita akan mencontohi USNSCC dalam status dan peranan *Marine Cop*. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat cukup wibawa dan Yang Berhormat juga cukup wibawa tapi malangnya soalan ini adalah agak khusus Yang Berhormat. Kalau saya jawab, benda ini agak sensitif kerana kita tahu sudah berlaku sedikit pergeseran dua hari yang lepas di Spratly Island di antara dua negara Yang Berhormat sebut yang melibatkan kapal perang. Kalau saya jawab soalan tersebut, ianya bukan bidang kuasa kementerian saya. Jadi, saya minta untuk jawab secara bertulis. Jadi minta maaf kepada Ahli Parlimen yang berwibawa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kongkalikung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belum lagi soalan mana boleh kongkalikung, nanti ya. Tak payah cakap dengan izin ya? Itu Menteri Wilayah cakap ya. Yang Berhormat Menteri, mengenai ini kita ucap tahniahlah kita mengadakan ESSCOM ini yang menjaga kawasan-kawasan luar dari bandar. Saya mahu tanya, kita nampak ESSCOM ini ada bot-bot laju tetapi saya nampak ada bot sudah tua macam Yang Berhormat Menteri Wilayah kata, sudah tua.

[Ketawa]

#### ■1020

Memang sudah tua. Kita punya Tuan Yang di-Pertua pun nampak juga Sandakan sudah tua-tua punya, berpuluh-puluh tahun punya. Itu *weapon* semua tidak tahu boleh tembak lagi kah tidak itu. Kenapa kita tidak ambillah itu peralatan-peralatan yang cukup canggih, radar yang betul-betul *latest* model? Jangan nama sahaja *latest* model tetapi itu model sudah orang kasi tinggalan sudah kita baru mahu beli. Itu berapa kali sudah negara jiran masuk kita punya negara kita, kita pun tak boleh *detect*.

Inilah minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, macam mana kita boleh kawal dan bagi jaminan kepada rakyat Malaysia? Cadangan ini memang ikhlas terutama sekali

orang Sabah macam Yang Berhormat Kalabakan tunggu menunggu ada satu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri. Boleh tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita minta penjelasan baik-baik di sini tapi jangan kongkalikung, ini dia jawapan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Nampaknya bahasa kongkalikung sudah menjadi bahasa rasmi Parlimen. *[Disampuk]* Kongkalikung ini maknanya cakap kosonglah. 'Kong' itu cakap, 'kali' itu kali-kali kosong. Sebab, orang-orang Tionghoa di sebelah DAP, PKR tak faham.

Yang Berhormat, 92 bot laju yang kita akan dapat dalam bulan Februari 2016 ini bot laju, bot yang terbaru. Sebab apa? Sebab ESSCOM dibenarkan untuk mendapatkan aset secara darurat. Apa yang menjadi masalah kepada semua agensi sekarang ini ialah mereka mesti mematuhi beberapa peraturan dan peraturan ini kadang-kadang mengambil masa enam bulan, selepas itu baru kita boleh buat tempahan, selepas itu pembinaan akan berlaku mengambil masa setahun dua tahun. Memang lambat. Akan tetapi ESSCOM telah diberi kebenaran untuk membeli aset terutamanya bot laju secara darurat dan dengan itu mereka telah dapat melaksanakannya dan kita bersyukur sebab kita akan dapat dalam bulan Februari 2016 nanti.

Jadi untuk pemasangan mendapatkan aset baru, ia diusahakan terus di samping saya sebut tadi ada 69 bot. Sebenarnya daripada 69 bot ini, 30 biji bot adalah bot baru, yang terbaru, yang baru dilancarkan dan yang lain-lain itu ialah bot lama tetapi tidaklah lama sangat. Dalam standard Malaysia ini, 30 tahun itu tidak lama. Macam di luar negara 15 tahun biasanya dilupuskan tetapi kita 30 tahun ini masih boleh dibuat operasi sebab *maintenance* telah dibuat dengan baik.

Jadi cadangan Yang Berhormat itu saya hendak beritahu bahawa kerajaan sedang meneruskan usaha-usaha untuk mendapatkan aset yang baru.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kemudian berhubung dengan jaminan Yang Berhormat, seperti yang telah kita sebutkan bahawa bila ESSCOM ini ditubuhkan, ianya untuk menghalang pencerobohan. Pencerobohan yang berlaku di Tanduo dahulu tidak berlaku lagi sekarang. Kita telah berjaya untuk menghalang pencerobohan daripada anasir luar ke negara Malaysia dan saya ucap terima kasih dan tahniah kepada ESSCOM. Sekarang ini yang berlaku ialah jenayah rentas sempadan yang mana ini kita membuat segala usaha yang terbaik. Di samping aset yang baru, kawalan juga dibuat dengan cukup baik. Cuma, seperti yang telah dihebahkan itu, berlaku satu dua kes yang terlepas daripada tangkapan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu kenapa bangun?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Walau bagaimanapun, aset baru yang dipasang termasuk radar dan sebagainya mampu mengesan tempat-tempat terutamanya *hot spot* yang kita sebut yang dijangka penjenayah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekarang ini kita hendak tunjukkan bahawa kita membuat rondaan dan juga operasi. Sehingga ini, kita sudah membuat beberapa operasi dengan membuat pemeriksaan kepada 113,316 dan kita cuba sedaya-upaya untuk mengenal pasti orang-orang yang dijangka melakukan jenayah culik. Saya tahu bahawa dengan membuat operasi ini banyak juga kompelin daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita membuat operasi yang melibatkan pelbagai pihak.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya ada apa-apa masalah dari segi operasi ini, kita boleh maklumkan kepada ESSCOM dari semasa ke semasa. Akan tetapi, apa yang kita buat sekarang ini ialah kita tidak berhenti untuk melakukannya 24 jam. Terima kasih soalan Yang Berhormat dan juga ESSCOM.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita sokong tindakan-tindakan kerajaan tetapi tidak mencukupi kerana alat-alat kita, kita pakai bot-bot *outboard* sedangkan kita tahu penceroboh dia orang pakai *pump boat*. Dia orang ini apabila sampai, dia orang boleh mendarat sampai di tebing laut di pasir. Kita tidak ada alat yang sebegitu.

Jadi saya cadangkan kalau boleh Menteri yang menjaga kawasan ESSCOM ini minta sama kerajaan kita ada bot-bot yang lebih canggih, bukan yang setakat disenaraikan yang kita sudah beli. Kita mahu yang lebih canggih yang boleh terus mendarat di tebing pasir di mana-mana juga yang ia boleh mendarat. Jika sekiranya itu dapat dirancangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan ini dan saya sedar Yang Berhormat ada pengalaman tentang bot. Yang Berhormat ada bot lebih laju daripada bot ESSCOM dan sering kali kalau saya pergi ke sana nanti saya akan dapat menggunakan khidmat bot Yang Berhormat yang laju. Akan tetapi saya hendak beritahu di sini bahawa aset yang kita dapat ini adalah aset yang mampu untuk menandingi mereka.

Keduanya, hari ini sedang diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri untuk membincangkan masalah *barter trade*. Masalah *barter trade* sekarang ini, dahulu *barter trade* barang tukar barang, sekarang mereka datang bawa duit, bawa balik barang. Jadi akhirnya mereka mengambil barangan subsidi kita bawa balik. Lagi *barter trade* nampaknya tidak menguntungkan sebab bukan lagi barang ke barang tetapi wang ke barang. Kadang-kadang ada orang, bukan barang. Jadi yang ini sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah.

Keduanya *pump boat*. Banyak pihak telah mencadangkan supaya *pump boat* ini diharamkan dan mereka sedang berbincang mengenai perkara ini dan saya percaya pengumuman ini akan dibuat tidak lama lagi.

Walau bagaimanapun, aset yang ada kepada ESSCOM sekarang ini juga melibatkan bot yang mampu untuk mendarat. Cumanya, ia tidak banyak. Kita ucap terima kasih kepada Ahli



Yang Berhormat yang telah membuat cadangan supaya kita memperbanyakkan bot yang boleh kita mendarat terus bila kita membuat pemeriksaan nanti ataupun *hot pursuit*, dengan izin, bot kita mampu untuk mendarat di darat.

Jadi apa Yang Berhormat terfikir sekarang ini, itu juga yang kami terfikir dan kita sedang buat yang terbaik. Cadangan Yang Berhormat ini bila kita bawa nanti ke Parlimen untuk membeli benda-benda aset baru dan sebagainya, saya berterima kasih, akan mendapat sokongan daripada semua pihak.

**3. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan negara menghadapi masalah '*premature industrialization*' yang bertukar cepat kepada '*service industry*' yang mempunyai '*value added*' yang rendah dan '*manufacture sector*' tetap tidak bertukar kepada berteknologi tinggi di mana mempunyai '*export value added*' yang rendah. Oleh itu, peruntukan R&D perlu diperbesarkan. Berapakah peruntukan R&D oleh kerajaan tahun 2013, 2014 dan 2015.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Rompin atas keprihatinan beliau tentang jumlah peruntukan bagi membiayai aktiviti pembangunan dan penyelidikan negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan juga amat prihatin terhadap perkara ini dan telah memperuntukkan sebanyak RM6.9 bilion bagi dana R&D secara keseluruhannya di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

■ **1030**

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Pembiayaan dana R&D yang diselia oleh MOSTI adalah *Science Fund, Techno Fund, Inno Fund, Commercialization of Research and Development Fund (CRDF), Technology Aquisition Fund (TAF)* dan *Biotechnology Commercialization Fund (BCF)*. Peruntukan R&D yang diuruskan oleh MOSTI bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM317.5 juta. Bagi tahun 2014 pula, sebanyak RM125.5 juta dan pada tahun 2015 sebanyak RM289.5 juta. Kementerian memberi keutamaan kepada pelaksanaan program-program R&D yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan manfaat yang luas kepada rakyat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, nisbah perbelanjaan R&D berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2012 adalah 1.13% dan kerajaan sasaran mencapai tahap 2% pada tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, agenda STN negara berpandukan kepada Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara atau ringkasnya DSTIN. Dasar ini menggariskan hala tuju pelaksanaan agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju sains ataupun *scientifically advance nation* menjelang tahun 2020. DSTIN menggariskan 6 teras strategik iaitu:

- (i) Memajukan bidang-bidang penyelidikan dan pembangunan saintifik dan sosial.
- (ii) Membangun, memupuk dan menggilap bakat.
- (iii) Menggiat dan mencergaskan industri.
- (iv) Transformasi tadbir urus STI
- (v) Menggalak, memupuk kesedaran STI; dan
- (vi) Mengukuhkan perhubungan strategik antarabangsa.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Rompin, saya ingin memperjelaskan bahawa teras strategi pertama iaitu memajukan bidang-bidang penyelidikan dan pembangunan saintifik dan sosial yang mana mesti sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi pembiayaan dana awam bagi R&D, mengukuhkan perkhidmatan, keupayaan dan kapasiti STI serta membangun, mengkomersialkan dan meningkatkan penggunaan teknologi tempatan. Pelaksanaan DSTIN ini disokong oleh dasar sektoral dan *roadmap* seperti Dasar Baru Teknologi Negara, Dasar Keselamatan Cyber Nasional dan Pelan Tindakan Internet serta perkhidmatan kepakaran dan fasiliti yang terdapat di agensi-agensi MOSTI.

Sebagai contoh, MIMOS berhad menyediakan perkhidmatan perkongsian fasiliti ataupun *shared facilities* bagi membantu reka bentuk *integrated circuit*, analisis kegagalan ataupun *failure analysis* dan perkhidmatan ujian wafer untuk syarikat multinasional, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta ahli akademik. Contoh kedua ialah kolaborasi di antara Agensi Nuklear Malaysia dan Proton Holdings Berhad yang telah berjaya menghasilkan kabel enjin kereta dengan ciri-ciri inovasi yang bersifat lebih ringan, tahan panas dan meningkatkan standard dalam industri automotif. Ini bakal mencerdaskan khususnya industri automatif dan pengangkutan dalam negara amnya.

Selain daripada itu, agensi-agensi MOSTI yang lain juga menyediakan perkhidmatan inkubator, pembangunan standard, pengujian dan reka bentuk serta khidmat nasihat dan kepakaran yang turut menyokong pembangunan STI. Saya amat yakin agenda STI negara akan terus diperkasakan lagi berdasarkan fokus oleh kerajaan pada STI dalam Bajet 2016 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jumaat lalu dan juga di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan soalan ini kerana saya bimbang jika negara tidak mampu untuk melonjakkan teknologi yang lebih tinggi. Adalah sukar untuk kita meningkatkan lagi pendapatan penduduk di negara kita ini. Kebimbangan saya lebih bimbang kalau ini berlaku terlalu panjang, maka akan berlaku apa yang dinamakan *middle income trap* seperti yang berlaku di negara Brazil dan Mexico. Di mana *middle income trap* terlalu lama, mengambil masa 30 tahun, 40 tahun, 50 tahun dan negara tidak

mampu untuk melonjakkan dengan adanya teknologi baru. Contoh yang paling klasik, negara yang mampu untuk keluar daripada *middle income trap* ini adalah Korea dan Taiwan.

Kita mengucapkan tahniah dalam bajet baru ini, rupanya ada perhatian kerajaan bila dia mengutarakan konsep M40. M40 ini adalah mereka yang mempunyai pendapatan *middle income*. Kalau negara terus terperangkap dalam- walau bagaimana saya akan bercakap soal ini dalam bajet nanti. Kalau *middle income trap* ini terlalu lama, B40 juga tidak akan dapat melonjak naik kepada M40. Jadi, saya...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Faham kah Yang Berhormat pembangkang apa yang saya cakap ini?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]:** Jadi soalnya, adakah kerajaan bercadang untuk membeli saintis dan teknologi dari luar negara dan bawa kembali ke dalam dengan harga yang tidak kira, mungkin ratusan juta, puluhan juta untuk mempercepatkan proses ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin di atas soalan tadi itu. Memang benar bahawa untuk membina negara ini, membina ekonomi negara ini adalah amat penting bagi negara untuk menggunakan sains, teknologi dan inovasi untuk melonjakkan ekonomi kita kepada tahap yang lebih tinggi seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rompin. Dalam hal ini sebenarnya kerajaan kalau dahulunya dasar kita hanya dasar yang merujuk kepada sains, teknologi dan inovasi. Akan tetapi hari ini kerajaan juga prihatin dan memastikan supaya adanya sains, adanya teknologi, adanya inovasi di semua dasar kerajaan. Ini bererti bahawa kementerian saya ini juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya dasar-dasar kerajaan di semua segi, di semua kementerian juga menggunakan sains, teknologi dan inovasi.

Berhubung dengan keupayaan kita, keupayaan dari segi sumber manusia, khususnya dari segi saintis kita. Saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam teras, sewaktu dalam teras pelaksanaan Dasar Teknologi dan Inovasi Negara kita, kita telah meletakkan satu teras berkenaan dengan bagaimana kita dapat memupuk bakat-bakat, bagaimana kita dapat mengukuhkan keupayaan kita.

Jadi, sama ada kita hendak beli dari luar atau dalam negara, setakat pada hari ini kita memang fokus kepada keupayaan kita, bagaimana kita hendak tarik. Cabaran utama kita pada hari ini adalah mereka yang berkebolehan, ramai yang keluar negara. Pertama ialah langkah kita bagaimana kita menghentikan supaya bakat-bakat ini, bakat-bakat saintis kita ini akan terus berada dalam negara kita dan memberi sumbangan dan bukannya keluar, itu yang pertama. Yang keduanya, cadangan Yang Berhormat Rompin itu sesuatu yang perlu kita bincang bersamalah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kalau kita lihat dalam negara maju, peruntukan R&D ini cukup tinggi untuk menjamin penyelidikan dan untuk menambahkan lagi nilai pembangunan sesebuah negara. Sejauh mana kerajaan melihat sebab kita lihat peruntukan R&D dalam negara kita cukup rendah. Hanya sekitar 1%. Ini adalah satu angka yang cukup rendah.

Dalam sebuah negara membangun, yang hendak menuju negara maju 2020 dengan hanya masa 4 tahun saja lagi. Jadi, saya ingin tahu penjelasan berapa ramai sebenarnya pakar-pakar saintis kita yang berada di luar negara yang sebenarnya, sepatutnya mereka balik ke negara kita yang memberi perkhidmatan yang terbaik untuk membangunkan negara kita.

Jadi, apakah pihak kerajaan mempunyai statistik? Setakat ini apakah tindakan yang telah dibuat untuk membawa balik mereka kembali kepada berkhidmat untuk negara kita? Terima kasih.

■1040

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Soalan ini Tuan Yang di-Pertua, adalah satu soalan spesifik kerana Yang Berhormat Rantau Panjang ingin tahu berapa ramai bilangan saintis dari luar negara. Kita akan jawab secara bertulis pertanyaan itu. Berkenaan dengan langkah-langkah bagaimana kita memastikan supaya *brain drain* ini, bakat-bakat ini, ini adalah sesuatu perkara yang saya sebagai seorang Menteri yang baru di kementerian ini akan fikir dan saya anggap ini sebagai satu cabaran untuk memastikan supaya kita mempertahankan pakar-pakar saintis kita. Terima kasih.

4. **Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan implikasi-implikasi kewangan kepada kerajaan semenjak program Kedai Rakyat 1Malaysia dilaksanakan di seluruh negara dan apakah pulangan-pulangan ekonomi yang dinikmati oleh penduduk-penduduk setempat hasil pelaksanaan program ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal yang mengemukakan soalan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, sebanyak 170 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dibangunkan di seluruh negara dan kerajaan memperuntukkan dana bagi kos infrastruktur dan juga prasarana KR1M yang meliputi kos pengubahsuaian premis serta peralatan berkaitan. Kos bagi setiap KR1M adalah berbeza-beza mengikut saiz keluasan dan juga lokasi premis. Di samping itu, bagi memastikan harga barangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dapat dijual pada

harga yang lebih berpatutan berbanding jenama lain, kerajaan juga menanggung kos logistik barangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di seluruh negara. Oleh yang demikian, harga jualan barangan Kedai Rakyat 1Malaysia dapat diseragamkan di semua *outlet* Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

Perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi melaksanakan Program Kedai Rakyat 1Malaysia sehingga kini ialah sebanyak RM82.5 juta manakala jumlah *turnover* jualan dengan izin, di KR1M semenjak pelaksanaannya ialah sebanyak RM829 juta. Ini menunjukkan bahawa inisiatif kerajaan ini disambut baik oleh rakyat keseluruhannya. Menerusi KR1M, rakyat dapat menikmati penjimatan secara langsung hasil daripada pembelian barangan keperluan berjenama Kedai Rakyat 1Malaysia pada harga yang lebih murah tetapi berkualiti.

Penubuhan KR1M juga telah mewujudkan persaingan perniagaan yang sihat kepada barangan jenama lain agar memasarkan produk mereka pada kadar harga yang lebih kompetitif kerana pengguna berhak membuat pilihan terhadap barangan yang menepati cita rasa dan bajet masing-masing. Dengan kewujudan KR1M akan membolehkan syarikat pengeluar termasuk IKS tempatan yang menepati syarat-syarat memasarkan produk masing-masing. Ini secara tidak langsung membantu perkembangan syarikat-syarikat berkenaan dan memberikan kesan berganda terhadap ekonomi. Di samping itu, perniagaan kecil juga boleh mendapat bekalan barangan daripada Kedai Rakyat 1Malaysia untuk keperluan kedai masing-masing dengan harga yang berpatutan. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, di sepanjang pelaksanaan KR1M ini dan kosnya agak tinggi juga iaitu RM82.5 juta, adakah kementerian biasa menjalankan kajian-kajian impak ke atas keberkesanan pelaksanaan program ini terhadap peningkatan kehidupan sosioekonomi rakyat setempat? Sekiranya tidak ada, saya ingin mencadangkan kementerian dan juga kementerian-kementerian lain memberi geran-geran penyelidikan kepada universiti-universiti tempatan kerana peruntukan untuk universiti telah pun dipotong dengan banyak.

Jadi, elok juga kementerian memulakan dan memberikan galakan insentif kepada universiti-universiti tempatan yang memiliki pakar-pakar dalam bidang penyelidikan sosioekonomi untuk menjalankan kajian impak ini supaya kita dapat menilai keberkesanan program-program yang dikatakan untuk memberi manfaat kepada rakyat. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal yang menanyakan soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kajian impak ini dilaksanakan oleh kementerian dari semasa ke semasa mulai pada bila kita bermulanya pelaksanaan KR1M ini pada tahun 2011. Sehingga kini, untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, bagi segi penerimaan ataupun impak bagi segi kesan apabila KR1M itu diwujudkan di seluruh negara begitu berkesan sekali. Hari ini kita dapat melihat bagaimana

sambutan-sambutan yang telah diberi oleh penduduk-penduduk terutama di kawasan-kawasan luar bandar ataupun di bandar juga yang mana ada KR1M ini diwujudkan.

Jadi sambutan pada awal memang agak begitu berkurangan tetapi dari tahun ke tahun untuk makluman Yang Berhormat, bagi segi kesan daripada kewujudan KR1M ini begitu ketara sekali. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada segi jualan, ini bermakna kata sambutan yang diterima oleh rakyat terhadap KR1M ini dan hasil daripada jualan dia meningkat dari semasa ke semasa. Ada juga KR1M-KR1M di seluruh negara yang kita wujudkan, hasil jualan mereka meningkat sehingga RM6 juta setahun. Lebih daripada RM6 juta. Ada RM3 juta, RM4 juta dan sebagainya. Ini penambahan kepada tiap-tiap tahun hasil daripada pelaksanaan ini, saya rasa ialah satu perubahan yang terdapat kepada rakyat hasil daripada KR1M ini kerana mereka boleh membuat pilihan untuk berbelanja keperluan barang-barang harian mereka. Terima kasih.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkaitan dengan Kedai Rakyat 1Malaysia ini ialah harus memberikan pujian kepada kerajaan kerana menyediakan satu pilihan kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan bekalan barangan pada harga yang patut. Ini sebahagian daripada rasionalisasi subsidi yang diilhamkan oleh Perdana Menteri sendiri.

Jadi, soalan saya ialah ke manakah arah Kedai Rakyat 1Malaysia ini? Apakah ia terus kepada konsep pasar mini ataupun ada rancangan untuk *upgrade* penampilan dalam bentuk yang lebih besar, pasar rayakah atau sebagainya dalam konsep yang sedemikian? Ini kerana tidak seharusnya KR1M ini berada pada tahap ini juga selama-lamanya. Jadi, bagaimanakah rancangan kementerian bagi masa depan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ini supaya rakyat terus dapat menikmati barang harga patut dan merupakan *benchmark* kepada harga yang paling sesuai untuk rakyat khususnya yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat dari Jelebu yang mengajukan soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang rancangan kerajaan sentiasa untuk melihat supaya kedai-kedai KR1M yang kita wujudkan ini sentiasa mendapat sambutan dan berubah dari semasa ke semasa. Oleh sebab itu, pewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ini harus dilihat bagi sudut keperluan. Untuk sementara ini Yang Berhormat, kita hendak memenuhi supaya keseluruhan kawasan Parlimen di seluruh negara iaitu 222 kawasan Parlimen ini mempunyai Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang diwujudkan oleh kerajaan. Hari ini cuma ada 170 kedai KR1M yang telah kita wujudkan dan kita yakin dan kita percaya agar pewujudan di seluruh kawasan Parlimen ini dapat kita laksanakan.

■1050

Dari situ, daripada semasa ke semasa, perubahan ataupun rancangan untuk *upgrade* kedai KR1M ini akan kita laksanakan. Akan tetapi sekarang, prioriti yang kita bagi ialah untuk mewujudkan kedai KR1M ini di seluruh Parlimen di dalam negara untuk permulaan.

Jadi untuk membuat *upgrading* ataupun peningkatan dari segi saiz dan sebagainya, mungkin selepas daripada itu kerana *target* kita ialah hendak pastikan di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat ada sebuah kedai KR1M untuk memudahkan rakyat untuk membuat pembelian dengan harga barang-barang yang telah ditetapkan di kedai-kedai KR1M. Terima kasih.

**5. Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah sasaran yang telah diletakkan oleh Kementerian terhadap Sekolah Sukan di negara ini telah tercapai bagi melahirkan golongan atlet muda sebagai pelapis wira sukan negara dan apakah kejayaan-kejayaan yang telah di capai oleh pelajar menepati pelan jangka panjang Dasar Sukan Negara dan apakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan Sekolah Sukan di masa hadapan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih kepada Ahli Parlimen Jerlun yang bertanyakan soalan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sekolah sukan Malaysia adalah berdasarkan keperluan sukan dalam kalangan murid sekolah serta bagi meningkatkan kualiti sukan negara di peringkat sekolah. Di samping itu, pelaksanaan sekolah sukan Malaysia adalah juga untuk menempatkan atlet sekolah yang berbakat dan berpotensi untuk cemerlang dalam bidang sukan. Secara dasarnya, empat buah sekolah sukan Malaysia (SSM) iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Sabah telah menyumbang kejayaan negara di peringkat dunia.

Di antaranya ialah seramai 51 orang atlet murid kelahiran SSM telah dipilih menyertai sukan Olimpik sejak tahun 2000 hingga 2012. Kejayaan atlet murid, Pandelega Rinong dalam sukan terjun yang berjaya membawa pingat gangsa semasa Olimpik London 2012 telah mengharumkan nama negara di persada dunia. Majlis Olimpik Malaysia (MOM) juga telah memilih seramai 211 atlet yang telah melepasi masa dan jarak untuk menyertai sukan Komanwel dari tahun 1998 hingga 2014. Sebanyak 11 pingat emas, 10 perak dan 15 gangsa dicapai oleh atlet SSM.

Bilangan empat buah SSM yang telah beroperasi dan dua buah SSM yang dalam pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh berkeupayaan untuk menampung keperluan semasa menempatkan atlet cemerlang sukan berdasarkan kepada lokasi mengikut zon sekolah-sekolah tersebut merangkumi Sekolah Sukan Bukit Jalil untuk Zon Tengah, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail untuk Zon Selatan, Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Terengganu untuk Zon Timur, Sekolah Sukan Malaysia Sabah untuk Zon Sabah, Sarawak dan Labuan dan Sekolah Sukan Perlis untuk Zon Utara.

Di samping itu, KPM juga sedang memantapkan 15 buah sekolah sukan negeri (SSN) yang berfungsi sebagai pusat kecemerlangan sukan bagi melahirkan lebih ramai atlet murid berbakat sukan di peringkat negeri masing-masing. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa ketika ini ada empat buah SSM, sekolah sukan Malaysia, 15 buah sekolah sukan negeri, 681 buah

sekolah sukan daerah dan termasuk juga pusat latihan daerah sejumlah 860. Kalau kita campur semua inilah, jurulatih yang ada 2,500 orang, *student* ataupun pelajar yang terlibat lebih kurang 40,000. Kita sedar bahawa asas 40,000 pelajar ini nampaknya banyak tetapi kalau dibahagikan pula dengan jumlah jenis sukan yang begitu banyak maka *basenya* masih sedikit. Soalannya, adakah kerajaan bercadang selain daripada membina tambahan dua buah sekolah sukan itu, mewujudkan satu IPJ khusus melahirkan jurulatih-jurulatih sukan.

Kedua, berapakah jumlah biasiswa yang telah pun disediakan ketika ini untuk pengajian sains sukan kepada pelajar-pelajar dan adakah kerajaan juga bercadang untuk melihat aspek atlet OKU yang memang ada Paralimpik dan sebagainya untuk masa depan. Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih diucapkan kepada Ahli Parlimen Jerlun yang memang prihatin terhadap pembangunan sukan negara. Yang Berhormat Dato' Othman juga merupakan pemain ragbi terkemuka Malaysia, mempunyai sumbangan yang... *[Disampuk]* Masih boleh main ragbi lagi, saya difahamkan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Jerlun, Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Rancangan NBOS, *the New Blue Ocean Strategy* bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan mengadakan program MyTID iaitu *Talent Identification and Detection* untuk membantu kita mencungkil bakat-bakat di sekolah. Dengan bantuan di bawah rancangan NBOS ini, kita mendapat bekalan jurulatih-jurulatih yang diberikan, yang dibekalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam juga majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Sukan Malaysia. Dengan itu, kita mempunyai kerjasama yang lebih erat untuk menjimatkan kos pembangunan sukan negara. Pada masa sekarang, kita tidak ada sebarang rancangan untuk pembinaan IPJ khas atau khusus untuk pembangunan jurulatih sukan untuk sekolah kita.

Menjawab soalan tentang jumlah biasiswa, saya akan mendapatkan jawapan bertulis untuk Yang Berhormat dan untuk pembangunan OKU, sekarang di bawah SSM kita tidak ada perancangan khusus untuk OKU tetapi Paralimpik OKU itu berada di bawah jagaan Majlis Sukan Negara dan Majlis Olimpik Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan bagi pihak kementerian tadi. Saya amat terujalah dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat terutamanya dengan meningkatkan cadangan untuk meningkatkan pembinaan sekolah-sekolah sukan beberapa buah lagi dan ini kita harap dapat mempertingkatkan tahap pencapaian sukan di dalam negara kita.

Cuma saya agak rasa kurang berpuas hati bila disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam tempoh 2000 sehingga 2012, hanya 51 *event* sahaja yang nampaknya pencapaian di kalangan pelajar sekolah sukan ini. Okey, soalan saya, saya hendak bawa kepada perkara yang agak menyimpang sedikit daripada sukan moden.

Saya hendak tanya, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan satu kurikulum di dalam sekolah-sekolah sukan di Malaysia ini apa yang dinamakan *traditional sports* dengan izin, sukan



tradisi. Kalau kita tengok di negara-negara yang maju sukan ini, umpamanya di Jepun, mereka mempopularkan *traditional sports* ini. Umpamanya ada pertandingan ataupun sukan sumo yang sampai ke peringkat dunia. *Martial art*, judo, karate, *modern kendo* dan juga selain daripada *modern sports*. Begitu juga di Korea, negara yang maju sukan ini, dia ada sukan yang dinamakan *So Ssa-eum*, *bull fight* iaitu lawan lembu tetapi bukan macam di *Spain*. Kemudian dia ada *Hapkido*, dia ada *Changgi*, iaitu *Korean Chess* yang ada di situ.

Jadi adakah kerajaan kita ini bercadang untuk menjadikan dalam kurikulum sekolah sukan ini *traditional sports* umpamanya silat. Kemudian, wau, gasing, batu serembat, congkak dan sebagainya. Semua *traditional sports* ini dijadikan satu kurikulum dan sekolah sukan kita dan kita popularkan sebagai sukan tradisional Malaysia untuk dibawa ke peringkat dunia. Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Kota Bharu. Pada hemat saya, sudah cukup banyak kurikulum yang perlu dipelajari oleh murid-murid kita. Kalau setiap sesuatu yang perlu dipelopori itu dimasukkan ke dalam kurikulum pelajar kita, maka perlu benda-benda yang perlu dipelajari oleh murid-murid kita.

#### ■1100

Akan tetapi saya mengalu-alukan cadangan untuk kita memperkasakan dan mempromosikan sukan tradisi Malaysia, tetapi di bawah jagaan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya tentang soalan sekolah sukan Malaysia, kita mempunyai sukan khusus yang berprestasi tinggi untuk dibangunkan. Bagi menjawab soalan yang mengatakan bahawa kita hanya mempunyai pencapaian yang lemah, boleh saya berikan beberapa fakta.

Tahun ini sahaja 2015, atlet kita di bawah SSM telah menjadi johan keseluruhan tahun ini di *West Australia Little Athlete* dan kita juga mendapat naib johan keseluruhan di Kejohanan Balapan dan Padang, sekolah-sekolah Asia kedua. Pada tahun lepas kita juga menjadi johan keseluruhan di dalam *6th ASEAN School Games* dan juga menjadi johan tahun lepas kepada Kejohanan Hoki Sekolah-sekolah Asia.

Pencapaian di bawah jagaan SSM ini tidak hanya begitu *worth*, kalau boleh diizinkan saya baca satu lagi iaitu SSBJ Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI) juga berjaya membantu negara dengan membawa pulang 7 pingat emas, 22 perak, 16 gangsa sepanjang Sukan Asia iaitu dari tahun 2002 hingga 2014. Di antara atlet muda selain daripada Pandelega yang mengharumkan nama negara di peringkat dunia termasuklah Leong Mun Yee Sukan – terjun 4 kali Olimpik, Bryan Nickson – sukan terjun 3 kali Olimpik, Koo Kien Keat dan Tan Boon Heong – sukan badminton 2 kali Olimpik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Chong Sin Woon:** Roslinda Samsu banyak lagi senarai-senarai yang boleh kita tunjukkan bahawa itulah pencapaian-pencapaian atlet sukan SSM. Sekian terima kasih.

6. **Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah tindakan yang dibuat bagi mencegah kegiatan mengemis dan meminta derma di restoran dan kaki lima bank terutama bandar-bandar yang semakin menular sekarang terutama yang melibatkan sekolah tahfiz dan madrasah agama.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Antara tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mencegah kegiatan mengemis ialah pertama operasi menyelamat pengemis. Kementerian melalui JKM ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menjalankan operasi berjadual *ad hoc* dan bersepadu dengan agensi yang terlibat seperti pihak berkuasa tempatan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan pihak hospital untuk menyelamatkan orang papa. Setiap agensi akan bertindak mengikut bidang kuasa agensi masing-masing.

Mulai Januari hingga Jun 2015, sebanyak 934 operasi telah dijalankan dan 770 orang pengemis telah diselamatkan. Daripada jumlah tersebut seramai 72 orang adalah kanak-kanak. Pengemis-pengemis ini diambil tindakan di bawah Akta Orang Papa 1977 dan tindakan mengikut agensi penguatkuasaan lain seperti polis, imigresen dan AADK.

Bagi kes pengemisan melibatkan orang dewasa ia akan dikendalikan mengikut peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977, manakala kes pengemisan melibatkan kanak-kanak akan dikendalikan mengikut Akta Kanak-kanak 2001. Kedua, pemantauan aktiviti mengemis. JKM menjalankan aktiviti pemantauan berkala di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan aktiviti pengemisan seperti pusat membeli-belah, restoran, pasar sehari, pasar malam, kaki lima bank dan bangunan perniagaan. Sekiranya masih terdapat pengemis, mereka akan diselamatkan dan diserahkan kepada agensi yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Ketiga, program kesedaran. Kementerian juga meningkatkan kesedaran awam untuk tidak menggalakkan aktiviti pengemisan melalui program-program advokasi dengan mengedarkan poster, banting, risalah dan sebagainya. Kementerian berharap masyarakat dapat menyalurkan sumbangan atau derma mereka kepada pihak-pihak bertauliah seperti pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang berdaftar, rumah ibadat dan pusat jagaan yang berdaftar dengan JKM.

Keempat, jawatankuasa bagi menangani isu pengemisan. JKM juga bertindak sebagai urus setia kepada jawatankuasa bagi menangani isu pengemisan di peringkat nasional, negeri dan daerah. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaraskan program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela yang berkaitan. Isu dan perkara berbangkit berkaitan pengemisan dibincangkan bersama bagi mencari pendekatan yang terbaik menangani isu ini.

Kelima, *task force* kutipan derma. JKM juga telah menubuhkan *task force* berkaitan isu eksploitasi kanak-kanak di kalangan kanak-kanak melalui kutipan derma di Malaysia yang telah

dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Dato' Shamsiah Abdul Rahman Ahli Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan pada 7 Mei 2014. Tujuan *task force* ini adalah untuk membincangkan isu kutipan derma di kalangan kanak-kanak yang berlaku di Malaysia terutamanya yang melibatkan golongan daripada sekolah tahfiz dan di kalangan kanak-kanak Rohingya.

Selain itu JAKIM juga telah bekerjasama dengan JKM dan beberapa agensi kerajaan serta swasta untuk membangunkan pelan tindakan menangani isu eksploitasi kanak-kanak melalui kutipan derma pada 10 Jun 2013. Inisiatif ini diambil kerana terdapat juga kanak-kanak yang menemui orang ramai untuk mendapatkan derma dipercayai daripada pelajar tahfiz. Pelan tindakan tersebut dijadikan sebagai salah satu dokumen rujukan bagi menyelaraskan tindakan dengan beberapa agensi yang mempunyai bidang kuasa bagi membanteras kegiatan eksploitasi kanak-kanak termasuklah JKM, PDRM, PLUS, Jabatan Agama Islam Negeri dan lain-lain.

Selain KPWK, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga melalui undang-undang kecil mereka boleh mengambil tindakan sesuai dalam membanteras isu pengemis dari terus berleluasa di kawasan pentadbiran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan agama Islam termasuk tindakan terhadap sekolah tahfiz dan madrasah agama yang mempergunakan khidmat kanak-kanak untuk mengutip derma adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Justeru kerajaan negeri diminta untuk sama-sama menangani masalah serta isu ini. Terima kasih.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang bagi saya jawapan diberikan sangat menyeluruh dan *all encompassing* dengan izin. Ada dakwaan bahawa operasi pengemis yang dibuat oleh kanak-kanak ini bukan hanya daripada institusi-institusi agama seperti maahad tahfiz ataupun madrasah tetapi adalah dirancang dan dilaksanakan oleh sindiket-sindiket yang tersusun dan teratur.

Soalannya, dalam jawapan tadi tidak ada disebut sama ada, ada mana-mana pihak yang telah dapat dikesan didakwa atas usaha-usaha sindiket mengemis ini. Jadi soalan saya, benarkah ada sindiket ini? dan jika benar adakah tindakan-tindakan telah diambil dan kalau ada tindakan undang-undang, kalau boleh dinyatakan. Kita rasa ini menunjukkan bertambah seriusnya usaha kerajaan untuk membanteras isu mengemis. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sebenarnya ada banyak orang yang mengatakan ada sindiket, ada sindiket tetapi bila kita mengadakan Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan agensi yang lain mengadakan operasi-operasi ini yang berterusan, susah sangat untuk mendapatkan *evidence* ataupun bukti yang ada sindiket yang terlibat.

Oleh sebab itulah, kita lihat setakat ini apa yang kita buat apabila kita mengadakan operasi mereka yang terlibat kita akan selamatkan. Kalau mereka ini berumur di bawah 60 tahun, maka

kita bawa ke desa bina diri untuk kita latih mereka, ajar mereka supaya mereka mempunyai kemahiran dan dapat kembali bekerja dan kembali kepada masyarakat.

Sekiranya mereka ini berumur 60 tahun ke atas, maka kita bawa pula ke rumah-rumah Seri Kenangan kita di mana mereka kita akan jaga selama tiga tahun dan sekiranya dalam tempoh masa itu ada ahli keluarga mereka yang boleh mengambil mereka kembali ke pangkuan keluarga, maka kita akan kembalikan ataupun jika mereka menunjukkan kesungguhan untuk bekerja, maka kita bebaskan.

Akan tetapi berkaitan dengan tuduhan yang ada sindiket ini, kita ingin sangatlah kalau ada pihak yang boleh datang *come forward* kepada kita dan kepada pihak polis untuk menunjukkan bukti-bukti sindiket ini.

#### ■1110

Jika ini dapat ditunjukkan, maka pihak berkuasa akan mengambil tindakan *Insyah-Allah*. Akan tetapi dalam masa yang sama kita akan meneruskan kerja kita, operasi kita untuk menyelamatkan pengemis ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya selama ini kadang-kadang saya tidak sebulu dengan Yang Berhormat Kuala Krai tetapi dalam soalan ini saya sokong Yang Berhormat Kuala Krai. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab, jadi berkaitan dengan pengemis. Saya juga menjalankan biro kebajikan, mempengerusikan Biro Kebajikan UMNO. Justeru itu, relevan dengan saya di mana kita juga sedang mengesan apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Sindiket ini memang wujud cuma macam Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi perlu adanya satu *evidence* yang kukuh untuk kita dakwa mereka. Akan tetapi saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sudah sebutkan tadi NBOS iaitu *National Blue Ocean Strategy* patut kita memperkasakan lagi, bekerjasama erat dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan termasuklah tentera juga boleh bantu, polis, Imigresen, semua kita boleh kita libatkan untuk kita tengok bagaimana kaedah yang bersesuaian.

Ini saya merasakan perkara ini amat penting. Bukan setakat di bandar, malahan kalau kita hendak balik ke kawasan masing-masing khususnya balik ke Utara, balik ke Kedah contohnya *you* berhenti dekat Rehat dan Rawat (R&R) pun ada dia bawa anak-anak, dia bawa *baby* selain daripada masjid pada hari Jumaat. Saya merasakan kebanyakan mereka ini adalah bukan warganegara kita. Mereka ini datang dari luar.

Itu di antara perkara yang saya fikir kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri harus meneliti dan melihat secara meluas untuk memastikan ia dapat dilaksanakan.

Satu lagi yang saya hendak sentuh juga tambahan daripada apa Yang Berhormat Kuala Krai sebutkan tadi mereka ini yang buta. Yang buta ini juga...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Janganlah sibuk. Saya tidak pernah kacau Yang Berhormat Kapar. Eh nyonya, *you* boleh diam kah nyonya?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bila saya panggil *you* nyonya Yang Berhormat Seputeh, *you* marah. Bila orang tanya soalan janganlah kacau. Ini perkara mustahak, ini perkara penting. *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Soalan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya tengah tanya soalan lah. Saya mesti tanya soalan dan memberi pandangan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Semua penting. Soalan, soalan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itulah. Ini bukan menjadi Ahli Parlimen yang macam ini yang sibuk bercerita pasal 1MDB, RM2.6 bilion. Kerja hendak mengangkat martabat rakyat, tolong rakyat tidak ada. Jadi, orang hendak cakap betul pun hendak ganggu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...on 1MDB. Thank you.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, saya hendak beritahu, hendak minta satu lagi soalan tambahan saya berkaitan dengan mereka yang buta ini.

Memang lah kita hendak bantu mereka yang buta. Sememangnya saya tidak tahulah pembangkang bagi atau tidak bagi. Saya kalau biasa jumpa orang buta kita bagi. Dia orang ini sibuk cerita hal orang sahaja. Jadi, saya hendak beritahu yang buta ini pun juga ada banyak warga asing yang berada di sini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sekadar pakai cerita.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, saya minta kementerian Yang Berhormat untuk meneliti, memastikan perkara ini dapat kita benar-benar. Kalau mereka perlu dibantu kita bantu. Kalau ada sindiket kena ada NBOS *strategy* ini untuk menahan mereka dan dakwa mereka di mahkamah. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Terima kasih adinda daripada Baling. Memang membawa banyak cadangan yang baik. Saya percaya pihak sana pun bersetuju juga dengan cadangan-cadangan yang baik ini. Sengaja sahaja dia orang hendak buat bising itu.

Pertamanya berkenaan dengan cadangan untuk kita mengerjakan NBOS. Seperti mana yang saya sebutkan tadi memang pun segala operasi kita melibatkan semua agensi yang berkaitan termasuklah pihak polis, pihak Imigresen dan juga pihak AADK tetapi itulah setakat ini untuk kita dapatkan bukti-bukti sindiket itu sememangnya bukan satu perkara yang mudah. Mereka ini terlalu pandai. Kalau kita hendak tangkap kanak-kanak di bawah umur 18 tahun, selepas itu dia tahu *next time* dia akan bawa orang yang berumur lebih 18 tahun. Jadi, tidak

boleh lagi kita ambil tindakan di bawah Akta Kanak-kanak. Dia macam itu. Mereka ini amat licik sekali.

Walau macam mana pun saya percaya dengan adanya kerjasama berbagai-bagai jabatan, saya mengambil kira tadi apa cadangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat daripada Baling itu kita akan pastikan kerjasama ini lebih mantap lagi dan kita akan pastikan mereka akan diambil tindakan.

Saya juga ingin katakan di sini, akan tekankan di sini bahawa kalau ada ibu bapa juga yang terlibat dengan sindiket ini dan kita ada buktinya kita akan ambil tindakan terhadap mereka di bawah Akta Kanak-kanak jika yang terlibat menjadi pengemis ini adalah di bawah 18 tahun. Kita akan ambil tindakan terhadap mereka. *Be warned*, sekarang kita akan ambil tindakan terhadap mereka supaya mereka sedar bahawa mereka tidak boleh mempergunakan anak-anak mereka untuk tujuan mengemis ini.

Kedua tentang berkaitan dengan orang yang buta, Yang Berhormat. Memanglah kita sudah tubuhkan satu *task force* di bawah kementerian yang saya mempengerusikan sendiri berkaitan dengan orang kurang upaya yang mana kita akan melihat bagaimana kita dapat *empower* dan *enable* orang-orang kurang upaya termasuk orang buta ini.

Saya ingin maklumkan di sini di pejabat saya, saya ada seorang pegawai daripada kalangan orang buta. Jadi, saya mintalah kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi kita membantu orang kurang upaya ini supaya mereka mempunyai pekerjaan dan mereka dipandang tinggi oleh masyarakat kita. Ambil mereka bekerja di pusat-pusat khidmat Yang Berhormat-Yang Berhormat atau pun di pejabat-pejabat Yang Berhormat-Yang Berhormat supaya kita dapat capai 1% untuk memberi pekerjaan kepada orang kurang upaya ini.

*Insyallah* kami di kementerian, ini kerja yang akan kita teruskan tidak kira yang buta kah, yang pekak kah yang *physical handicapped* kah, kita akan terus membantu mereka dengan pelbagai cara supaya mereka boleh menjadi anggota masyarakat kita yang boleh berdikari dan dihormati, *insyallah* terima kasih.

**7. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan, nama dan negara asal institusi kewangan asing yang beroperasi di negara ini; dan
- (b) apakah garis panduan dan pertimbangan kerajaan dalam meluluskan institusi kewangan asing di negara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bilangan institusi kewangan asing mengikut industri adalah seperti berikut:

- (i) Perbankan konvensional, 19 buah;
- (ii) Islam dan Islam Antarabangsa, 9 buah;
- (iii) Insurans konvensional, 20 buah;

- (iv) Insurans dan insurans semula, 4 buah;
- (v) Takaful, 2 buah; dan
- (vi) Takaful semula, 3 buah.

Permohonan oleh institusi kewangan asing untuk menjalankan sama ada perniagaan perbankan, insurans atau pun perbankan pelaburan akan dinilai oleh Bank Negara Malaysia berpandukan faktor-faktor yang dinyatakan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Ini termasuk mengambil kira kriteria kehematan, *prudential criteria* dan kriteria kepentingan terbaik bagi Malaysia, *best interest of Malaysia criteria* secara amnya.

Faktor-faktor ini memastikan kestabilan kewangan dan kepentingan terbaik Malaysia sentiasa dipelihara. Kriteria kehematan secara keseluruhannya merangkumi kekukuhan kewangan, rekod perniagaan, pengalaman, ciri-ciri dan integriti pemohon. Kekukuhan dan kebolehsanaan pelan perniagaan, ketelusan dan tahap kompleksiti struktur kumpulan korporat serta tahap sistem penyeliaan di negara asal pemohon seandainya pemohon tersebut merupakan pelabur asing.

Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu, saya boleh bacakan senarai bank-bank yang dikategorikan bank asing. Daripada Amerika ada tiga buah bank iaitu Bank of America Malaysia Berhad, Citibank Berhad dan JPMorgan Chase Bank Berhad. Dari United Kingdom ada tiga buah, HSBC Bank, Standard Chartered dan Royal Scotland Bank. Dari Jepun ada tiga buah, Bank of Tokyo, Mizuho Corporate Bank, dan Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad. Dari Singapura ada dua buah, OCBC Bank dan United Oversea Bank. Bank daripada China ada Bank of China dan Industrial and Commercial Bank of China. Dari Thailand, Bangkok Bank Berhad, satu buah. Dari Perancis, BNP Paribas Malaysia Berhad. Dari India, India International Bank dan dari Abu Dhabi, National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini mikrofon pun tidak berapa betul Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini untuk membaiki. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar semua negara-negara yang ada bank di sini tetapi hari ini saya ada sentuh satu buah bank atau pun dua buah bank yang sudah berbohong. Mungkin ada sensitif sedikit.

#### ■1120

Macam Yang Berhormat Menteri itu dua-dua duduk sana, dia beritahu ini Taiwan punya bank. Kemungkinan kita dengar ini ada sensitif sedikit tetapi kita mesti beritahu China. *One-China policy*, kita tidak berhubung berkaitan dengan politik. Kita hendak cerita masalah ekonomi, isu-isu

ekonomi, macam mana mahu berkembang ekonomi kita ataupun dua-dua pihak. Taiwan ini kita semua sudah tahu, dalam masa 90-an, SME kita lebih murah daripada Taiwan. Bagi kita peluang ataupun bantu kita ataupun sama-sama menjalankan SME di negara kita. Sudah berpuluh tahun sampai sekarang, sudah 25 tahun. Mereka cuma memohon atas satu bank untuk membantu mereka, *entrepreneur* ataupun pelabur-pelabur daripada Taiwan. Kenapa susah sangat kita boleh buang?

**Seorang Ahli:** Soalan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya sudah soalanlah, kenapa kita tidak boleh. [Dewan riuh] Yang Berhormat Menteri Wilayah hari ini / ingat terlampau senang, tidak ada kerja. [Ketawa]

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kenapa kita tidak boleh kaji betul-betul, meneliti betul-betul macam mana hendak bantu ini, pelabur-pelabur daripada Taiwan kerana kemungkinan mereka ada harta di Taiwan, mereka tidak buat *mortgage*, mereka tidak boleh dapat *financing* daripada Malaysia. Macam mana mahu *expand factory* di Malaysia ini? Saya minta penjelasan daripada Menteri tetapi jangan kongkalikung, jawab ya. Jangan macam itu Menteri dua-dua di sana, sekali jalan dia kongkalikung.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Pertama, saya ingat Kerajaan Malaysia mengamalkan konsep terbuka dari segi permohonan bank. Saya hendak bacakan empat buah bank yang *latest* diluluskan oleh Bank Negara ialah BNP Paribas, Mizuho, Sumitomo dan National Bank of Abu Dhabi. Itu pada tahun 2010.

Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Bintulu untuk menghantar permohonan dan meletak justifikasi kerana salah satu daripada syarat yang dikenakan oleh pihak Bank Negara dalam meluluskan lesen *foreign bank* ini ialah ia mengambil kira kepentingan negara iaitu dari segi kesan perwujudan bank tersebut sama ada boleh memanfaatkan ekonomi negara. Jadi, saya percaya ramai pelabur Taiwan yang ada di negara kita ini sejak berpuluh-puluh tahun lalu banyak kilang. Malah pelabur-pelabur Taiwan merupakan salah sebuah negara yang begitu aktif dalam negara kita. Saya percaya kalau syarat-syarat yang dikehendaki dipenuhi oleh pihak Bank Negara, saya tidak nampak kenapa ia tidak dapat diluluskan.

Contoh, untuk mendapatkan bank ini ia mempunyai RM300 *million paid-up capital* yang *unimpaired*. Kemudian daripada RM300 *million* ini, kalau dia membuat pinjaman yang besar maka *capital* juga kena bertambah. Jadi saya tidak nampak kenapa ini tidak dilakukan. Jadi soal Yang Berhormat Bintulu sebut sama ada Taiwan, China, 1Malaysia Policy, yang itu saya ingat di luar bidang kuasa saya.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ini adalah berdasarkan kepada Dasar Liberalisasi Kewangan secara agresif dilakukan oleh kerajaan sejak 2009 yang lalu. Ini adalah impak daripada



globalisasi ekonomi yang memang kita lihat ada pro kontra lah terhadap sosioekonomi dan *political economy* negara yang mana ini adalah kesan ekoran daripada penurunan tarif sehingga menjejaskan barangan tempatan. Malah dalam sesetengah sektor, contohnya ialah sektor pembinaan, negara kita ini masih lagi bergantung pada buruh asing. Kalau berdasarkan kepada rekod yang dikeluarkan oleh BERNAMA, 2.2 juta orang pekerja asing yang berdaftar dan yang tidak berdaftar ialah 2.5 juta.

Jadi ini menyebabkan kebergantungan negara terhadap aktor-aktor global yang membahayakan ekonomi negara kita pada pandangan saya. Jadi apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani perkara-perkara seperti ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika tidak berkaitan, boleh tidak menjawab Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ini *foreign workers*, tidak berkaitan.

**8. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sebab-sebab DBKL masih gagal memulihkan projek terbengkalai yang masyhur iaitu Plaza Rakyat hingga kini dan masih kah ada harapan projek tersebut dipulihkan dalam tempoh terdekat.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, projek Plaza Rakyat telah terbengkalai sejak tahun 1997 disebabkan oleh krisis ekonomi negara dan masalah kewangan yang dihadapi oleh Plaza Rakyat Sdn. Bhd. Datuk Bandar Kuala Lumpur telah melalui proses rundingan dengan pelbagai pihak dalam tempoh tersebut serta melalui proses perundangan yang panjang dalam menyelesaikan isu Plaza Rakyat. Pihak penimbang tara pada 4 Julai 2014 telah memutuskan penamatan perjanjian usaha sama bertarikh 16 Disember 1992 dan perjanjian pajakan antara pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Plaza Rakyat Sdn. Bhd. adalah sah dan teratur. Susulan daripada itu, tapak projek Plaza Rakyat telah diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 6 November 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kami telah mendapat berbagai-bagai bida untuk mereka memajukan semula Plaza Rakyat dan keputusan telah diambil untuk melantik sebuah syarikat Profit Consortium Sdn. Bhd. untuk membangunkan semula Plaza Rakyat dan dijangka akan memasuki pelbagai perjanjian jual beli dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur selewat-lewatnya November ini. Dengan pelantikan syarikat yang baru ini, diharapkan isu projek yang terbengkalai ini dapat dipulihkan semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tahu Ahli Yang Berhormat akan menanyakan apa akan terjadi kepada pembeli-pembeli yang telah membeli dengan syarikat Plaza Rakyat Sdn. Bhd. dahulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah meletakkan

satu terma syarat supaya pembeli-pembeli seramai 211 orang ini juga diambil kira untuk diselesaikan oleh pembida baru ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Projek Plaza Rakyat sudah terbengkalai hampir 20 tahun, satu ISO di pusat bandar Kuala Lumpur.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, betul.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Projek ini diusahakan antara DBKL dan pemaju, Plaza Rakyat Sdn. Bhd. Saya ingin tahu apakah syarat-syarat jual beli ini, adakah dibuat secara tender terbuka atau tertutup dan harga jualan yang dijual kepada syarikat Profit Consortium. Apakah nasib kepada para pembeli asal yang telah membayar wang pembelian, adakah mereka akan mendapat pampasan yang setimpal dengan nilai ringgit. Jikalau pembeli akan teruskan kontrak atau beli janji, adakah mereka dipastikan dengan harga yang asal. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, kita telah membuat bida secara tertutup. Ada lebih kurang dalam tiga buah syarikat yang telah menghantar bida-bida mereka dan satu pemilihan telah dilaksanakan yang difikirkan lebih munasabah untuk dilaksanakan pembangunan semula projek Plaza Rakyat dan bida yang tertinggi telah diambil. Harga jualan telah kami jual kepada mereka ialah RM740 juta. RM700 juta *outright sale* tanah tersebut dan RM40 juta untuk mereka menyelesaikan 211 orang pembeli yang lama. Itu yang telah diputuskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, percayalah kita sedar bahawa dulu ada permasalahan dan saya telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyelesaikan dua perkara terbengkalai di Kuala Lumpur ini. Satu Plaza Rakyat dan satu lagi Jalan Pekeliling.

■1130

*Insya-Allah, God's willing.* Saya janji kepada pembeli ialah pada bulan Ogos, sekarang ini dah Oktober, terlewat sedikit oleh kerana terma-terma yang tidak boleh diterima oleh DBKL dan juga pembeli yang baru. Jadi, *insya-Allah*, kita dapat selesaikan masalah ini selewat-lewatnya bulan November ini. Saya juga sedang memikirkan bagaimana hendak menyelesaikan lagi satu projek terbengkalai iaitu Jalan Pekeliling.

Percayalah Yang Berhormat, bahawa kerajaan yang ada ini adalah kerajaan prihatin. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, dia akan pastikan janji kita akan tepati dan kita akan selesaikan masalah. Untuk makluman Yang Berhormat, pembeli-pembeli sebenarnya tidak ada hak tetapi oleh kerana kerajaan ini kerajaan yang prihatin dan saya prihatin, saya telah memutuskan supaya RM40 juta diperuntukkan untuk

menyelesaikan masalah ini kerana pembeli ini telah membeli dengan Plaza Rakyat dan Plaza Rakyat Sdn Bhd adalah sebuah syarikat muflis. Terima kasih.

**9. Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah kerajaan akan memberi peruntukan tambahan untuk menaik taraf jalan Ulu Skrang yang belum lagi dapat dilalui oleh kenderaan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menjawab soalan nombor 9.

Untuk makluman Yang Berhormat yang bertanya, Projek Jalan Ulu Skrang-Lubok Antu, Sarawak merupakan projek yang mula dilaksanakan pada Januari 2012 dan telah pun siap sepenuhnya pada April 2015. Skop projek adalah membina jalan *gravel* sepanjang 50 kilometer dengan spesifikasi JKR R1. Pihak JKR Sarawak memaklumkan bahawa jalan raya tersebut telah boleh dilalui oleh kenderaan ringan bergantung kepada keadaan cuaca.

Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas *rolling plan* pertama tahun 2016, kementerian telah memohon dengan pihak Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan Projek Jalan Ulu Skrang-Lubok Antu Sarawak Fasa 2 yang melibatkan pembinaan jambatan-jambatan di sepanjang jajaran sedia ada bagi mengatasi masalah banjir dengan anggaran kos berjumlah RM28.5 juta. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut adalah bergantung kepada kelulusan EPU JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itulah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis".

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." **[28 Oktober 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Hulu Rajang untuk menyambung perbahasan selama 15 minit.

**11.33 pg**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sehati sejiwa.

*Dari Kuching pergi ke Miri;*

*Mencari pasangan si anak dara;*

*Hulu Rajang kini berdiri;*

*Membahaskan dasar bajet untuk semua.*

Saya turut ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Bajet 2016. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang amat menunjukkan keprihatinan beliau kepada warga Malaysia untuk terus membangun dan juga tidak dilupakan keprihatinan beliau kepada masyarakat pedalaman di Sarawak dan Sabah. Pembentangan Bajet 2016 sangat menyentuh jiwa saya sebagai Ahli Parlimen di pedalaman. Kekurangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sarawak jelas diterjemahkan beliau di dalam Bajet 2016, Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan mesyuarat**]*

Pinjaman tanpa faedah pembinaan rumah panjang, Tuan Yang di-Pertua. Masyarakat Dayak yang khususnya tinggal di pedalaman sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memperuntukkan RM70 juta dalam Bajet 2016 bagi pinjaman tanpa faedah untuk pembinaan rumah panjang, dan amaun pinjaman tersebut telah dinaikkan dari RM10,000 hingga ke RM50,000. Tidak pernah mantan-mantan Perdana Menteri yang lain untuk memberi kenaikan peruntukan tersebut.

Sukacita saya turut ingin memaklumkan kepada kerajaan, kelulusan yang telah diberi untuk memiliki rumah panjang adalah melalui ketua masyarakat atau tuan rumah dalam cakap Iban, Tuan Yang di-Pertua, yang sah dilantik oleh kerajaan negeri. Kolaborasi di antara Bank Simpanan Nasional dan kerajaan sangat dialu-alukan untuk mempercepatkan permohonan pinjaman tersebut. Adalah harapan saya agar terma-terma dan syarat-syarat pinjaman tidak perlu diketatkan, Tuan Yang di-Pertua. Paling penting syarat perlu diambil kira adalah surat pengesahan daripada tuan rumah dan ketua masyarakat untuk menyokong permohonan pinjaman tersebut.

Program khas bumiputera Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan RM30 juta untuk pemetaan tanah adat asal sungguh dialu-alukan oleh penduduk peribumi di negeri Sarawak. Seperti mana sedia dimaklumkan, isu tanah di Sarawak sangat diperbincangkan sama ada di media sosial ataupun media massa. Adat yang baik sangat rapat dengan kaum Dayak sama ada Islam atau bukan Islam. Sentuhan negatif terhadap adat boleh mengundang reaksi negatif. Oleh itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri faham tentang keadaan itu dan beliau ingin pemetaan tanah adat asal dipercepatkan dengan serta-merta.

Pembangunan *facilities* pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk pembangunan modal insan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan RM500 juta untuk membangunkan dan menyenggarakan *facilities* pendidikan termasuk sekolah di Negeri Sarawak. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya Kerajaan Pusat menyalurkan lebih banyak peruntukan ke Negeri Sarawak dan Sabah memandangkan kedua-dua buah negeri ini mempunyai majoriti sekolah yang memerlukan perhatian serius, Tuan Yang di-Pertua. Setiap permohonan peruntukan sekolah harus diluluskan dengan segera. Saya prihatin sebagai wakil rakyat. Guru-guru kita tinggal di rumah yang begitu usang dan uzur. Oleh yang demikian, saya berharap pendidikan diteruskan khusus kepada rumah-rumah guru di pedalaman.

Oleh yang demikian, turut akan mohon peruntukan khusus kepada SK Bantuan Methodist Nanga Mujong, sekolah saya dahulu dan juga supaya Kementerian Pendidikan

memberikan Sekolah Bantuan Methodist Kapit, Tuan Yang di-Pertua. Parlimen Kapit ada di dalam ini.

Peruntukan RM5.776 bilion kepada Kementerian Kerja Raya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Hulu Rajang, duduk sebentar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah Menteri Luar Singapura, Hon. Dr. Vivian Balakrishnan dan delegasi. *[Tepuk]* Kepada Hon. Dr. Vivian Balakrishnan dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran Hon. Dr. Vivian Balakrishnan dan delegasi ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan juga Parlimen Singapura. Terima kasih. *[Tepuk]*

Sila Yang Berhormat, Hulu Rajang.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kerja Raya telah diperuntukkan RM5.776 bilion dan saya difahamkan bahawa Kementerian KKLW diperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion bagi pembinaan dan naik taraf untuk lebih kurang 700 kilometer jalan di luar bandar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen P.216 Hulu Rajang dan DUN N.56 Baleh adalah satu-satunya kawasan pedalaman yang masih memerlukan pembangunan infrastruktur yang sempurna. Ini tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak, Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan serius harus diberi kepada pembangunan infrastruktur jalan agar kawasan Hulu Rajang tidak ketinggalan dalam arus pembangunan apatah lagi Malaysia bakal menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh yang demikian, daripada peruntukan RM1.4 bilion itu, saya mohon agar pembinaan jalan raya berikut dimulakan dan diambil tindakan dalam Bajet 2016 bermula pada tahun hadapan. Projek-projek ini adalah seperti berikut.

Pertama, pembinaan jalan raya dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat. Nanga Gaat adalah asal tempat saya, Tuan Yang di-Pertua dan saya pun tidak ada jalan sebagai Ahli Parlimen di kawasan pedalaman. Oleh yang demikian, saya mohon kepada kementerian KKLW supaya mengambil tindakan dan harus memberi perhatian yang serius kepada jalan-jalan di pedalaman.

■1140

Kedua, pembinaan jalan raya dari Rumah Juntan ke Rumah Bengau di kawasan Sungai Sut dan jalan dari SK Rantau Panjai ke Rumah Ait di Sungai Entowel, Sungai Benar dan juga dari Nanga Entaroh ke Rumah Juni di Sut di kawasan Hulu Rajang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menghampakan harapan dan perjuangan penduduk-penduduk luar bandar di kawasan Hulu Rajang yang amat setia kepada Barisan Nasional pada hari ini dan selama-lamanya nanti. Penurapan yang ketiga, penurapan jalan raya

di Hulu Sut lebih kurang 20 kilometer bermula dari Jambatan Pelajau, Sungai Ngau, Sut ke Rumah Juntan harus diambil perhatian Tuan Yang di-Pertua.

Keselamatan negara. Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan negara harus dipandang serius. Kesejahteraan bangsa hidup aman dan sentosa. Bahagian Kapit, Sarawak adalah kawasan yang terbesar di negeri Sarawak, lebih besar daripada negeri Pahang dan mempunyai empat buah pentadbiran daerah iaitu Kapit, Song, Bukit Mabong, Daerah Baru dan Belaga. Dua buah pusat pentadbiran *sub district* Tuan Yang di-Pertua iaitu Sungai Asap dan Merit. Ia bersempadan dengan negara Indonesia. Banyak lorong tikus di sepanjang sempadan tersebut.

Apa yang merisaukan saya adalah ramai pekerja asing membanjiri pendalaman bahagian Kapit dan bekerja di dalam sektor pembalakan. Sumber itu diberi daripada pekerja-pekerja tempatan yang bekerja bersama dengan majikan-majikan dan pihak yang berkuasa sukar mengesan Tuan Yang di-Pertua pekerja asing kerana tinggal di dalam hutan belantara. Pekerja-pekerja asing ini telah merampas peluang penduduk-penduduk tempatan untuk mendapat pekerjaan dalam sektor pembalakan dan pertanian. Begitu juga pertambahan penduduk kawasan penempatan Sungai Asap semakin bertambah dan pengaruh dengan budaya dan masalah sosial semakin menular di pendalaman itu.

Oleh demikian saya memohon daripada jumlah peruntukan RM31.2 bilion diagihkan untuk membina pos kawalan di Long Busang di Belaga, di Long Singut di kawasan Balleh dan di Bukit Mabong di daerah Bukit Mabong yang baru dan juga Kapit dan sebuah balai polis di BRS Sungai Asap di Belaga.

Memperkasakan belia, komuniti, badan-badan bukan kerajaan (NGO) Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM930 juta untuk tujuan memperkasakan belia dan NGO kita. Saya ingin mengambil kesempatan ini agar semua NGO-NGO di Sarawak diberi peruntukan besar daripada agihan bajet tersebut. Di Sarawak NGO-NGO Dayak adalah rakan kongsi kerajaan dan bukan NGO yang menghentam kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Niat NGO induk Sarawak yang sungguh murni misalnya HDNU, DBNE, Forum, FDGA, DNC, SEDIA, SIDS dan NGO-NGO dari komuniti yang lain. Untuk NGO-NGO yang terdiri daripada komuniti Dayak menjalankan program untuk aktiviti seperti di kawasan pedalaman amat memerlukan kos yang besar Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana penyaluran peruntukan ini dapatlah disalurkan dengan telus kepada semua NGO yang amat memerlukan.

Menambahbaikkan 252 skim perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan antara penambahbaikan harus dilakukan adalah seperti berikut. Satu, elaun penguat kuasa kepada skim perkhidmatan Pegawai Perhubungan Perusahaan dan Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan yang banyak menjalankan tugas-tugas penguat kuasa terutamanya di peringkat gaji minimum 2012. Tugas-tugas penguat kuasa ini hendaklah dipergiatkan supaya kesihatan masyarakat pekerja terjamin. Dengan adanya Pegawai Perhubungan Perusahaan yang menjalankan tugas-tugas dengan penuh dedikasi, maka saya

tidak nampak relevannya. Sarawak Workers Party menunjuk-nunjuk muka baharu *local* kepada masyarakat pekerja di Sarawak tetapi sebaliknya harus membantu memberi input yang baik kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Kekurangan Pegawai Perhubungan Perusahaan skim perkhidmatan sosial (S) adalah tidak setimpal dengan lingkungan kawasan luas di bawah bidang kuasa setiap pejabat di bahagian atau di daerah masing-masing. Ini memerlukan dan diambil perhatian serius oleh kerajaan supaya penambahan pegawai memberi kecekapan di dalam penguat kuasa undang-undang kita. Saya risau penguatkuasaan peringkat gaji minimum 2012 tidak menyeluruh akibat kekurangan kekurangan pegawai dan lokasi tempat bekerja sukar dilawati kerana tidak ada jalan raya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau di Brazil misalnya Pegawai Penguat kuasa di Jabatan Buruh menggunakan helikopter untuk menjalankan penguatkuasaan di hutan belantara. Kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan tertutup hendaklah dipertingkatkan bagi pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun dalam kategori skim yang sama untuk dinaikkan pangkat kepada skim perkhidmatan gred yang terdekat. Proses pertimbangan kenaikan pangkat hendaklah berdasarkan merit, penilaian prestasi tahunan yang lebih baik dan tanpa tindakan tatatertib dan tuduhan jenayah.

Elaun perjalanan tugas rasmi mengikut kawasan hendaklah dinaikkan. Contohnya di kawasan Parlimen Hulu Rajang, majoriti komuniti Dayak jauh di pedalaman dan mengambil risiko amat tinggi untuk dilawat oleh jabatan dan agensi kerajaan. Oleh itu elaun perjalanan tugas rasmi mereka harus dinaikkan dengan mengikut kawasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tajaan pengajian pelajar pergi ke kota ikut peringkat tinggi. Tuan Yang di-Pertua, RM37 bilion dia menaja pelajar bumiputera ke peringkat tinggi. Sungguh dialu-alukan. Namun *concern* saya agihan dana itu kepada pelajar kaum Dayak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang ringkaskan.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Ringkaskan. Okey, Tuan Yang di-Pertua, menara telekomunikasi saya. Memandangkan Bajet 2016 ini diperuntukkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia sebanyak RM1.6 bilion, saya mohon agar kawasan P.216 Hulu Rajang diagihkan peruntukan untuk membangunkan menara tersebut seperti:

- (i) Rumah Unting, Sungai Sekruh, **Ulu Yang;**
- (ii) Rumah Gisang Bebang, Sungai Mujong;
- (iii) Klinik Nanga Merit, Balleh, Kapit;
- (iv) Rumah Mengga, Sungai Sepulau, Kapit;
- (v) SK Rantau Panjai, Sungai Pena, Kapit; dan
- (vi) Klinik Desa di Nanga Berinau, Sungai Balleh, Kapit.



Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang seperti jauh di Hulu Rajang itu susah untuk dihubungi. Saya mohon kerajaan atau Kementerian KKMM ini supaya memberi peruntukan. Kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya belanjawan bagi tahun 2016 ini bakal menjadi setapak langkah ampuh karah memacu negara yang mencapai status negara maju. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dan pemimpin kita di waktu dan ketika ini untuk memastikan visi Wawasan 2020 dapat direalisasikan demi kesejahteraan negara dan bangsa.

Saya turut di kesempatan ini ingin merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada pimpinan muda dan terutama Menteri Belia dan Sukan yang turut memahami keperluan orang muda di kawasan luar bandar seperti di Long Busang. Saya sangat kagum dengan personaliti beliau yang melalui perjalanan lebih sejauh 12 jam sebelum berjaya tiba di Long Busang di kawasan saya untuk Program Pemuda BN Bersama Komuniti. Saya menyeru agar lebih ramai juga Menteri-menteri dari Semenanjung ini mencontohi beliau dan saya berharap ia menjadi realiti.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Menteri Pertanian, Timbalan Menteri Pertahanan sempena lawatan kerja merasmikan Jalan Jiwa Murni dari Long Menjawah ke Pekan Belaga dan merasmikan Majlis Pecah Tanah Jalan Pekan Belaga ke Nanga Merit pada dua minggu yang lepas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sudah cukup masa.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa sudah habis. Tidak perlu ya Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Banyak masa lain Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Ini jelas menunjukkan pemimpin nombor satu dan nombor dua negara sentiasa memahami aspirasi dan perjuangan rakyat di peringkat akar umbi Tuan Yang di-Pertua. Rakyat Malaysia sangat bertuah kerana memiliki kerajaan dan pemimpin yang sering kali meletakkan perjuangan rakyat sebagai agenda nombor satu negara. Tadi saya mula dengan pantun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** ...Saya habiskan dengan pantun juga.

*Tumbuh lebah si daun palas,*

*Panjang sepohon di ombak bakung,*

*Demi rakyat Belanjawan dua ribu enam belas,  
Hulu Rajang mohon menyokong.*

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang, saya jemput Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ini Batu Sumpah ya.

**11.49 pg.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang berbahas ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Negara baru sahaja dan masih jerebu. Ramai yang sakit-sakit. Keadaan tidak sihat ini akibat perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab. Kita difahamkan jerebu ini hanya akan berakhir Januari tahun depan. Namun, kita masih belum tahu bilakah jerebu ekonomi kita akan selesai.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Namun, tiada apa yang mengejutkan. Kos pengurusan tetap tinggi 80.5% diperuntukkan kepada kos pengurusan. Hanya 19.5% sahaja kos pembangunan. Kita lihat MP-MP terlalu puji bajet ini. Puji banyak tetapi hasilnya tidak banyak. Saya sangat sedih bila kos pembangunan hanya 20% lebih kurang dengan tahun lepas sahaja. Ini boleh berlaku disebabkan oleh peningkatan harga barang atau perkhidmatan. Ia dipengaruhi oleh pengurusan ekonomi negara yang lemah akibat *leakage* dan rasuah. Paling memberi kesan ialah skandal 1MDB dan derma RM2.6 bilion.

Saya percaya jika rasuah dihentikan, kerajaan akan jimat RM30 bilion setahun. Kontrak pun banyak runding terus. Ia sebabkan kos naik. Contohnya, pembinaan *Pan-Borneo Highway* di Sabah Sarawak. Kontrak diberi kepada kroni. Yang Berhormat Kalabakan pun kata bahawa kontrak disapu oleh syarikat Semenanjung. Persoalannya, adakah kerajaan komited untuk mencegah rasuah? Perdana Menteri sendiri disyaki rasuah. Itu derma RM2.6 bilion dan skandal 1MDB. Saya mahu *quote* apa kata oleh Tun Dr. Mahathir, '*The UMNO now is all about money. UMNO leader loyal because they get money or something else. They get contracts.*'

Tuan Yang di-Pertua, *special grant* 40% kepada Sabah. Saya mendesak kerajaan supaya memberikan geran khas tahunan sebanyak 40% kepada Sabah. Menurut seksyen 2, Bahagian IV, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan, Sabah berhak terima geran khas tahunan berjumlah 40%. Ini apa yang ada dalam perlembagaan, bukan di bajet, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Barisan Nasional masih hormat jaminan dan janji dalam Perlembagaan Malaysia, *agreement* tahun 1963.

Tuan Yang di-Pertua. Kelajuan internet. Sebelum itu, saya mahu ucapkan tahniah kepada sahabat lama saya, Datuk Seri Salleh kerana dilantik menjadi Menteri Komunikasi dan

Multimedia. *Congratulations, brother*. Caj perkhidmatan internet di Malaysia terlampau masih mahal tapi *very slow*, dengan izin. Internet di Vietnam dan Cambodia lebih maju, manakala Malaysia hampir tiga kali lebih perlahan dari Vietnam. Melalui satu kajian global sehingga April 2015, kelajuan internet di Malaysia berada di tempat ke-126 daripada 192 negara. Saya malu sangat lah, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2016 kerajaan peruntukkan RM1.2 bilion untuk tambah baik infrastruktur telekomunikasi. Ia termasuklah kabel dasar laut. Tujuannya untuk meningkatkan keupayaan dan kemajuan internet. Saya hendak tanya Menteri, bila projek ini akan siap? Dalam Bajet 2015 pula, kerajaan telah peruntukkan RM2.8 bilion untuk bina 1,000 *communication tower* dan pembinaan kabel dasar laut. Dalam Bajet 2014 pula, Sabah dan Sarawak dapat peruntukkan RM850 juta untuk bangunan kabel dasar laut.

Saya minta Yang Berhormat Menteri berikan apa *progress* terkini projek-projek ini. Adakah sudah siap atau masih dijalankan? Adakah projek ini telah capai sasaran kerajaan kerana internet di Malaysia masih *slow, slow, slow*.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat antara punca utama internet *slow* ini ialah kerana monopoli perkhidmatan dan tiada persaingan. Kualiti kelajuan internet hanya dapat ditingkatkan jika kerajaan sedia pecahkan monopoli. Setuju kah Yang Berhormat Menteri?

**Beberapa Ahli:** Setuju

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya menggesa kerajaan supaya hapuskan dasar monopoli khidmat internet di Malaysia. Tanpa persaingan, kualiti perkhidmatan tidak akan pulih. Setuju kah Yang Berhormat Menteri, kalau ada persaingan kos akan turun.

**Seorang Ahli:** Itu setuju.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya hendak tanya juga, adakah Yang Berhormat Menteri setuju supaya dasar monopoli dihapuskan langsung?

**Seorang Ahli:** Setuju.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ha, itu dia. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju beri Sabah dan Sarawak, syarikat tempatan diberi peluang sediakan khidmat internet? Ini setujukah, Semenanjung?

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya harap orang Sabah dan Sarawak boleh diberi peluang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri? Harap Yang Berhormat Menteri boleh ubah segala monopoli industri internet ini. Kita mahu lihat dari tempat ke-126, Tuan Yang di-Pertua, *internet speed* di Malaysia boleh jadi *top 10* dalam dunia. Boleh kah? Dengan izin. Ini juga cabaran kepada Menteri yang baru dari Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Bas Rapid Transit dan kereta api Sabah dan Sarawak. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kerana kerajaan peruntukkan RM1 bilion untuk

membina sistem BRT di Kota Kinabalu. Saya harap kerajaan dapat melaksanakan segera kerana Kota Kinabalu menghadapi masalah *traffic jam* yang makin teruk.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah cadangan pembinaan Terminal Kepeyan akan masuk dalam cadangan BRT ini? Berapakah stesen yang akan dihubungkan sistem BRT ini? Berapakah jaraknya dan berapa buah bas akan disediakan? Saya harap rancangan ini akan dilaksanakan secara *transparent* dan tidak jadi projek *white elephant*, dengan izin. Kita juga mahu pilihan kontraktor juga secara *transparent*. Semoga sistem BRT ini akan memberi kemudahan kepada rakyat dan menjadikan Kota Kinabalu sebuah bandar yang *vibrant*, dengan izin.

Keduanya, Sabah dan Sarawak akan lebih maju jikalau dengan perkhidmatan kereta api rentas wilayah. Selain daripada jalan raya, hingga sekarang Sarawak tiada ada kereta api. 50 tahun. Di Sabah pula, hanya ada landasan kereta api, tidak sampai 120 kilometer pun. Ini pun dari zaman British. Namun, pada tahun 2013, Kerajaan Malaysia dan Singapura telah setuju untuk melaksanakan projek *high speed rail* yang bernilai dalam RM50 bilion jika projek ini diteruskan. Sabah dan Sarawak kasihanlah, akan ketinggalan 20 atau 30 tahun lagi ke belakang. *This is not fair. This will further sidelines* Sabah dan Sarawak juga. Jadi, kita anak apa, anak buang kah?

■1200

Saya menggesa kerajaan wujudkan sebuah jaringan kereta api yang menghubungkan Sabah dan Sarawak. Harap Perdana Menteri ambil perhatian paling serius, itu pun jikalau Perdana Menteri sayang dan mahu balas budi *Sabahan* dan *Sarawakian* yang menyokong beliau sebagai Perdana Menteri.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Oh! Dahsyat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Betul?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Betul.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, autonomi di Sabah dan di Sarawak. Walaupun Hari Malaysia diingati, sebagai *Member of Parliament* dari Sabah, saya ingin ingatkan kerajaan supaya tunaikan semua janji dalam perkara 20 dan perkara 18. Saya tuntutan supaya sumpah kerajaan pada Batu Sumpah Keningau diikuti.

Inilah sumpah kerajaan dengan darah yang masih ramai tidak tahu. Mengikut adat dan kepercayaan Orang Asal, orang yang langgar sumpah akan dimakan oleh sumpah. *[Dewan riuh]* Ha, tahu atau tidak? Saya hendak tanya Menteri Yang Berhormat Puan Hajah Nancy...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tanya, tanya.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Adakah kerajaan sedia iktiraf tiga jaminan Batu Sumpah itu danewartakan sebagai warisan mutlak.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, itu *brother* Yang Berhormat Putatan bangun.

*[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini *brother*...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *Brother, brother.*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tidak apa, nanti dulu, nanti dulu. Nanti habis dulu. Nanti saya bagi. Duduk dahulu

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Batu Sumpah, boleh?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Menteri– Habis dulu sekejap.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sedikit penjelasan. Saya minta Yang Berhormat Kota Kinabalu, minta penjelasan soal Batu Sumpah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Duduk, nanti saya beri jalan. Beri duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, tidak beri laluan Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini serius. Jangan langgar sumpah. Jangan langgar sumpah. Nanti kawan kita susah itu.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Kita kawan *brother.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya tidak tahu siapa yang kena langgar sumpah. Orang bumiputera atau bumiputera palsu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Menteri.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga yang bangun ini. Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan kacau, jangan kacau. Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, ada tiga yang bangun. Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Ranau dan Yang Berhormat Sepanggar. Mana satu yang berada di...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan, kita tidak ada masa Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini *brother, brother.*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan bising...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak beri laluan, tidak beri laluan. Sila duduk.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Beri saya satu minit.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ranau, tidak beri laluan ya Yang Berhormat Ranau.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, setujukah bahawa ada juga Batu Sumpah palsu yang didirikan di Sabah?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan langgar sumpah, jangan langgar sumpah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Lagi cakap pun setuju. Setuju apa? Duduk dulu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya minta Menteri...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya minta Menteri...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini bahaya kalau Batu Sumpah itu tidak kena beri laluan, yang tidak beri laluan itu kena sumpah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia bagi. Sabar dulu Yang Berhormat Putatan. Dia bagi. Nanti kena sumpah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini Yang Berhormat Putatan... - dia keluar Dewan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Duduk dulu, nanti kena sumpah. Bahaya itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini sumpah punya hal ini.

*[Ketawa]*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Menteri, adakah Batu Sumpah dianggap sebagai perlembagaan? Ini kerana dalam Batu Sumpah ada disebut Kerajaan Malaysia jamin...

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Hanya dengan cara ini...

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Mana satu Batu Sumpah yang Yang Berhormat katakan ini?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Aspirasi dan semangat rakyat Sabah bersama Persekutuan dapat dipedulikan. Saya hendak bagi amaran keras, jika kerajaan tidak *follow* segala jaminan pada Batu Sumpah kali ini, saya yakin Barisan Nasional akan kalah teruk pilihan raya akan datang. *[Tepuk]* Ini perlu diingat, orang yang langgar sumpah akan dimakan oleh sumpah. *[Dewan riuh]* Faham atau tidak?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** *Don't play by the oath.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya setuju, saya setuju. Jangan langgar sumpah. Saya setuju. Saya minta penjelasan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** *Don't play...*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, Batu Sumpah yang palsu yang dibuat oleh DAP ini, itu yang kena sumpah. [*Dewan riuh*]

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Ya, Batu Sumpah palsu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Putatan sudah ada gaya kena sumpah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, kaji semula Empangan Kaiduan dan segerakan empangan di Tawau. Saya mohon kerajaan hentikan atau tangguhkan dulu pembinaan Empangan Kaiduan kerana baru-baru ini berlaku gempa bumi. Gegeran juga dirasai di kawasan ini. Ia amat bahaya. Kerajaan perlu hentikan Empangan Kaiduan seperti Empangan Tambatuon kerana jika berlaku apa-apa, sangat *disaster* dengan izin. Selain itu, lebih kasihan adalah jika *Kaiduan Dam* diteruskan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, fasal Kaiduan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Penduduk kampung akan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...Hilang tempat tinggal yang mereka warisi...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat fasal Kaiduan ini.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:**...Beberapa generasi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini orang yang pernah buat cadangan ini. Saya minta penjelasan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okeylah. Bagi dua atau satu minit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini orang yang buat cadangan fasal Kaiduan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, soalan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ada pernah pergi ke Kaiduan atau tidak? Itu nombor satu. Yang Berhormat ada lawatkah kawasan itu dan mengenal pasti di mana tempat dia? Kalaulah alasan Yang Berhormat gempa bumi akan merobohkan Empangan Kaiduan yang belum dibina lagi, bagaimana Yang Berhormat tahu? Empangan sekarang yang ada, adakah kebocoran atau pecah, yang empangan yang kita sedia ada?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat jangan tipu rakyatlah. Ini seolah-olah mahu mengelirukan, putar belit penduduk-penduduk Kampung Kaiduan. Ini tidak betul. Bohong! Saya ingin mengemukakan niat pembohong.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Sumpah, sumpah dululah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudah kena sumpah tidak jadi Menteri. Kalah dengan teruk ini nanti.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Jangan bohong.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Sudah, sudah. Tanya baik-baik. Tidak payah bangun. Okey, baru-baru Yang Berhormat Putatan Tuan Yang di-Pertua, dia kata adakah saya ada pernah pergi tempat itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Kota Kinabalu, ada empat minit lagi. Kalau tidak, kena sumpah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, itulah dia kacau-kacau. *[Ketawa]* Dia beritahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, ada empat minit lagi. Kalau tidak ikut peraturan mesyuarat, kena sumpah. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey. Baru-baru saya baru *camp* di dalam Kampung Kaiduan di Ulu Papar. Adakah Yang Berhormat Putatan pernah *camp* di sana selama dua malam dengan orang kampung? *[Dewan riuh]* Kalau saya tidak tahu, siapa yang tahu?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, ini orang yang mencadangkan. Ini orang yang mencadangkan itu kerana Kota Kinabalu memerlukan air pada masa yang akan datang. Ini patut beri kajian dulu sebelum ia boleh dilaksanakan. Bukan, Yang Berhormat *camp* sana untuk mengelirukan rakyat. Itu sahaja.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya orang teknikal.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sudahlah. Duduklah. Kena sumpah nanti.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah pembinaan empangan di Tawau yang sudah didatangkan sejak tahun 1980-an. Tiada sebarang isu tanah atau gempa bumi. Baru-baru ini ADUN Sri Tanjong di Tawau dan kawan-kawan lama saya di Tawau sering buat aduan bekalan air terganggu. Di Tawau ada setengah juta penduduk. Masalah ini sangat kronik di kawasan-kawasan yang tinggi dari loji rawatan air.



Projek pembinaan empangan di Tawau ini sudah lama dirancang sejak tahun 1980-an. Akan tetapi sampai sekarang, satu tiang pun tiada. Bajet tahun ini... [Disampuk] Bajet tahun ini sepatutnya telah masukan projek tersebut, namun tiada sebarang perkembangan. Saya hendak tanya Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, kenapa susah sangat bangunkan projek ini? Saya hairan, empangan yang dijanjikan di Tawau sudah lama tetapi belum buat. Tanah seluas 650 ekar pun sudah ada. Pampasan pun sudah bayar. Hanya letak duit sahaja mahu laksanakan. Jadi, bilakah duit akan datang untuk buat hal ini. Itu sahaja.

Empangan di Tawau ini akan melibatkan dua Parlimen. Ini bermakna ada dua *Member of Parliament* dan enam ADUN atau lapan wakil rakyat serta dua Menteri. Kawasan yang terlibat ialah Balung, Apas, Sri Tanjong, Merotai, Tg. Batu dan Sebatik. DAP hanya ada satu sahaja di Sri Tanjong, lain semua Barisan Nasional. Saya hendak tanya, kenapa ramai wakil rakyat Barisan Nasional, Menteri pun tidak boleh buat apa-apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu gulung.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya menggesa kerajaan membina empangan di Tawau dengan segera.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit mengenai derma RM2.6 bilion. Isu derma RM2.6 bilion sedang disiasat. Persoalan saya ialah jika derma RM2.6 bilion itu sedang disiasat, kenapakah kerajaan tidak mahu teruskan siasat derma RM40 juta atau SGD16 juta melibatkan Ketua Menteri Sabah?

■1210

Isunya sama sahaja dan saya lihat seolah-olah Ketua Menteri Sabah itu menjadi guru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya minta juga kerajaan siasat terma RM40 juta kepada Ketua Menteri Sabah. Yang penting sekali, kerajaan siasat siapakah yang jumlah punya akuan ini di Zurich iaitu UPSAG 23117 dan satu lagi akaun juga di Zurich UPSAG N/A 2101019. Maklumat ini dari Sarawak *Report* dan badan anti rasuah ICAC Hong Kong. Saya mohon Bank Negara dan SPRM segera jalankan siasatan buka semula kes ini. Saya difahamkan ada lebih USD100 juta diberi dari komisen atau *kick back contractor* balak-balak Yayasan Sabah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dahsyat!.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan lupa, ini adik abang punya kes. Dua-dua kes terima, dulu bila RM40 juta itu dikatakan sebagai terima kepada UMNO Sabah – kes itu selesai. Nanti ini RM2.6 bilion *donation* pun boleh jadi begitu. Adakah UMNO ini *protecting money laundering* dan rasuah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya percaya isu terima 1MDB ini tidak dirasai ekonomi tak akan pulih. Saya sokong apa yang Yang Berhormat Gelang Patah

katakan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buangkan RM2.6 bilion itu kepada *treasury* sebagai satu cara untuk selesaikan skandal ini. *Pay back to the Treasury please*. Kerajaan mesti siasat habis-habisan. Dengan ini sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Kota Kinabalu menyokong kah menolak?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tidak menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak menyokong tetapi terima kasih dapat peruntukan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ya Yang Berhormat Limbang.

### 12.12 tgh.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Bajet 2016 ini. Suka saya menekankan bahawa Belanjawan 2016 yang dirangka oleh kerajaan ini bukanlah satu belanjawan yang dirangka secara semberono atau “*ehem-ehem*”.

Dalam usaha merangka belanjawan ini kerajaan sudah pastinya di bawah pimpinan Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merujuk kepada warga *economist* dan untuk menghasilkan Bajet 2016 ini. Kita juga melihat dan menganalisis apakah kapasiti semasa dan kekurangan yang dialami dan barulah belanjawan ini diterjemahkan ke Dewan ini. Justeru, saya minta agar semua pihak janganlah menganggap perkara ini seperti tidak tahu apa-apa dan sekadar pandai bercakap sahaja. Keprihatinan kerajaan dalam menguruskan negara ini sudah terbukti sepanjang lebih 50 tahun pemerintahannya ada kalanya cerah dan ada juga kalanya kelam. Itu sudah pasti.

Jika ditinjau situasi ekonomi semasa di negara kita berbanding negara lain ia mampu berkembang sebanyak 5.3% bagi separuh tahun pertama tahun ini dan dianggarkan mencapai hingga ke 5% sepanjang tahun. Meskipun ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar yang perlahan iaitu 3.1% pada tahun ini. Sidang Dewan Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu kita sedar bahawa kita tidak dapat lari daripada menghadapi kelembapan ekonomi global termasuklah dari segi penurunan harga komoditi terutamanya minyak, kelapa sawit dan getah, penyusutan nilai ringgit serta pertemuan perlahan di negara-negara kuasa besar ekonomi dunia.

Justeru itu pertumbuhan KDNK negara dijangka dapat berkembang seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari dan ada pertumbuhan ini akan dipacu oleh pelaburan dan penggunaan swasta pada kadar 6.7% dan 6.4%. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh sedikit tentang cukai barangan dan perkhidmatan iaitu GST ini. Saya hanya hendak menyentuh iaitu bahawa pelaksanaannya, pelaksanaannya ini kita haruslah kementerian yang bertanggungjawab Kementerian Kewangan dan juga KPDKK. Saya

rasa pelaksanaannya mestilah diusahakan dan diperketatkan, dilaksanakan sebaik mungkin supaya kesan daripada GST itu akan memberi keringanan kepada rakyat jelata yang sudah pastinya di mana pencatutan harga barang mestilah diawasi, mestilah dipantau dan sebagainya.

Maka dengan itu, saya menyokong sungguh-sungguh apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa untuk menggunakan khidmat pasukan RELA bagi membantu memantau pelaksanaan GST ini. Sebab kita tahu kalau boleh saya merayulah kalau boleh mana peniaga-peniaga yang betul-betul menipu yang sepatutnya menurunkan potong harga SST baru campur 6% GST dan sepatutnya. Kalau mereka ini didapati seret bawa pergi masuk penjara barulah mungkin yang lain ini akan melihat kita usaha yang dibuat ini adalah bersungguh-sungguh. Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu saya ingin mencadanglah sekiranya gaji minimum yang dikhabarkan tempoh hari agar dikaji semula dan diseragamkan bagi rakyat di Semenanjung mahupun Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan.

Dalam apa jua keadaan hari ini perlu diselaraskan ke Sabah, Sarawak dan juga Labuan kerana apabila di timbang tara negeri-negeri ini juga mengalami kenaikan harga barangan seperti di Semenanjung. Kalau di Limbang lagilah teruk. Semua sebab semuanya daripada Port Klang pergi ke Bintulu port dan dari Bintulu port menuju ke Limbang melalui negara jiran ada 500 kilometer lagi perjalanan kita boleh bayangkan. Siapa kata tempat kita barang tidak mahal. Harga barang di Limbang lebih mahal lagi setengahnya daripada di Kuala Lumpur ini sendiri.

Gaji Minimum Negara yang dinaikkan daripada RM900 ke RM1,000 sebulan di Semenanjung dan daripada RM800 kepada RM920 Sabah, Sarawak dan Labuan yang mana melibatkan semua sektor kecuali perkhidmatan domestik ataupun pembantu rumah dilihat sebagai satu usaha yang baik selaras dengan ekonomi semasa. Namun seperti yang saya katakan tadi, saya mintalah kalau kerajaan menilai semula dan menyamaratakan gaji minimum ini di semua negeri di seluruh Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan, seperti yang dibentangkan pada tempoh hari kerajaan akan terus melaksanakan agenda pembangunan di Sabah dan Sarawak yang sudah disebut-sebut iaitu Lebuhraya Pan *Borneo* yang sudah pun bermula yang bebas daripada tol GST ditiadakan untuk *Rural Air Services* di mana ia amat begitu penting bagi kami di Utara Sarawak khususnya Limbang.

Di mana *Rural Air Services* ini adalah salah satu pengangkutan yang utama dan juga di mana kelulusan untuk *loan* RM50,000 untuk membangunkan setiap bilik rumah panjang ini ianya amat bermakna kepada kita di sana. Sebelum ini yang adalah *loan* RM10,000 daripada kerajaan negeri. Maka dengan ini akan menambah lagi memberi keringanan kepada penduduk-penduduk di rumah panjang khususnya kadang-kadang rumah panjang malang tak berbau seperti kebakaran dan sebagainya. Maka untuk membangunkan semula itu, amatlah berat dan juga subsidi baja, padi huma, Program 1Harga, *native customer rights*, dan Klinik Bergerak 1Malaysia ini. Kita ucapkan terima kasih.

Satunya lagi Tuan Yang di-Pertua ialah tentang projek-projek selama ini kita tidak menafikan memang banyak projek-projek yang telah diberikan di kawasan Limbang. Kalau saya hendak satu persatu saya boleh katakan di sini *as far as* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kawasan Limbang memang banyak perkara yang telah diluluskan beliau yang benarnya PDKnya RM700,000, Lembaga Masjid RM2 juta, tangki air RM4 juta, diluluskan lagi pada air untuk ke SK Hukum Limbang RM850,000. Meluluskan pasport untuk kami di Limbang daripada RM150 turun kepada RM50 ini amat bermakna.

Semua ini yang diminta untuk hospital, CT *scan* dan sebagainya meminta untuk kerusi di klinik pergigian, satu-satunya di Limbang. Semuanya telah pun diluluskan. *Alhamdulillah*, hanyalah apa yang saya perhatikan di sini. Kalaulah orang kata kerajaan tak bantu, itu bohong, itu dusta secara *personel* beliau sendiri telah meluluskannya untuk kami di Limbang. Tetapi apa yang saya lihat di sini, saya bukan hendak *blame* siapa-siapa tetapi pelaksanaan inilah yang menjadi masalah. Pelaksanaan benda-benda inilah yang kami banyak masalah. PDK sudah diluluskan sudah 3 tahun belum selesai-selesai lagi untuk digunakan membeli sebuah rumah.

*I'm not blaming anybody*, dengan izin tetapi inilah hakikatnya saya terus terang di sini kalau kita hendak cakap politik sebelum kita dibalun oleh rakyat dalam *election* negeri ataupun tahun 2018 bagus saya cakap terus terang di sini. Ini kenyataan. Kerajaan sudah tolong, pemimpin sudah tolong.

#### ■1220

Akan tetapi saya mintalah kepada sesiapa juga yang diberi amanah untuk melaksanakan, yang makan gaji setiap hujung bulan ini, buatlah kerja sungguh-sungguh, buat sungguh-sungguh. Jangan kerajaan pula disalahkan. Pemimpin sudah luluskan, *personally* pun ada terus. Kita minta dapat terus tetapi pelaksanaannya macam mana?

Jadi saya mintalah sama-samalah kita berlaku adil kepada diri kita, rakyat dan juga kerajaan dan pemimpin. Jadi pelaksanaannya saya mintalah barisan pelaksana-pelaksana daripada kementerian-kementerian, daripada KSUnya kepada serendah-rendahnya pegawai di mana-mana pun negeri. Buatlah, laksanakan apa yang telah pun diluluskan.

Kita memahami ada kekangan, kita faham tetapi takkan satu projek yang boleh diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2009 sampai hari ini pun boleh angkat lagi. Tahun 2009, belum angkat. Dengan izin, *do not blame the government*, kerajaan sudah buat, sudah lulus, pemimpin sudah lulus. Mereka yang melaksanakan, buatlah kerja. Mereka yang melaksanakan, buatlah kerja ini. Janganlah kita hendak ini - bukan hendak salah menyalahkan. Saya minta sahaja buatlah kerja. Itu sahaja. Bukan payah pun. Peruntukan sudah ada...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tiap-tiap tahun bajet negara ini dibuat, tiap-tiap tahun, bajet lepas bajet...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Minta maaf. Saya hendak cakap banyak di sini. Saya minta maaf semua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tidak perlu. *No need, no need.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Explain* lah sedikit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Untuk memperjelaskan ... pegawai-pegawai.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya minta sedikit kerana *you* sekarang macam menyalahkan pegawai-pegawai kerajaan. Boleh terangkan sedikit?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Saya cakap tadi *be* adil dengan *yourself*. Saya baru cakap kita adil dengan diri kita sendiri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terangkan sedikit.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Duduk. *I want to say about my area. I have a lot of things to fight for my area. You do not fight for my area,* dengan izin. *You do not fight for my area. You only want to mengapi-apikan sahaja. [Tepuk]* Bukan *you* nak *fight* pun, bukan *you* datang. Bila *you* sampai saya punya tempat? *[Disampuk]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita hendak tanya soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *You understand what I say?*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Limbang, kita hendak tanya soalan. Penjelasan sahaja.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Kita minta orang laksanakan. Yang buat kerja, buatlah kerja kita. Jadi okey, sila. Terima kasihlah ya. *Anyway* saya rekodlah terima kasih atas rasa keprihatinan itu tetapi saya tidak ada masa.

Saya hendak gariskan satu sahaja. Satu lagi projek yang kiranya agak besar. Projek pembinaan Jalan Meritam–Telahak-Buang Abai-Pengkalan Rejab–Sungai Poyan fasa keempat. Fasa pertama sudah siap, fasa kedua sudah siap. Fasa keempat untuk yang disambung baru lagi. Projek ini saya difahamkan, baru terkini saya *refer* dengan JKR, kita tidak boleh hendak luahkan macam itu sahaja tetapi terlampau apabila sudah lambat sangat hendak siap itu, serba salah juga, terpaksa juga sebut macam Yang Berhormat Tanjong Karang semalam. Betul juga. Terpaksa dikatakan di sini juga.

Apa yang peliknya, kontrak itu *abandoned, retender*. Ini *according to* JKR Sarawak, saya *refer*. Apabila dah *abandoned, retender*. Apabila ia di *retender, validity period* pun habis, hendak *retender* lagi semula. Kerja apa ini?

*Any contractor, any QS you know about what I mean by retendering, validity period. Apa yang dia buat sepanjang masa sudah diretender itu? Sudah bawah karpet kah, dalam laci kah, sampai validity period habis, hendak retender lagi semula. Apa sebab?*

Jadi saya minta, berlaku adillah kita. Kerajaan sudah buat, sudah luluskan, peruntukan sudah disediakan. Mereka yang sepatutnya buat kerja, *please* buat kerja, laksanakan demi-bukan saya hendak pakai jalan itu hari-hari. Yang hendak pakai rakyat. Rakyat jelata hendak pakai, bukan saya. Tidak suka dengan saya pun tidak apa. Mungkin Yang Berhormat Limbang celopar sangat. *I am not blaming you but just do your job.* Kita masing-masing ada tugas. Saya bercakap di sini, *I fight for my area*, dengan izin. Apabila sudah dapat, yang buat kerja, buatlah kerja. *You* pun makan gaji juga hujung bulan, macam kami juga, sama. Jadi saya mintalah – perkara ini saya minta supaya dilaksanakan secepat mungkin. Sudah lama sangat, dari penggal lepas, belum siap-siap lagi.

Keduanya ialah pembinaan penyambungan bekalan air luar bandar ke Nanga Medamit. Ini pun saya minta supaya disegerakan. Satu lagi ialah, ini permohonan baru. Sebab itu saya - orang lain sudah banyak puji, mencerca pun banyak fasal bajet, tidak apa. Saya minta untuk kawasan saya sahaja. Apa yang kawasan saya dapat dalam Bajet 2016 ini iaitu pembinaan penyambungan bekalan air luar bandar ke pekan Nanga Medamit. Ini satu saya minta untuk kawasan saya. Mudah-mudahan dipertimbangkan.

Pembinaan baru Pejabat Pendidikan Daerah Limbang. Teruk, bangunan dalam awal tahun 70-an, saya masih kecil lagi tengok pameran di situ. Sekali saya naik, belum lama di pejabat PPD, Ya Allah! Teruk sangat. *Cramped* dalam sebuah bangunan yang kecil. Jadi saya minta berilah mereka warga pendidik ini peluang untuk menikmati *office space*, ofis baru, pejabat baru untuk sekurang-kurangnya bernafaslah mereka dengan semangat baru dan pejabat yang baru ini. Semasa ini banyak bertaburan, Bahagian Teknologi menumpang di bangunan lain, yang ini menampung lain unit ini. Kalau boleh saya minta ditubuhkan, dibina baru Pejabat Pendidikan Daerah Limbang yang baru.

Seterusnya ialah ini lagi satu. Penyambungan kerja-kerja pembinaan SK Tanjung yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan pada tahun 2009, sampai ke hari ini belum berdiri lagi. Saya tahu mereka beri RM500,000 untuk buat ini sementara, sana buat sementara dan saya difahamkan pun rosak lantainya selepas banjir yang lepas berlaku pada bulan Februari yang lepas ini. Saya minta buatlah. *At whatever stages it is right now, please complete it as soon as possible.* Kita minta dengan izin.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Pendidikan, SMK yang pertama di bahagian Limbang dan Lawas yang dibina dalam tahun 1950-an, kini telah pun diluluskan untuk dilaksanakan SMK Limbang yang baru. RM61 juta, 40 buah bilik darjah. *Alhamdulillah*, saya minta supaya ia dilaksanakan, aturlah elok-elok supaya ia siap,

janganlah macam SK Tanjung, Jalan Meritam-Telahak-Buang Abai yang saya sebutkan tadi yang sudah daripada penggal lepas tidak siap-siap.

Satu lagi ialah apa yang pernah saya cadangkan dalam penggal yang lepas iaitu sekolah berpusat. Di sepanjang jalan yang saya sebutkan tadi ini yang belum siap ini, ada lima buah sekolah. Dahulu ia jauh daripada sebuah ke sebuah mengikut sungai. Sekarang ini mengikut jalan hanya lima minit. *From one to each school*. Ada lima buah sekolah bersusun. Jadi saya minta supaya dibina sebuah fasiliti sekolah berpusat yang bagus, yang besar, yang cukup fasilitinya untuk menggabungkan semua sekolah ini dan untuk digunakan oleh rakyat di sepanjang Sungai Limbang ini, ada lima atau enam atau tujuh buah kampung dan di sanalah ia dipusatkan.

Seterusnya saya memohon, di Limbang pada masa ini sudah diadakan Unit Hemodialisis untuk Hospital Limbang. Akan tetapi saya memohon apa yang difahamkan pada masa ini sudah tidak mencukupi lagi. Ramai pesakit buah pinggang telah dihantar ke negara Brunei dan juga NGO luar di Miri seperti Bulan Sabit Merah kerana mesin tidak mencukupi, bangunannya pun perlu diperbesarkan lagi.

Seterusnya saya memohon *neonatal intensive-care unit* (NICU). Dahulu saya pernah suarakan *the neonatal intensive-care unit*. Perkakasnya sudah diluluskan oleh Menteri Kesihatan dahulu. Sampai hari ini untuk membesarkan, untuk membina ICU bilik khas untuk *neonatal intensive-care unit* ini, belum juga dibina-bina sampai ke hari ini. Sampaikan ada di antara perkakas yang diluluskan untuk Limbang ini sebab ICU ini belum dibuat, ruangnya belum dibuat, terpaksa dipinjamkan ke Hospital Miri pula dan juga *pediatriciannya* telah pun berhenti. Sekarang saya mengharapkan supaya ada diadakan juga pediatrik, pakar kanak-kanak ini untuk diadakan di Limbang.

Seterusnya ialah saya baru ini dalam sebulan ini pergi ke Hospital Limbang juga sebab saya stres benda ini sebab masa ini asal orang sakit sedikit pun hantar Miri, hantar KK.

Satu lagi saya baru tahu ialah tentang *chemistry analyzer* di Limbang. Rupa-rupanya selama ini hanya ada sebuah *chemistry analyzer* yang bekerja 24 jam, tujuh hari seminggu, 52 minggu sepanjang tahun. Kalau rosak, darah-darah ini semuanya dihantar ke Miri. Kalau kes *emergency* macam mana? Saya difahamkan Lawas pun hantar ke Limbang sudah. Jadi saya minta kalau boleh, diminta lagi untuk Hospital Limbang, *another back up unit* untuk *chemistry analyzer* ini bagi kami di Limbang ini.

Seterusnya yang saya hendak sentuh ialah tentang SBST iaitu transformasi bas henti-henti.

#### ■1230

Kuching telah pun dipilih di antara tujuh buah bandar di Malaysia ini untuk diadakan SBST ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Limbang boleh gulung.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *Insyah-Allah*, tidak lama lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang kalau boleh kita minta difahamkan peringkat DAG pada masa ini melihat *the conceptual matters* antara SPAD dengan konsortium ini. Jadi perkara ini saya kira sudah agak lama dari tahun lepas, kalau boleh saya minta supaya dipercepatkan supaya transformasi bas henti-henti di Bandaraya Kuching ini akan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Sebelum saya terlupa iaitu tentang perkara berkaitan dengan telekomunikasi ini. Pada masa ini di pedalaman kita di Limbang, kawasan pedalaman saya memerlukan sekurang-kurangnya tiga buah *tower* lagi untuk didirikan di kawasan Kampung Gadung bersempadan dengan Brunei, di Ulu Tubai dan juga di Ulu Medamit untuk dibina *tower* telekomunikasi ini. *Insyah-Allah* dengan adanya yang tiga ini boleh kata hampir 90% kawasan pedalaman akan menerima dan menikmati daripada khidmat komunikasi ini.

Saya juga memohon agar jalan raya Bawang Obor fasa kedua yang juga pada masa ini fasa pertama sudah dilaksanakan walaupun ia di peringkat *gravel stage* tetapi saya memohon untuk fasa kedua untuk sampai ke Bukit Buda di mana tarikan pelancong ini – saya yakin dengan ada jalan raya boleh menarik pelancong kita di Bukit Buda di negeri Sarawak.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi aku mohonlah kepada semua pihak yang sama-sama kita mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja kita ini, melaksanakannya secepat mungkin. Saya minta kita berlaku adil kepada diri kita sendiri, kita mempunyai amanah masing-masing supaya yang akan menikmati itu rakyat jelata, bukannya kami Yang Berhormat, wakil rakyat di sini. Yang akan menikmati semua ini adalah rakyat jelata bukannya kami, kami hanya sekali skala melawat kawasan-kawasan yang kami lawati ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Kuala Langat.

**12.32 pg.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman. Tanpa melengahkan waktu dan memberi ruang untuk peluang, saya ingin menyinggung beberapa isu yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam isu memartabatkan rakyat. Saya melihat beberapa perkara yang perlu disinggung kan kerana ia perlu perhatian. Satu yang saya nampak gaji minimum yang dikatakan baru untuk mencapai RMKe-11, per kapita pendapatan sebulan RM2,500 dan amat menjadi persoalan kepada kita pada hari ini ialah apabila diumumkan pada tiga kategori; penjawat awam – RM1,200, Semenanjung Malaysia – RM1,000 manakala di Sabah dan Sarawak – RM920.



Persoalannya sekarang ialah mana mungkin ada tiga darjat kalau ia diperlukan diseragamkan yang dilaporkan dan diuar-uarkan 1Malaysia. Ini bukan 1Malaysia tetapi ini satu darjat. Maka saya mencadangkan, dipertimbangkan semula untuk mencapai 2020, negara maju dan berpendapatan tinggi tidak memungkinkan kategori ini dilahirkan. Maka yang demikian, ia perlu diseragamkan dan tidak ada diskriminasi antara Semenanjung Malaysia, jabatan awam, pekerja swasta dan juga Sabah dan Sarawak. Ini amat menjelikkan. Begitu juga dengan beberapa kategori kumpulan-kumpulan yang perlu diambil kira seperti mana pekerja anggota penjara, gaji mereka terlalu jauh jika dibandingkan dengan pekerja, penguasa ataupun polis.

Maka yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Dalam Negeri supaya melihat kembali, membuat kaji selidik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat sebentar, kita ada tetamu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita dalam Dewan yang mulia ini ialah delegasi *National Parliament of Bangladesh* yang diketuai oleh *Honorable Dr. Dipu Moni, Chairperson of the Parliamentary Standing Committee of Foreign Affairs* dan *former Foreign Minister* dan delegasi seramai 10 orang anggota. Kepada *Honorable Dr. Dipu Moni* dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran *Honorable Dr. Dipu Moni* dan delegasinya akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Bangladesh. *Thank you.* Sila. [Tepuk]

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung semula iklan sebentar. Daripada apa yang saya lihat ia perlu dikaji selidik semula sebab pengajian anggota penjara ini perlu diberikan perhatian. Kerja dan beban tugas mereka ini perlu juga dinilai. Saya amat kecewa setiap tahun apabila diketengahkan perkara ini tidak diambil endah oleh Menteri Dalam Negeri sebagai Timbalan Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Bagan Datok perlu mengambil berat tentang faedah ataupun menghargai tugas-tugas yang telah mereka lalui atau mereka galas. Begitu juga dengan mereka yang menjadi pensyarah dalam Ahli Parlimen yang tidak dinaikkan anjakan untuk elaun dan persaraan. Itu perlu juga diberikan perhatian oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mereka juga diberikan hak mereka seperti mana yang kita dapat sebelum ini.

Di samping itu yang kedua, saya ingin berbicara soal 1.5 juta pekerja asing yang hendak dibawa ke dalam negara, penambahan daripada apa yang ada. Saya melihat bahawa pekerja asing ini sudah pun ada di sini tidak tahu berapakah jumlahnya. Apa yang jelas ia dikatakan 1.9 juta yang berdaftar, yang tidak berdaftar itu berjuta-juta. Jadi, saya memohon supaya Kementerian Sumber Manusia mengkaji secara serius dan menasihati Menteri Dalam Negeri supaya ia dapat diadili sebaik mungkin kerana ia memberikan bebanan kepada pekerja-pekerja tempatan yang membolehkan pengangguran bertambah dalam sekarang ini yang dimaklumkan

pada 2014 sebanyak 2.9% tetapi yang jelas apabila GST diperkenalkan Tuan Yang di-Pertua, permohonan kerja sudah pun menular.

Terbaru kita diberitahu Naza Trading telah memberhentikan operasi mereka dan membuang 250 orang. Begitu juga dengan Yokohama, 614 orang dan ini satu isyarat bahawa keperluan pekerja asing itu tidak boleh dipandang ringan dan ia akan menjadi lebih parah apabila MAS juga berura-ura untuk membuang pekerja mereka yang kita lihat sebagai satu gerakan yang tidak langsung berperikemanusiaan. Bilamana mereka dibuang, mereka dikontrakkan pekerja dan ini juga bersabit dengan apa yang saya maksudkan sebelum ini yang dilaporkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan yang mengatakan bahawa pekerja kontrak selepas 15 tahun baru di *confirm* kan yang dipanggil *contract of service*, dengan izin.

15 tahun jangka masa panjang yang terlalu panjang dan saya melihat bahawa cadangan ini ada *foundation* tetapi yang jelas ia membebankan. Kalau usianya 20 tahun, kerja kontrak 15 tahun, 35 tahun hendak bermula, pencennya berapa selepas itu? Faedah-faedah daripada perkhidmatan apa yang dia dapat? Saya memohon supaya Menteri Kewangan mengkaji semula tentang *period* ataupun tentang tempoh yang diberikan 15 tahun terlalu panjang. Ingin saya cadangkan tiga tahun pun sudah menjadi satu beban yang begitu parah kerana kalau kita tidak *confirm*, segala faedah tidak dapat kita nikmati seperti mana yang dinikmati oleh pekerja-pekerja tetap. Maka dengan demikian, saya ingin mencadangkan tiga ke lima tahun adalah tempoh yang paling rasional yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri.

Demikian juga saya melihat dari sudut, TPPA yang terlibat dan berhubung kait. TPPA ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena ambil sejarahnya. Mexico dan Peru menjadi satu contoh yang terbaik. Ya benar, apabila kita menandatangani perjanjian TPPA, kita pun tidak diberitahu oleh Menteri bagaimana syarat-syarat tertentu yang membolehkan ataupun tidak yang memastikan kita ialah apabila TPPA ditandatangani, undang-undang dalam negara ini seperti Akta Kerja, Akta Perusahaan itu sudah tidak ada nilainya lagi kerana isu penguatkuasaan, hukuman itu boleh dibawa ke mahkamah dunia.

Ini satu beban baru dan juga langkah yang tidak bijak dan ini juga menjadi satu contoh apabila negara terdedah dengan serangan-serangan ataupun malapetaka yang akan dilihat sebagai tidak mengendahkan undang-undang dalaman. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya memikirkan semula tentang faedah-faedah perubatan, tentang undang-undang dalam negaranya dan tentang sosialnya dalam negara ini, persaingan dalam konteks negara luar dan juga tempatan.

#### ■1240

Ini juga harus dan kena diperhatikan sebab itu saya berasa pelik sehingga ke hari ini TPPA punya dokumen tidak diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen walaupun dijanjikan untuk diberikan dan dijadikan rujukan kepada rakyat untuk menilai sama ada persetujuan dapat atau

tidak. Akan tetapi apa yang lebih malang lagi apabila saya diberitahu, dimaklumkan Menteri tidak perlu dibawa ke Parlimen, dia boleh terus bersetuju.

Ini satu perkara yang tidak baik kerana di Amerika sendiri pun ia terpaksa dibentangkan dan diundi dalam Kongres mereka dan ini pendekatan yang sepatutnya diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat, pekerja, rakyat yang terlibat dari segi faedah-faedah yang ada pada hari ini dan persaingan dalam syarikat dalaman untuk dibandingkan di luar ini juga perlu diberikan perhatian. Jangan kita akhirnya menggadaikan negara kita kepada negara asing. Ini dipanggil sebagai penjajahan ekonomi baru dan kita tidak boleh terima kalau ia berlaku yang memperjudikan nasib masa depan rakyat kita yang akan berdepan dengan negara-negara besar yang mempunyai kuasa dunia yang seharusnya dan sewajibnya kita akan tewas dalam gelanggang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyuntik beberapa isu yang terbabit baru-baru ini, yang saya terpaksa beritahu ini adalah satu daripada apa yang berlaku. Baru-baru ini Yang Berhormat Gelang Patah telah digantung enam bulan kerana beliau didapati ada mengusul menghina Tuan Yang di-Pertua. Ya betul, tindakan itu adalah hak satu organisasi atau satu-satu badan. Itu saya setuju tetapi dalam mana-mana akta pun, termasuk akta kerja, kalau dia pun didapati melakukan kesalahan atau pun dilihat melakukan kesalahan dia perlu dihadapkan di bawah seksyen 14 Akta Pekerja 1955 dan ini tidak dibuat, maka pekerja itu dianggap tidak sah tindakannya diambil ke atas pekerja itu. Maka yang demikian, di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ini juga, jelas di bawah Perkara 80A mengatakan bahawa ia perlu dibawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini adalah hak sebagai seorang yang dinobatkan sebagai seorang warganegara Malaysia tetapi tidak berlaku kepada Yang Berhormat Gelang Patah.

Maka yang demikian, saya anggap ini satu *award* yang diberikan ruang luas untuk mereka mengkhianati dan juga mendalangi setiap undang-undang yang ada di negara ini. Sebabnya kerana ia menyentuh tentang 1MDB yang melibatkan RM 2.6 bilion. Ini perkara yang amat menggerunkan malah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun diperlucut jawatannya, Menteri pun dilucut dan mereka yang terlibat juga dilucut. Ini memberikan satu isyarat bahawa kita sekarang tertakluk dengan undang-undang yang penuh dengan bobrok yang memberikan kita satu kebebasan yang tidak boleh 'diluaspandakan' untuk rakyat yang akan datang. Saya boleh merakamkan begitu kecewa dengan apa yang berlaku dengan Yang Berhormat Gelang Patah yang memberikan kesan kepada generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengutarakan beberapa isu yang membabitkan beberapa perkara yang dibangkitkan kepada saya. Sebagai contoh, diskriminasi yang dianggap oleh permohonan kerja yang dibuat oleh beberapa syarikat yang menyebabkan saya agak tersinggung iaitu tawaran-tawaran kerja yang hendak diberikan kepada mereka yang memohon kerja dan ini telah pun diiklankan. Sebagai contoh, jawatan *senior software engineering* tetapi di

bawah itu dengan izin, “*Due to the nature of business non-halal*” tapi dia *engineer* tapi *non-halal*, “*Chinese and Indian are encouraged to apply only.*” Itu salah satu daripadanya. Ini pula *admin assistant, female only*.

Selepas itu pula, ada maklumat yang saya terima dia kata, ada yang kata, “*Only for bumiputera*”. Satu ini pula kata *Chinese candidate*, 20 ke 30 tahun. Ini apa ini? Syarat-syarat ini tidak boleh kita amalkan dalam negara yang telah merdeka, yang kita iktiraf seluruh kaum dan seluruh jantina, tidak boleh kata perempuan boleh, lelaki tidak boleh, Cina, India, Melayu, Kadazan, Iban tidak boleh. Amaran itu berlaku dalam negara yang merdeka yang kita katakan negara yang majmuk dan ini harus dibantah oleh seluruh warganegara dan juga pemimpin-pemimpin yang dilaungkan sebagai pemimpin bangsa yang berbilang kaum ini.

Ini juga menjadi satu daripada satu isu yang saya hendak bangkitkan supaya ia menjadi contoh dan tidak..

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Kuala Langat, Sekijang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang, bangun.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sikit sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, silakan.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Kuala Langat menyebut tentang hal berkaitan dengan permohonan kerja ini. Setujukah Yang Berhormat jika sekiranya kita minta supaya kerajaan menetapkan apa juga iklan yang dibuat ini, supaya perkara-perkara Yang Berhormat sebut tadi itu supaya tidak dimasukkan? Biar kalau boleh iklan yang berkaitan dengan pekerjaan ini, kita jangan letakkan hal gender atau hal yang berkaitan dengan kaum dan sebagainya. Biar sesiapa pun yang datang, yang ini saya memang setuju sangat dengan Yang Berhormat Kuala Langat. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Memang itu dasarnya dan kalau kita membenarkan ruang isu perkauman itu dilakukan, dalam soal kerja pun kita galakkan sedemikian. Kita tidak tahulah bagaimana sistem kita hendak bawa selepas ini. Kita tidak boleh benarkan terutama Menteri Sumber Manusia, kena berperanan sungguh-sungguh untuk tidak membolehkan syarikat-syarikat mengeluarkan syarat-syarat yang begitu menyeksa dan begitu memberikan ke arah yang tidak efisien atau pembangunan dalam segi perkauman untuk diletakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menerima maklumat daripada seorang manusia yang tidak mahu dikenali dirinya tetapi saya kenal dengan dia. Dia kata, *offer of employment* Syarikat Malindo Air, sebelum menjadi pilot, dipanggil kadet pilot dalam jawatan itu. Dia dah habis korban, ibu bapa dia sudah habis RM250,000, selepas itu syarikat ini pula mensyaratkan kalau nak ambil jawatan itu mesti bayar RM140,000. Ho! Dahsyat. Kita nak kerja, dia suruh bagi kerja, dia minta

RM140,000 lagi. Alasan dia, *training pilot*. Dia dah ada lesen. Dia suruh *training* lagi. Patutnya syarikat itu bagi duit pada dia atau siapkan faedah *facility* dan *privilege* itu untuk budak ini tetapi dia suruh ibu bapa budak ini, sudah lah hutang bank, belum dapat kerja, nak kena bayar. Kalau ambil PTPTN sebagai bekas pengerusi, Tuan Yang di-Pertua pun tahu, betapa sesaknya nafas ibu bapa. Itu pun dia minta ibu bapa bayar RM140,000 lagi.

Kemudian, apabila habis dia suruh bayar deposit kalau berlaku *breach of contract*, dengan izin. Dia kena bayar lagi RM150,000. Ho! Dahsyat! Ini apa punya syarikat? Ini namanya syarikat sial, celaka, haram jadah. Masa dia ambil duit kita, kena pada anak kita, dia bagi pula deposit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Syarikat apa?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Malindo Air.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, yang disebut istilah, syarikat apa?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Celaka, haram jadah. Dia tidak ada masalah celaka, haram jadah. Tidak ada masalah. Saya ingat Yang Berhormat Kuala Pilah bersetuju sebab ia menekan rakyat. Yang Berhormat Tanah Merah pun bersetuju sebab ia menyeksa budak itu, ambil untung dari duit itu kemudian ditekan lagi budak itu dengan kontrak yang bukan-bukan. Itulah orang utara cakap Tuan Yang di-Pertua, dia kata ini "*Celaka, haram jadah*". Dia ambil untung daripada penumpang-penumpang penerbangan, dia ambil untung daripada pekerja dia.

Jadi saya minta Kementerian Pengangkutan serius memandang perkara ini. Panggil mereka dan siasat apakah *agreement* ini berniat *mala fide* ataupun menekan ibu bapa, penjaga atau anak itu sendiri. Perlu diambil tindakan yang tegas supaya tidak menjolak atau pun tidak melibatkan syarikat penerbangan yang lain kerana ini satu kaedah yang dipanggil 'kunta kinte'. Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada empat minit lagi

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, akhirnya saya ada lagi empat minit lagi. Empat minit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Pukul 12.52 tengah hari saya berhenti tepat. Saya tidak macam Yang Berhormat Limbang, dia lajak sikit.

Tuan Yang di-Pertua, berkali-kali telah diberitahu bahawa perlu ada pindaan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Pekerja, Akta Kesatuan Sekerja. Mengapa berlaku begitu? Sebagai contohnya, saya ulang lagi sekali, saya ulang berkali-kali bahawa kalau sekiranya dalam Akta Kesatuan Sekerja, hendak buat pendaftaran kesatuan. Walaupun kita tidak mengiktiraf *Convention 87 ILO* tetapi saya mengharapkan undang-undang-undang yang boleh memberikan sedikit keadilan kepada mereka hendak berkesatuan.

Sebagai contoh, dalam Akta Kesatuan Sekerja kalau seseorang itu telah membuat kesatuan, kalau dia hendak *apply* dia kena ambil orang yang bekerja waktu itu. Kalau waktu itu dan jika tahun kemudian dia mati, kita kena korek lubang kubur itu, kita panggil, kita kata "*Mari, mari, kau kena mengundi. Bila dah mengundi baru tidurkan balik dalam kubur*". Ini apa punya undang-undang-undang?

Sudah berpuluh-puluh tahun, berkali-kali saya cakap, tidak bergerak juga. Jadi saya minta Akta Kesatuan Sekerja itu disegerakan, diubah, dipinda, diubah. Cakap utara pula, dipinda, cakap standard sedikit dan supaya sedikit ruang kebebasan rakyat itu dapat dilihat dalam segi akta itu sendiri.

■1250

Kedua, apabila berlakunya - sebagai contoh di bawah seksyen 30 Akta Perusahaan, dia ambil Harun J punya falsafah, 87. Saya setuju, saya setuju. Dua tahun, 24 bulan. Tetapi kalau majikan itu jahat, berniat jahat, ada berniat mala fide, dia boleh gantung kerja kawan itu, dia buat sampai dua tahun, dia bayar dua tahun 24 bulan sahaja. Yang tiga tahun, lima tahun menunggu ini dianggap hangus, dianggap hangus, Tuan Yang di-Pertua. Ini apa punya undang-undang ini? Sudahlah. Betulkanlah balik.

Oleh sebab itu saya tengok dalam belanjawan kali ini, melihat daripada paparan yang dibuat, penyelesaian itu tidak ada, yang ada hanya memberikan gula-gula Hacks menyebabkan banyak orang kena penyakit kencing manis. Itu sahaja.

Habis daripada itu, kita kena ingat satu lagi tekanan hidup yang diberikan oleh penarikan bajet kepada pendidikan tinggi atau IPTA. Daripada tahun 2009 telah pun dikurangkan. Beban itu jatuh kepada siapa? Mak bapalah esok ini hendak kena bayar yuran lebih, hendak kena bayar itu lebih. Mampus! Hari ini pun dah mampus, hendak kena lagi mampus. Jadi sebelum tengok anak berjaya, kita sudah tersandar atas katil.

Itu sebabnya kita kena tolak bajet ini sebab bajet ini tidak menjurus kepada pembangunan modal insan. Yang dibangunkan bagi BR1M. BR1M itu berapa? RM50 gah seluruh negara, bajet ini bagus. Bagus apa? Jadi kita dengan ini menolak bajet ini dan mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya segera meletakkan jawatan kerana tidak dapat menjaga negara ini dengan baik dan menyelesaikan masalah rakyat ketika waktu ini.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tepat pukul 12.52 saya berhenti di sini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

12.52 tgh.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca selawat]* Saya ingin

merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang turut memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Berhormat Pekan baru-baru ini dengan tema “Mensejahtera Kehidupan Rakyat” melalui lima keutamaan.

Jadi saya rasa apa pun yang disebut oleh rakan-rakan di sebelah sana, memang mereka tidak bersetuju dan ada yang terang-terang menolak dan ada yang kata hendak membakulsampahkan. Akan tetapi saya melihat bahawa bajet yang dibentangkan pada kali ini menepati hasrat mengikut keadaan dan suasana semasa ekonomi dan juga persekitaran global yang begitu mencengkam tetapi Yang Berhormat Pekan telah berjaya membentangkan satu bajet yang menyeluruh yang mencakupi semua aspek segmen masyarakat. Jadi, ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan.

Jadi sebagai wakil rakyat dari Kedah, sudah tentulah pertama sekali saya juga bagi pihak kerajaan negeri ingin merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kerana ada satu program projek khusus di Kedah yang telah pun diluluskan diperuntukkan sebanyak RM320 juta bagi membangunkan *Rubber City* di Daerah Padang Terap. Kita sedar bahawa ini merupakan satu kawasan lebih kurang 1,500 hektar yang akan menggantikan RRI Sungai Buloh iaitu Pusat Penyelidikan Getah.

Kita sudah tentu mengharapkan selain daripada usaha-usaha untuk membuat R&D dalam bidang tanaman pokok getah melibatkan klon dan sebagainya yang sudah tentu untuk mencari hasil yang tinggi, kita juga mahukan *Rubber City* ini akan membuat kajian-kajian *downstream* iaitu produk-produk hiliran termasuk juga *timber* ataupun bahan balak daripada kayu getah terutama hal-hal berkaitan dengan *furniture* ataupun kayu untuk membuat perabot.

Kita sedar bahawa sebelum ini kayu getah memang menjadi pilihan popular tetapi akhir-akhir ini produk kayu getah ini pula telah pun kurang mendapat daya tarikan menyebabkan hasil jualan pokok getah tua telah pun menurun. Kalau dulunya, mungkin empat, lima tahun yang lalu, satu hektar kayu getah boleh mencecah sampai berpuluh ribu ringgit tetapi hari ini ia menjadi satu masalah kepada pekebun-pekebun di mana kurang mendapat permintaan daripada pengusaha-pengusaha kayu getah.

Selain daripada itu, sudah tentu jugalah seperti yang disebut oleh rakan saya sebelum ini, Yang Berhormat Sekijang, yang mahukan supaya R&D ataupun penyelidikan dibuat berkaitan dengan penggunaan getah, bahan-bahan getah ini untuk dibuat jalan iaitu campuran *premix* dengan bahan getah dengan harapan supaya permintaan getah ini akan meningkat dan akhirnya sudah tentulah *bottom linenya* sekali akan memberikan harga yang lebih menarik. Jadi, terima kasih Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah pun menyokong dan seterusnya memberikan peruntukan untuk pembangunan *Rubber City* di Kedah pada bajet kali ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya ini, saya hendak sentuh dahulu hal-hal berkaitan dengan kawasan saya iaitu Parlimen Jerlun. Parlimen Jerlun ini adalah satu kawasan

yang berkongsi pentadbiran daerah dengan Kubang Pasu. Hari ini Jerlun telah pun diluluskan untuk menjadi sebuah daerah baru di Kedah dalam usaha untuk mewujudkan satu kawasan pentadbiran tersendiri. Jadi sudah tentulah, oleh sebab kawasan baru ini, banyak perkara selama ini kita bergantung penuh dengan sokongan dari Pejabat Daerah Kubang Pasu, begitu juga dari Alor Setar dan juga dari Kangar, Perlis. Jerlun ini terletak di pertengahan antara Alor Setar, Kangar dan juga Jitra.

Jadi, seperti yang sebelum ini saya telah pun berkali-kali memohon kepada Kementerian Kerja Raya untuk melebarkan jalan *Federal Route 1* antara Alor Setar ke Perlis iaitu bermula pada Kilometer 15, sempadan Kota Setar dan juga Kubang Pasu sehinggalah ke sempadan antara Kedah dan Perlis di Utara dengan harapan supaya dengan pelebaran jalan ini dapat meningkatkan keselesaan pengguna, melicinkan lagi perjalanan dan mengurangkan kejadian kemalangan antara perjalanan di kawasan tersebut. Sudah tentu ia juga akan melibatkan pelebaran dua buah jambatan iaitu di Pekan Ayer Hitam dan juga di Kerpan dan satu lagi di Kampung Sanglang.

Selain daripada itu, Jerlun juga menghadapi masalah, ini berkaitan dengan KKLW iaitu bekalan air. Baru-baru ini, terutama musim perayaan, musim raya, bekalan air di kawasan Kuala Sanglang, Megat Dewa dan juga beberapa buah kawasan di Pida dalam kawasan Parlimen Jerlun ini menghadapi tekanan bekalan air yang rendah yang menyebabkan kesukaran kepada pengguna-pengguna terutama peningkatan bilangan penggunaan kerana kembalinya orang-orang di perantauan untuk menyambut perayaan bersama keluarga mereka. Jadi saya kira sudah tentu kementerian perlu melihat tentang pembinaan sebuah tangki untuk takungan air di Megat Dewa yang saya kira berada dalam pelan kementerian supaya dapat dilaksanakan dengan segera melalui tahun 2016.

Kemudian, kita juga melihat bahawa keperluan adanya sebuah dewan serba guna yang sesuai untuk digunakan di peringkat daerah, sama ada dibina di tapak sedia ada di Pekan Ayer Hitam mahupun mungkin di Alor Biak.

Kemudian selain daripada itu, Jerlun juga perlukan sebuah balai bomba, walaupun mungkin saiznya tidak besar tetapi hari ini Jerlun semata-mata bergantung harap dengan khidmat bomba sukarela, kita ada lima buah kumpulan bomba sukarela tetapi yang lainnya disokong oleh bomba di Kubang Pasu, Jitra, Alor Setar dan juga Kangar. Akan tetapi oleh sebab Jerlun perlukan sebagai sebuah daerah baru, kita minta supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melihat keperluan membina sebuah balai bomba yang baru di Jerlun.

Selain daripada itu, FAMA yang mempunyai peruntukan yang agak banyak pada kali ini yang akan membina Agrobazaar dan juga pasar tani, saya mohon supaya FAMA dapat menimbangkan untuk membina sebuah pasar tani di Kuala Sanglang dan juga di Padang Sera, selain daripada juga untuk membangunkan Agrobazaar di Kerpan. Jadi, itu adalah sebahagian



daripada kerja-kerja yang saya kira perlu untuk dibangunkan di kawasan Parlimen Jerlun melalui peruntukan tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, bajet kali ini kita lihat bahawa ia merangkumi pelbagai. Kita sedar bahawa industri padi telah pun diberikan satu insentif baru iaitu berkaitan dengan Skim Subsidi Harga Padi. Saya hendak rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan yang membuat satu pendekatan baru iaitu memberi insentif berdasarkan kepada prestasi kerja petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun, kita sambung jam 2.30 petang.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Jerlun, ada 18 minit lagi.

**2.32 ptg.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Sebelum saya meneruskan perbincangan, saya hendak mengalu-alukan kehadiran bersama kita petang ini. Rombongan JKKK daripada Parlimen Pendang, berjumlah 80 orang. Selamat datang ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh sedikit berkaitan dengan insentif baru yang diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkaitan skim subsidi harga padi. Kita sedar bahawa dalam insentif yang diberikan baru ini, daripada RM248.10 ditingkatkan kepada RM300 per metrik tan ataupun peningkatan sebanyak RM51.90. Mengikut insentif yang diberikan ini, petani perlu berdasarkan kepada harga ketika ini RM1,200 satu metrik tan, petani perlu menghasilkan keluaran barangan atau pun padi berkualiti di mana potongannya tidak lebih daripada 20%.

Jadi, sekiranya seorang petani itu mengeluarkan hasil enam tan satu hektar dan kemudian kualiti padi potongannya tidak sampai 20%, maka petani tersebut mempunyai potensi untuk mendapat RM7,200 untuk satu hektar. Namun, kita sedar inilah kerja-kerja yang kita sedang buat, terutama sekali bagi kawasan MADA. MADA ini mempunyai 100 ribu lebih hektar

melibatkan lebih daripada 50,000 orang keluarga tani. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Kedah telah pun bersetuju menyerahkan kawasan pinggir MADA berjumlah lebih kurang 4,500 hektar untuk diberikan pengurusannya kepada MADA, menjadikan ketika ini hampir 110,000 hektar bagi kawasan Kedah dan Perlis.

Kita memang berusaha dengan sasaran sekurang-kurangnya tujuh metrik tan untuk setiap kali tuaian. Akan tetapi melalui *target* tersebut, kita menjalankan pelbagai kempen. Kempen yang kita buat melalui unit pengembangan (*extension unit*) di mana petani-petani diminta untuk memastikan penggunaan benih padi sah mengamalkan amalan pertanian yang baik dan mengikut jadual tanaman. Kemudian sudah tentulah melalui amalan-amalan ini kita harapkan hasilnya akan dapat kita tingkatkan. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita sedar sebagai petani, ada juga perkara-perkara yang kita tidak dapat kawal di luar kawalan kita ataupun *uncontrollable factors*. Antaranya cuaca. Contohnya padi yang menguning, yang begitu segar, yang begitu elok, siap untuk dituai. Kemudian, sehari ataupun malam sebelum dituai itu turun hujan yang lebat ataupun ribut, maka ia akan menjejaskan kualiti tuaian.

Selain daripada itu juga, sudah tentu kita menghadapi masalah berkaitan dengan mesin jentuai. Di mana kita sedar hari ini, kebanyakan mesin-mesin yang digunakan di dalam industri padi di negara kita ianya adalah mesin yang sepatutnya digunakan untuk tuaian gandum. Akan tetapi dengan kebijaksanaan pereka cipta membuat modifikasi melalui amalan teknologi dunia ketiga, maka mesin tersebut digunakan untuk tuaian padi.

Akan tetapi kita sedar, banyak di kalangan petani-petani merungut kehilangan selepas tuai ataupun *post harvest lost* kerana mesin ini tidak efisien, tidak kompeten. Jadi, sudah tentu ia juga menyebabkan kekurangan hasil. Satu lagi faktor adalah sudah tentu penyakit. Penyakit yang pelbagai yang mengikut tidak tentu musimnya, tidak tentu penyakitnya tetapi pelbagai penyakit. Antaranya yang kita sering dengar karah padi, BLB ataupun *bacterial leaf blight*, *bacterial leaf strike*, *raw leaf streak* dan sebagainya.

Jadi, ini semua akan memberi masalah kepada petani-petani. Jadi, kita sedar walaupun insentif yang diberikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baik tetapi untuk mencapainya sudah menjadi satu cabaran kepada petani-petani. Namun saya yakin, *insya-Allah* petani-petani akan menyahut cabaran ini dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita akan cuba usahakan sedaya mungkin untuk meningkatkan kualiti padi. Sebagai satu insentif kerja kuat kepada petani, maka mereka akan diberikan peningkatan subsidi harga padi ini. Dalam masa yang sama juga negara akan dibekalkan pula dengan beras ataupun padi yang berkualiti lebih tinggi.

Jadi, kita harapkan sebagai permulaan, mulai 1 Januari yang akan datang ini, *insya-Allah* petani-petani akan berusaha keras untuk mencapai kualiti disasarkan dan membekalkan padi yang baik untuk negara untuk makanan semua rakyat Malaysia. Dalam masa yang sama juga, mereka dapat menikmati insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang industri sukan negara. Pagi tadi saya bertanyakan kepada Kementerian Pendidikan. Kita sedar bahawa Malaysia memanglah merupakan sebuah negara yang memang terlibat dengan pembangunan industri sukan sejak sekian lama. Sukan juga melambangkan kehebatan sesebuah negara. Pencapaian terbaik dalam apa jua bidang sukan ini akan mengharumkan nama negara. Kerajaan telah memberikan satu peruntukan yang saya kira agak besar, lebih dari hampir-hampir satu bilion, lebih daripada 900 juta kepada KBS. Dengan harapan untuk kita fokus kepada pencapaian kita dalam Sukan SEA 2017 yang Malaysia akan menjadi tuan rumah.

Kemudian, sudah tentu untuk *Olimpik Rio 2016* dan juga dalam program peningkatan atau pencapaian dalam podium. Melalui peruntukan sebesar ini kita sudah tentu mengharapkan atlet-atlet negara akan mencapai kejayaan yang jauh lebih gemilang.

Namun, untuk jangka panjang saya kira suda tiba masanya kita melihat secara holistik, secara menyeluruh. Bagaimanakah kita mampu menghasilkan atlet-atlet yang jauh lebih baik? Hari ini kita sedar, mengikut laporan yang kita terima, kita ada sekolah sukan Malaysia sebanyak empat buah. Kemudian sekolah sukan negeri 15 buah, sekolah sukan daerah 681 buah dan melibatkan lebih kurang 40 ke 45 ribu anak murid yang terlibat dengan pelbagai jenis sukan. Kita juga mempunyai hampir 2,500 orang jurulatih. Akan tetapi kalau kita toleh ke belakang sejarah negara, zaman 60-an, 70-an, kita cukup berbangga dengan pencapaian kejayaan kita dalam bidang sukan ketika itu.

#### ■1440

Saya melihat bahawa antara sebab utamanya ialah semua sekolah di seluruh negara, rendah dan menengah ketika itu memang bergiat dengan sukan sepenuhnya. Mereka mempunyai jurulatih dan guru-guru yang begitu *dedicated*, yang begitu *passionate*, yang menjiwai setiap bidang sukan yang mereka ceburi. Mereka sanggup melatih anak-anak murid sekolah ini sehinggalah melahirkan juara-juara yang hebat baik dalam bidang sukan olahraga, mahupun sukan permainan seperti bola sepak. Hari ini walaupun kita ada sekolah sukan tetapi pencapaian masih kurang membanggakan, sedangkan sekolah sukan ini telah kita wujudkan sejak tahun 1998 iaitu di bawah RMKe-5.

Caranya ialah pada saya bagaimana kita hendak melahirkan lebih ramai jurulatih-jurulatih berkelayakan terutama sekali di kalangan guru-guru. Kemudian mereka ini akan ditempatkan pula di semua sekolah tidak kira sekolah sukan ataupun bukan sekolah sukan, sekolah bandar, luar bandar, pinggir bandar, sekolah pedalaman dan sebagainya supaya guru-guru yang diberikan tugas untuk membimbing murid dalam bidang sukan ini adalah di kalangan mereka-mereka yang berkelayakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun boleh gulung.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Gulung sudah? [*Ketawa*] Baru dua tajuk. Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, hendak habis sudah. Jadi saya mengharapkan supaya KBS dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) duduk berbincang, membuat *endorse* bagaimana hendak melahirkan ramai lagi jurulatih. Kemudian tempatkan mereka sama ada jurulatih ini dari Sekolah Sukan Bukit Jalil atau sekolah-sekolah sukan ini kemudian mereka keluar dan ditempatkan di IPG, IPG Perguruan, Institut Perguruan Khas Bahagian Sukan ataupun mungkin dipilih salah satu IPG yang sedia ada, dijadikan sekolah ataupun pusat latihan melahirkan lebih ramai jurulatih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak *dan* hendak *pi* manalah ini, baru *start* hendak habis sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, untuk kawasan satu minit.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Kawasan saya sudah minta tadi cuma saya hendak, ini ada orang kampung minta tolong dalam tajuk JPA ataupun penjawat awam ini. Kita ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Perdana Menteri menaikkan gred, kemudian berikan *formation* kepada yang *service of contract, contract for service and all that*. Minta ditengokkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kepada pegawai-pegawai sangkut mereka yang telah pun bertugas lebih daripada dua atau tiga tahun yang perlu untuk diserapkan secara tetap dalam kementerian, supaya mereka dapat menjadi pegawai yang lebih mantap, seterusnya dapat melaksanakan kerja-kerja yang lebih baik untuk rakyat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, inovasi. Inovasi ini penting kepada negara. Kemudian, tahun depan kita hendak lancarkan tahun *commercialization* inovasi-inovasi yang dibuat. Cuma kita sedar bahawa banyak inovasi ataupun hasil-hasil kajian, kaji selidik yang dibuat oleh pakar-pakar, doktor ataupun PhD *holders* daripada IPT-IPT kita ini. Saya kira kurang daripada 5% dapat *dicommercialize*kan. Maka kita harapkan kerajaan melihat, kementerian melihat dari sudut bagaimana hasil-hasil kajian ini dapat kita *commercialize*kan. Jadi sudah tentu perlu kepada industri *thriven* R&D, bukan daripada universiti sendiri yang mungkin berada dalam kepompong masing-masing seronok, tetapi bila buat kajian walaupun dapat PhD tetapi bila hendak *commercialize*, tidak dapat dihasilkan.

Jadi, eloklah sebelum sesuatu kajian hendak dibuat, bincanglah dengan industri-industri berkaitan, baik daripada segi kilang ataupun industri padi sendiri. Apakah bentuk kajian yang seharusnya dibuat kajian menyeluruh, mendalam dan akhirnya hasil kajian itu dapat *dicommercialize*kan, dapat diperniagakan dan dipergunakan untuk faedah semua pihak.

Jadi saya terharu Tuan Yang di-Pertua sebenarnya, saya ingat masa banyak lagi. Baru 14 minit, jadi terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua yang memberi ruang kepada saya. saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lanang, 20 minit.

**2.44 ptg.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016. Dalam sidang Parlimen ini, saya telah memasukkan soalan lisan saya yang menyentuh tentang kuasa autonomi Sarawak. Amat mengecewakan apabila mendapati bahawa soalan tersebut telah ditolak. Apakah tugas saya sebagai wakil rakyat kepada pengundi saya di Lanang dan di Sarawak jika soalan yang berhubung kuasa autonomi Sarawak ditolak? Memandangkan soalan lisan saya ditolak, saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk membangkitkannya dalam ucapan bajet saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta kerajaan untuk menyatakan secara terperinci apakah kuasa autonomi yang telah diberikan kepada negeri Sarawak dan apakah kuasa autonomi yang akan diberikan kepada negeri Sarawak? Jika belum, bila ia akan diberikan?

Saya membangkitkan isu ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan telah mengumumkan kuasa autonomi akan diberikan kepada negeri Sarawak beberapa bulan lepas. Seperti biasa, ini sekadar menanam tebu di pinggir bibir sahaja dan tiada apa-apa yang diumumkan selepas itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, menanam tebu.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** *[Ketawa]* Adakah ia hanya janji kosong sebelum pilihan raya negeri Sarawak? Saya harap Kerajaan Persekutuan tidak akan abaikan kebebasan dan maruah anak-anak Sarawak dan menyatakan proses memberikan kuasa autonomi ini secara hitam putih. Saya menyeru kepada Ahli Parlimen Sarawak dari Barisan Nasional juga akan menyokong permintaan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak adalah salah satu pengeluar minyak dan gas yang terbesar di negara kita. Sebanyak 30% daripada pendapatan ekonomi negara kita berpunca daripada industri minyak dan gas. Sebagai anak Sarawak, adalah hasrat kami supaya Kerajaan Persekutuan mengembalikan 20% tuntutan royalti minyak dan gas. Ini bukan sahaja hasrat parti-parti pembangkang di Sarawak, tetapi ia juga menjadi permintaan Dewan Undangan Negeri Sarawak supaya Sarawak boleh membuat perancangan pembangunan bagi negeri Sarawak dengan 20% tuntutan royalti ini.

Akan tetapi usul Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk tuntutan 20% royalti minyak dan gas tidak mendapat apa-apa respons dari Kerajaan Persekutuan. Saya ingin minta penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan, berapa lamakah Sarawak perlu menunggu keputusan ke atas 20% royalti minyak dan gas oleh Kerajaan Persekutuan? Kami benar-benar

berharap Kerajaan Persekutuan akan menunaikan hasrat kita memandangkan Sarawak dan Sabah bukanlah sekadar salah satu negeri di Malaysia, tetapi rakan kongsi strata dengan Malaya. Tambahan pula seperti mana yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi kuasa autonomi kepada negeri Sarawak, lebih banyak peruntukan perlu diberi kepada negeri Sarawak. Jikalau tiada peruntukan yang mencukupi walaupun autonomi diberi pun, tidak dapat diurus dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Saya juga harap Kerajaan Persekutuan tidak akan memberi alasan bahawa tuntutan 20% royalti minyak dan gas perlu mendapat pertimbangan mahkamah kerana tuntutan 20% ini dari Sarawak tidak pernah dibawa ke mahkamah.

Isu seterusnya yang ingin saya bawa ke Dewan yang mulia ini ialah isu Lebuhraya Pan Borneo yang diuar-uarkan setiap tahun. Dari Bajet 2014, dikatakan pembinaan sepanjang 2,213 kilometer dianggarkan sebanyak RM22 bilion tetapi hanya RM500 juta diperuntukkan. Dalam Bajet 2015 pula, anggaran kos pembinaan adalah sebanyak RM27 bilion manakala dalam Bajet 2016, anggaran kos adalah sebanyak RM28.9 bilion. Di mana Lebuhraya Pan Borneo Sarawak meliputi jajaran sepanjang 1,090 kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM16.1 bilion dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2021? Enam tahun dengan RM16.1 bilion, maksudnya lebih kurang RM2.7 bilion setahun diperlukan.

Sebaliknya hanya RM800 juta akan diperuntukkan dalam penaiktarafan Lebuhraya Pan Borneo ini pada tahun 2016. Jadi adakah dengan keadaan ekonomi yang amat teruk sekarang, kerajaan dapat memberi peruntukan sebanyak RM2.7 bilion setahun supaya Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dapat siap sepenuhnya pada tahun 2021 atau adakah ini hanya satu janji kosong lagi. Saya berharap Perdana Menteri sendiri akan menjawab soalan ini, memandangkan pilihan raya negeri Sarawak semakin dekat.

Seterusnya saya ingin membangkitkan satu isu yang harus diberikan perhatian yang segera oleh Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini semakin banyak pusat akademi estetik dibuka di Malaysia. Sebagaimana yang saya tahu, pusat akademi kecantikan atau *beauty academy* biasanya menawarkan kursus kepada orang ramai seperti *manicure*, *pedicure*, rawatan jerawat, *face whitening*, kurus badan, *massage* dan sebagainya. Akan tetapi kini sebahagian pusat akademi estetik ini juga menawarkan kursus bagaimana orang ramai dapat memberikan suntikan *botox*, *dermal fillers*, vitamin C dan sebagainya.

#### ■1450

Mereka juga mengajar bagaimana untuk memberi suntikan intravena atau *intravenous injection*. Adakah Pusat Akademi Estetik diberikan kebenaran untuk mengajar rakyat biasa tanpa pengetahuan perubatan atau bukan daripada latar belakang perubatan untuk belajar bagaimana memberikan suntikan *botox*, *dermal fillers* dan vitamin C atau sebagainya kepada pengunjung pusat tersebut. Kursus yang ditawarkan kepada orang ramai biasanya dikenakan yuran sebanyak RM5,000 hingga RM7,000 atau lebih dan ia hanyalah kursus tiga hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan doktor perubatan sah pun perlu mengikuti kursus estetik jika ingin memberi perkhidmatan tersebut. Selain itu, saya difahamkan banyak ubat-ubatan *botox*, vitamin C dan sebagainya diimport masuk ke Malaysia, dibawa masuk tanpa permit. Setahu saya, semua ubat-ubatan terutama suntikan perlu dikaji dan didaftar oleh Kementerian Kesihatan sebelum ia dapat dipasarkan ke klinik dan hospital dengan memperoleh nombor MAL. Apakah tindakan Kementerian Kesihatan terhadap kes-kes seumpama ini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan supaya tiada apa-apa kejadian buruk yang akan berlaku pada masa hadapan apabila suntikan seperti ini disalahgunakan oleh sesiapa pun dan bukanlah seorang doktor estetik.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan agar satu kerjasama sepadu diwujudkan antara kementerian dengan SKMM untuk memantau dan mendakwa mana-mana pihak yang sering mengiklankan produk dan perkhidmatan mereka di laman media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp* dan sebagainya. Memandangkan pelbagai kursus juga diiklankan, ini akan menyenangkan lagi pengenalpastian oleh pihak berkuasa.

Isu seterusnya adalah isu kekurangan tempat letak kereta di Hospital Sibu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lanang, perlahan-perlahan. Ada masa.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** [*Ketawa*] Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini 20 minit, bukan lima minit, biasa lima minit. Perlahan-perlahan.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Kerana sudah biasa laju. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah kekurangan tempat letak kereta di Hospital Sibu sudah berpuluh-puluh tahun lamanya. Sejak saya anak kecil lagi dan sampai sekarang masih belum ada jalan penyelesaian yang baik. Usaha-usaha kementerian jelas tidak membantu untuk menyelesaikan masalah ini. 12 tahun dahulu semasa saya mendapat latihan *housemanship* saya di hospital, saya telah menyaksikan banyak kereta yang diberikan saman apabila mereka letak kereta di tempat letak kereta teksi atau *illegal parking*. Sehingga sekaranglah masalah ini masih belum dapat diselesaikan. Banyak kereta sekarang kena *clamp* apabila didapati tidak meletak kereta dalam tempat letak kereta yang telah disediakan.

Rakyat Sibu sangat susah hati kerana bukan mereka tidak mahu mencari tempat letak kereta yang sedia ada tetapi hakikatnya adalah tempat letak kereta benar-benar tidak mencukupi. Banyak pesakit mengadu bahawa mereka mencari tempat letak kereta lebih daripada satu jam dan akhirnya terpaksa meletakkan kereta secara *illegal*. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dan pentadbiran hospital supaya satu *multistorey car park* atau bangunan bertingkat untuk meletakkan kereta di Hospital Sibu supaya masalah kekurangan tempat letak kereta dapat diselesaikan secepat mungkin. Saya juga ingin mencadangkan supaya tiada *fee* atau caj yang

akan dikenakan kepada pesakit dan keluarga pesakit yang datang ke Hospital Sibul jika *multistorey car park* ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu aktiviti perjudian mesin kuda yang menular semula di Sibul. Walaupun banyak operasi telah dijalankan untuk membendung aktiviti tersebut tetapi kegiatan tersebut telah mula berleluasa semula. Apakah...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Sibul. Boleh mencelah sedikit pasal judi siber, sama.

**Beberapa Ahli:** Lanang, Lanang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Lanang. *Just little bit* kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh. Sila Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Lanang. Pagi ini tadi saya pun sudah terima *WhatsApp* daripada kawan saya di Limbang. Sama juga ceritanya, Yang Berhormat Lanang. Dulu sudah hilang, kini timbul balik, sudah berleluasa lagi balik. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Lanang jika kita sama-samalah perjuangkan minta supaya kerajaan, KDN ambil tindakan. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Saya memang bersetuju kerana isu ini sudah dibangkitkan setiap masa saya berucap di sini dan masalah ini semakin menular. Walaupun operasi-operasi telah diambil untuk membanteras tetapi isu ini masih kekal. Oleh itu, saya harap tindakan kerajaan dalam usaha menghalang orang ramai daripada terjerumus ke dalam aktiviti perjudian yang tidak sihat ini. Saya faham aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan dengan pemain.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Lanang, boleh bagi laluan sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur. Sila.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Ini juga berkenaan dengan masalah mesin judi ini. Adakah Yang Berhormat Lanang setuju bahawa pihak polis seperti mana telah diberitahu oleh Menteri Dalam Negeri, ada banyak kuasa. Potong elektrik, potong air dan bekerja dengan pihak berkuasa tempatan untuk menutup semua kedai mesin judi ini tetapi kenapa mereka masih boleh beroperasi lepas itu adalah kerana polis tidak mengambil tindakan susulan lepas operasi. Mesin-mesin yang mereka ambil itu dihapuskan tetapi mereka beli lagi yang baru. Ini masalah yang besar. Kenapa polis tidak ada tindakan susulan? Kalau ada tindakan susulan, maknanya selepas operasi, kedai-kedai ini ditutup selamanya. Ia akan menghalang mereka daripada beroperasi semula. Setuju tak?



**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Ipoh Timur. Oleh itu, saya berharap berapa banyak serbuan akan dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan, Imigresen dan pihak polis untuk membanteras kegiatan perjudian sehingga ke akar umbi.

Selain daripada pusat-pusat judi ini, saya menerima banyak SMS atau *WhatsApp* daripada nombor yang tidak berkenaan yang mengiklankan *online casino*. Apakah tindakan yang telah diambil oleh KDN tentang SMS yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak tahu sesiapa dan nombor telefon yang mengeluarkan SMS ini berlainan setiap kali.

Seterusnya, isu jenayah siber juga semakin meningkat. Banyak kes telah pun dilaporkan di SibU baru-baru ini. Saya ingin tahu berapakah kes yang telah dibawa ke mahkamah atau yang telah ditangkap suspeknya. Beberapa minggu lepas, saya telah menerima satu aduan kes di mana seorang ibu tunggal telah ditipu untuk deposit wang sebanyak RM1,500 ke dalam satu akaun Maybank kepunyaan seorang yang tidak dikenali. Laporan polis telah pun dibuat.

Saya ingin bertanya di sini, adakah akaun bank yang dibekalkan tidak dapat diperiksa siapa pemegang akaun, nombor-nombor telefon yang dibekalkan pun tidak dapat dikesan siapa sebenarnya pemilikinya. Saya faham ramai penjenayah siber ini menggunakan nama dan identiti orang lain untuk mendaftar nombor telefon, akan tetapi bagaimana pula dengan pendaftaran akaun di bank.

Beberapa hari yang lalu, saya juga baca satu laporan akhbar mengenai seorang wanita dari Pulau Pinang juga menjadi mangsa jenayah siber dan hilang sebanyak RM12.5 ribu. Semalam lagi dilaporkan dalam *online news*, seorang jururawat yang berumur 50 tahun juga menjadi mangsa. Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk membanteras jenayah siber yang semakin meningkat ini.

Selain itu, saya juga ingin membangkitkan satu isu di kawasan Parlimen Lanang. Saya ingin mencadangkan agar JKR menutup parit di tepi jalan sekolah SMK Saint Elizabeth di SibU di atas permintaan rakyat SibU untuk melebarkan jalan di hadapan sekolah tersebut. Akan tetapi, kerajaan tempatan mengumumkan ia tanggungjawab JKR untuk melebarkan jalan tersebut. Jadi, saya minta jasa baik JKR untuk mempertimbangkan permohonan saya ini supaya parit di tepi jalan ditutup untuk melebarkan jalan raya tersebut memandangkan kemalangan sering berlaku dan banyak kali mangsa kemalangan adalah pelajar di SMK Saint Elizabeth atau keluarga mereka.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pilihan raya kerajaan tempatan dapat dijalankan di negara kita. Ini adalah kerana proses pelantikan ahli-ahli kerajaan tempatan kemungkinan besar akan memberikan peluang untuk menyalahgunakan kuasa mereka seperti yang berlaku di SibU. Menteri Sarawak, Menteri Kerajaan Tempatan telah melantik anak sendiri sebagai Timbalan Pengerusi Kerajaan Tempatan. Ini jelas menunjukkan budaya nepotisme dan kronisme masih mencengkam tindak-tanduk mereka yang berkuasa.

## ■1500

Saya harap Kerajaan Persekutuan dapat menimbang semula supaya mewujudkan pilihan raya kerajaan tempatan dan melaksanakannya untuk membawa demokrasi yang secukupnya kepada rakyat Malaysia. Dengan hujah-hujah saya ini, saya menolak Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baling.

**3.00 ptg.**

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, salam sehati sejiwa. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2016. Memetik hadis Nabi Muhammad SAW, *“Barang siapa yang Allah SWT mempertanggungjawabkan urusan rakyat ke atasnya di hari dia mati dalam keadaan dia menipu rakyatnya, dia tidak akan membau aroma syurga”*.

Sesungguhnya pembentangan Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan bajet yang bertepatan dengan hadis dan temanya, *“Mensejahtera Kehidupan Rakyat”*. Sesungguhnya berdirinya saya di sini di bumi yang nyata ingin saya menegakkan pertama sekali isu-isu di kawasan saya yakni Parlimen Baling. *“Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”*.

Ingin saya ketengahkan isu di kawasan Parlimen Baling, pertamanya mengenai isu pertanian khususnya sudah semestinya berkaitan dengan getah. Melalui Bajet 2016, RM852 juta telah diberikan kepada RISDA, FELCRA untuk melaksanakan pelbagai program peningkatan pendapatan dan produktiviti, menambah baik inisiatif pengeluaran getah RPG dengan menaikkan daripada RM4.60 ke RM5.50 – 1 kg untuk getah SMR20 *free on board* bagi getah sekerap atau *cup lumps*. Di peringkat ladang pula dinaikkan daripada RM1.75 ke RM2.20. Pendapatan keseluruhan pemilik kebun kecil tersebut akan meningkat kepada RM1,100.

Jumlah peruntukan yang dianggarkan adalah sebanyak RM200 juta dengan memanfaatkan 300 ribu pekebun kecil. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan akan melaksanakan pemutuan sebenar padi dan menambahbaikkan skim subsidi harga padi mulai 1 Januari 2016. Menyeragamkan harga padi dengan paras RM1,200 setiap tan metrik sebagai satu pelengkap kepada inisiatif ini. Kerajaan juga meningkatkan kadar SSHP dari RM248.10 ke RM300 setiap tan metrik, petani layak mendapat bayaran hasil jualan sebanyak RM5,760.

Ucapan penghargaan saya sekarang ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan kepada masyarakat Baling, saya hendak tambah Tuan Yang di-Pertua; Sik, Kulim, Padang Terap, Pendang dan semua. Kami semua sekapal. Jadi kami ini dapatlah bantuan

daripada Kerajaan Barisan Nasional. *Insya-Allah* dengan pemberian, dengan keikhlasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan bajet untuk kesejahteraan rakyat. *Insya-Allah* pilihan raya yang umum dahulu Kedah telah menyumbangkan 10 kerusi, *insya-Allah* kali ini kita akan berikhtiar, bekerja keras walaupun ada pelbagai tohmahan, fitnah – *insya-Allah* kita akan dapatkan 15-0. Itulah hasrat kita *insya-Allah*.

Jadi kepada semua agensi-agensi kerajaan ataupun kementerian-kementerian yang berkaitan, yang mana telah diberikan bajet untuk membantu seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling, Jerlun tidak disebut tadi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jerlun sekali.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Pendang pun belum sebut.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pendang sebut, Pendang sebut. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi berganding bahu melalui *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) saya sebagai Ahli Parlimen sekali lagi mengajak kesemua mereka datanglah ke Baling untuk membantu kami rakyat Baling. Kami berbuat pelbagai bantuan, kami mulakan dengan getah untuk bantu pekebun-pekebun kecil, justeru itu kecil tapak tangan, satu Baling saya tadahkan kepada kesemua agensi kerajaan dan kementerian untuk datang membantu kita.

Adalah dekat dengan hati saya selaku Pengerusi Biro Kebajikan UMNO Malaysia yang mana UMNO dalam biro kebajikan yang dikenali oleh rakyat sebagai pembela dalam apa jua krisis khususnya bencana alam dalam negara kita. Saya hendak menyentuh sedikit apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam untuk membuat persiapan banjir, di mana kalau kita tengok setiap tahun adanya berlaku musibah banjir.

Kalau dahulu banjir ini di Kelantan umpama pesta, tidak lagi pesta. Sekarang ini yang boleh meragut nyawa dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya harap Kementerian Bencana Alam pun telah diwujudkan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Arau. Saya percaya roh perjuangan Yang Berhormat Arau, Menteri sama dengan saya. Apa sahaja bantuan yang harus diberikan kepada rakyat dalam konteks bencana alam ini kita ketepikan segala *red tape* atau birokrasi dan sebagainya untuk kita terus membantu mereka dengan cepat.

Pengalaman yang ada kepada Biro Kebajikan dalam tahun yang lalu begitu dahsyat di mana Negeri Kelantan, di antara negeri yg paling dahsyat dilanda tsunami. *Land tsunami*, dengan izin banjir besar dan saya percaya ramai rakan-rakan di sebelah sana pun bekerja keras untuk memastikan membantu rakyat. Akan tetapi saya harap dengan bantuan Bajet 2016 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Boleh cakap dekat tepi sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dia hendak mencelah kalau tidak, tidak masuk.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Baling. Saya dengar ucapan Yang Berhormat Baling tadi mengatakan dan ini juga diakui daripada Bajet 2016 banyak bantuan sebenarnya diberikan oleh pihak kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan tetapi dalam masa beberapa hari ini kita mendengar banyak daripada rakan-rakan kita sebelah sana. Bila dia bercakap ini salah, itu salah. Selepas itu ini tidak cukup, ini kejamah.

Jadi saya minta ulasan daripada Yang Berhormat Baling itu sendiri. Macam mana mereka ini sampai buat macam ini tidak menghargai, tidak berterima kasih atau apa. Jadi minta ulasan daripada Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia PAS sudah setuju tidak ada masalah.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih, bagilah kawan saya sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Parit.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas keizinan. Pertama, saya hendak merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Baling kerana sewaktu banjir dengan segala bala tenteranya datang ke seluruh negara termasuk ke tempat saya di Parit. Jadi maksudnya ini adalah suatu tanda bahawa di bawah Yang Berhormat Baling sebagai Pengerusi Biro Kebajikan UMNO telah menyumbangkan seluruh tenaga untuk rakyat negara ini. Jadi bagi saya teruskan khidmat baik itu hingga rakyat terus menyokong kita pada masa hadapan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih kepada rakan-rakan. Biro Kebajikan ini kita sentiasa bersangka baik dan apa jua sumbangan, bantuan yang kita berikan sudah sememangnya bersandarkan *hablum minallah, hablum minannas bukannya hablum minal 'parti'*. Oleh sebab itu, kita merentasi sempadan dan ideologi politik. Kalau kita hendak main politik, bilamana berlakunya bencana yang begitu dahsyat khususnya di Kuala Krai yang mana sekolah kalau saya tahu di waktu itu di Kuala Krai, Dabong Lama sebuah sekolah agama ditenggelami air sehingga ke 3 tingkat sampai hendak cecah ke tingkat 4.

Jadi kita tidak akan pergi membantu. Kalau kita hendak biarlah ini bukan negeri UMNO memerintah atau Barisan Nasional memerintah sudah semestinya kita akan melakukan tetapi kerja pembangkang tetap kerja pembangkang. Apa juga kita beri mereka tidak akan puas hati. Saya dengar tadi ucapan perbahasan Yang Berhormat Lanang tadi. Baru sebentar, saya masih terngiang-ngiang dalam telinga saya di mana menyatakan bahawa Ketua Menteri telah melantik anaknya sebagai Timbalan Pengerusi dan sebagainya – itu nepotisme.

Dalam Dewan ini mana Yang Berhormat Lanang, dalam Dewan ini tengok satu, dua, tiga, empat, lima.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Bukan Ketua Menteri. Salah dengar. Saya cakap Menteri Kerajaan Tempatan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Semua anak, bapak, emak. Jadi.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Itu bukan Ketua Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, betul sama juga, sama juga. Cerita nepotisme sama juga. Sini pun kita boleh tengok. Anak dengan ayah.

#### ■1510

Bapa duduk sebelah, anak Ketua Menteri sebelah. Selepas itu mari sini, semua sama. Jadi saya hendak beritahu tak perlu.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling, itu rakyat yang pilih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bukan dilantik, kita cakap dipilih oleh rakyat. Itu pun tidak tahu beza kah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita hendak cakap dengan orang, kita cermin muka dulu. Kita tengok, kita cakap Yang Berhormat Baling punya seluar koyak belakang besar.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling, minta laluan boleh Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia pun, seluar pun tidak pakai. Jadi macam mana?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling, minta laluan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi ini kita tidak mahu. Kita mahu orang yang tegur, tegurannya membina. Bila teguran yang membina, kalau kita bercakap fasal orang.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi saya tidak mahulah. Sebab itu saya...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling, minta laluan. Laluan boleh.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita dalam Barisan Nasional, UMNO kita bersangka baik. Oleh sebab itulah Tuan Guru Haji Hadi Awang pun sudah menyatakan semalam, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Bukit Gantang, semua ini bersetuju untuk dalam melaksanakan sumbangan yang bersandarkan *hablum minallah, hablum minannas*. Saya rasa Yang Berhormat Lanang pergi tanya ustaz dulu baru boleh jumpa saya.

Jadi apa pun - jadi sumbangan yang kita berikan, jadi apa yang Yang Berhormat Parit Sulong cakap, masuklah dalam ucapan saya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Baling sedikit boleh? Boleh? Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Yang Berhormat Baling. Tidak, bila Yang Berhormat Baling sebut tadi tentang sangka baiklah, *husnuzon* begitu. Sangka baik ini susah dengan sikap manusia yang apabila kita bagi, dia kata lain, apabila kita tidak bagi, dia lagi menjerit. Contohnya pembangkang, bila tidak bagi, menjerit-jerit, tidak dapat ini, mana janji ditepati. Tapi bila bagi, dia akan kata ini gula-gula. Gula-gula, macam semut. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Baling tentang sikap yang macam ini.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Baling, boleh Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Hendak minta pandangan Yang Berhormat Baling. Saya kali ini rasa hairan dalam perbahasan bajet, Ketua Pembangkang dan beberapa kumpulan Pakatan Harapan ini selalu minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri letak jawatan. Apa pandangan Yang Berhormat Baling? Kenapa dulu kaedahnya hendak jatuhkan kerajaan tidak jadi, sekarang ini dia suruh pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri letak jawatan. Macam mana pandangan Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jawapannya, sudah tiga kali 16 September Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya!

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Akan tetapi tidak apa. Apa pun saya akan jawab berkaitan soal ini juga akan saya sentuh sekejap lagi.

Jadi saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan yang telah memberikan banyak bantuan, sumbangan kepada NGO-NGO untuk melaksanakan tanggungjawab program-program komuniti dan sebagainya.

Kalau kita tengok perbahasan sebelah sana, tidak ada seorang pun yang bangun ucap terima kasih, yang kata benda ini baik, teruskan. Sebab itu kerja dia. Itu kerja pembangkang. Jadi kita tidak boleh menafikan. *Nauzubillahi min zalik*, dengan izin Allah SWT dengan izin. Bukan takbur, kita berdoa siang dan malam kita tidak akan duduk sebelah sana. *Insyaa-Allah*. Sebab kita

bersangka baik. Walaupun mereka kata apa pada kita, jadi musibah jadi masalah di mana-mana kawasan Ahli Parlimen pembangkang, kita orang pertama sampai.

**Seorang Ahli:** Betull!

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Itu sahaja kerja Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Termasuk yang baru, termasuk saya cerita yang terbaru, kes di Gua Musang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling, akan datang PAS duduk di sebelah mana?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Amin, duduk sebelah saya. Saya mengalu-alukan. Saya mengalu-alukan Yang Berhormat Bukit Gantang, itu ustaz saya, saya bagi kerusi. Tidak ada masalah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** ...Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kerusi saya ini memang kosong untuk Yang Berhormat Bukit Gantang. Jadi apa pun saya hendak menyatakan cerita yang terbaru di Gua Musang, berlakunya bila kanak-kanak...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Mala fide ya.*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tujuh orang kanak-kanak yang mana hilang dan akhirnya diketemukan. Ada yang meninggal dunia dan mengerikan, yang hidup dua orang dan sebagainya.

Kita tengok siapa yang ke hadapan dalam bentuk memberi bantuan. Saya bukan hendak mendabik dada, saya hendak bercakap. Yang Berhormat Sepang tidak ada, Yang Berhormat Sepang kata saya punya ayat Al-Quran tidak betul. Ini tidak apa, ada dua, tiga orang tok imam dalam ini. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* maknanya, "*Cakaplah kamu benar walaupun pahit untuk didengar*".

Jadi saya hendak beritahu, kita turun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Bukit Gantang sudah betulkan ya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, betulkan. Dia tok guru saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab semalam nampak berpeluk berdua.

**Beberapa Ahli:** *[Bersorak]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Maknanya kita Biro Kebajikan UMNO datang melihat, membantu bersama-sama dengan bomba, polis, agensi kerajaan yang lain untuk membantu menyelamatkan mereka dan memberi bantuan, sumbangan kewangan sampai di hospital. Semua dilakukan oleh sebelah sini.

Sebelah sana, Ketua Pembangkang baru-baru ini bangun dalam ucapannya menyatakan bahawa Orang Asli tidak dibela langsung, tidak ada peruntukan langsung diberikan kepada Orang Asli. *[Sorak]* Nampak sangat, “*lagi terang lagi bersuluh*”. Nampak sangat perbahasan itu rakyat boleh menilai. Rakyat tahu hari ini.

Jadi kepada rakan-rakan sebelah sini, jangan risau, kita teruskan usaha murni ini, kita teruskan dengan ikhlas, dengan jujur, dengan amanah. *Insya-Allah* bukan setakat Allah SWT, malah rakyat akan menjadi hakim yang sebenarnya untuk menghitung dan memberi undi pada pilihan raya umum akan datang kemenangan kepada kita.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Dengar itu Yang Berhormat Batu Gajah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Rakyat menilai.

Saya juga mendengar ucapan...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Rakyat hendak tahu mana RM2.6 bilion.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, saya akan datang sekejap lagi. Saya akan sampai, jangan takut. Saya akan sampai ke situ.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak beritahu kepada rakan-rakan di sebelah sana, bila mana mula sahaja hari pertama sampailah ke saat ini, sampailah tadi Yang Berhormat Lanang berhujah tadi, masih lagi 1MDB, RM2.6 bilion, Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Pekan duduk, pergi dua jam lebih menceritakan bagaimana hendak memperkasa, hendak membantu rakyat untuk mensejahterakan rakyat. Beri itu dan ini kepada rakyat, akhir sekali mana RM2.6 bilion.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Mana RM2.6 bilion?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadika Kemas, anak-anak pun tidak buat kerja itulah. Itu Tadika Kemas, ini Ahli Parlimen. Apa, sudah tidak ada modal kah?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Apa salah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jawab. Kita minta dia jawab, dia jawablah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, sabar, sabar, sekejap. Sudah diumumkan, sabar, sabar.

Masalahnya Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah kan?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Batu Gajah lebih cacca daripada bubur. Sebab kita kalau ada pengalaman... *[Bercakap dalam bahasa Tamil]* Bawah pokok kita mesyuarat. *[Ketawa]* Mana kita ada? Tidak ada pengalaman. Kita tidak ada pengalaman. Kalau kita berpengalaman, dalam Dewan yang mulia seumpama ini, kita bercakap bersandarkan fakta, bukannya auta.

**Seorang Ahli:** Wow!



**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi saya pergi sini, berkaitan dengan RM2.6 bilion. Semalam saya dengar, saya teliti ucapan bekas pegawai BTN yang duduk dari sini dahulu, Yang Berhormat Sungai Petani. Memang cakap berapi-api, last sekali, lima kali suruh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri letak jawatan. Kes RM2.6 bilion. Bukan setakat itu, mengajak rakyat bersama-sama untuk suruh letak jawatan. Okey, *fair? Fair.*

Kenapa hendak ajak rakyat? Adakah duit pembayar cukai rakyat kita duit RM2.6 bilion itu? Duit itu datangnya sumbangan dari luar negara. Dengar, sabar, luar negara. Duit itu, janganlah kita sebelah sini iri hati. Kita tidak boleh dapat sumbangan, jadi kita hendak iri hati. Itu yang kita bawa rakyat, tidak perlu.

Rakyat di luar sana nasihat Ahli Parlimen Baling yang sentiasa peka, yang sentiasa mendahulukan rakyat. Tidak perlu ikut apa yang dinyatakan oleh sebelah sini khususnya Yang Berhormat Sungai Petani. Hendak ajak rakyat untuk suruh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri letak jawatan.

Kenapa? Ini bukan duit rakyat. Yang atas-atas ini, bukan duit rakyat RM2.6 bilion itu. Duit itu datangnya dari luar negara, sumbangan. Biar masa dan ketikanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Baling, jalan.

**Seorang Ahli:** ...Beri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, okey silakan, saya beri.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Baling.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Pasir Puteh ini hijau kah oren?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya suka makan yang sedap, terima kasih.

Tadi Yang Berhormat Baling mengatakan bahawa duit 1MDB itu dari luar. Saya sokong Yang Berhormat Baling. Terima kasih.

Akan tetapi sebelum ia pergi keluar itu, saya ingat ia datang dari Malaysia.

**Seorang Ahli:** 1MDB!

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pergi keluar. 1MDB.

**Seorang Ahli:** Pergi Arab Saudi.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sebelum ia pergi keluar itu, ia datang dari Malaysia. Kemudian pergi keluar. Keluar itu datang kembali ke Malaysia.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu sudah melencong. Okey, saya jawab.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Jadi, tolong jawab, betul atau tidak.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu sudah melencong sudah, beginilah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Bukit Gantang dia tidak bertazkirah lagi kepada Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia beginilah, kita ini sebagai seorang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Petang ini dia ada *halaqah* dia, bersama.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita sebagai orang Islam, jangan bersangka buruk. Tunggulah, hendak *proven guilty*, tunggu. Dia sekarang ini telah disaman oleh sebelah sana berkaitan dengan duit RM2.6 bilion itu.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [*Bangun*]

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sabar.

Lagi satu - sekejap. Lagi satu bila mana duit itu dituduh, duit itu dari Malaysia ke sana dan sebagainya. Waktu duit itu hendak masuk - buat masa sekarang ini, hendak ambil RM50 ribu, hendak hantar RM50 ribu pun Bank Negara kena lulus. Ini semua Bank Negara tahu apa yang berlaku, duit itu masuk dan sebagainya. Sudah semestinya mesti ada kelulusan dan sebagainya.

Jadi kita tunggu kes yang mana sebelah sana telah memfailkan saman dan lagipun sebelah sini minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tapi pada masa yang sama kita juga ada Akta. Akta 26 di bawah Akta Pencegahan Rasuah, bila kes itu sedang berlaku, kita tidak boleh cakap.

Akan tetapi tidak apa. Ini adalah hak AG untuk menentukan sama ada boleh jawab ataupun tidak. Ini kes sedang berjalan. Akan tetapi kita ini sekarang ini belum - pertama sekali kita sudah tahu duit itu datang dari luar negara. Yang kita tahu.

Jadi Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan duit itu dari Malaysia, ke sana, selepas itu datang balik.

#### ■1520

Yang Berhormat kah yang *sign cheque* daripada sini untuk hantar duit sana yang Yang Berhormat boleh sahkan?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Saya tidak sahkan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Baling. Saya tidak sahkan tetapi itulah. Bila pakar-pakar membuat risikan atau membuat pemeriksaan bahawa duit itu memang dari Malaysia. Ini termaktub dengan jelas dan

ini diketahui oleh pegawai-pegawai di Bank Negara dan sebagainya. Jadi itulah yang sampai kepada kita.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Baling.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasar Puteh]:** Sebab itulah kita meyakini. Satu lagi, kita meyakini siapa dialah hendak bagi kepada kita begitu banyak duit tanpa apa-apa.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Baling.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Baling. Boleh saya, Tuan Yang di-Pertua? Dari Kota Tinggi.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Lumut, Lumut, Lumut.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Baling, boleh Yang Berhormat Baling?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga orang yang bangun. Mana satu, Yang Berhormat Baling?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Kita semua sebenarnya tidak tahu apa yang berlaku. Jadi saya cadangkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Lumut. Pakaian macam Pak Kiai hari ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ya, saya. Memang berlagak macam Pak Kiai. *[Ketawa]* Jadi kita tidak tahu, Yang Berhormat Baling. Cuma saya cadangkan kita berdoa kepada Allah SWT, kita minta kepada Allah supaya tunjukkan kepada Yang Amat Berhormat Pekan... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Mudah-mudahan Allah SWT tunjukkan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Amin, amin, amin.* Saya setuju. Saya setuju dengan Tok Kiai ini. Tidak ada bersangka buruk.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Boleh, boleh?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya juga minta Tok Kiai, nasihatkan kawan-kawan. Tok Kiai, Yang Berhormat Lumut ini nasihatkan kawan-kawan kita supaya kita ini janganlah kita bersangka...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Sabar. Kita jangan bersangka. Saya tahu soalan awak pun lebih kurang itu. Duduklah, Yang Berhormat. Sama sahaja.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Bukan, bukan. Lain.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia punya...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Bagi saya peluang. *You* bagi peluang ramai orang, kenapa? Tidak berani kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Frekuensi... *[Dewan riuh]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tidak berani kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey, okey. Saya bagi, saya bagi.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling, saya hendak tanya. Kalau RM2.6 bilion ini tidak benar seperti yang kita katakan, kenapa sampai hari ini Perdana Menteri masih belum saman *Wall Street Journal*, belum! Sampai Tun Dr. Mahathir dan Ling Liong Sik pun tidak berani saman. Kenapa? Memang ia benar!

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *You* perlahan-lahan. Nanti sakit jantung susah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hendak jaga daripada Orang Asli, pemandu teksi sampailah kepada keluarga Yang Berhormat dari sudut keselamatan dan sebagainya. Kalaulah Perdana Menteri tidak ada kerja macam sebelah sini, hari-hari kerja saman. Tengok, wakil rakyat sebelah sini. Mana ramai-ramai? Ramai-ramai dekat mahkamah, hendak cari fulus. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Bukan Perdana Menteri pergi saman, peguam dia yang samanlah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kalau hendak saman, kenapa tidak... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak habiskan perbahasan sayalah, yang berfaktalah, yang auta ini saya tidak mahu layan sebab wakil, Tok Kiai dari Lumut sudah baca doa tadi. Kalau betul, Allah akan turunkan. Okey, saya setuju. Ini kerana kita sudah beritahu. Akan tetapi saya minta janganlah sebelah sini jadi burung yang liar yang hanya lepaskan khabar-khabar yang mustahil untuk didengar. Itu sahaja. Saya minta tunggu. Kita ada undang-undang, kita ada negara, kita ada semua dan kita boleh bincang. Biar mahkamah tentukan. Kadang-kadang saya hendak cakap benda yang baik-baik. Bila kacau, saya pun tidak boleh bercakap sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling, sila ringkaskan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, terima kasih. Jadi di kesempatan ini, saya ingin menyentuh pula tentang 1MDB. Kerajaan komited untuk menyelesaikan isu ini. Yang Amat Berhormat Pekan telah menyatakan perlu masa enam bulan. Sehingga hujung tahun untuk memulihkan. Semalam pun semua MP masih lagi berceritakan tentang 1MDB. Apa salah dan kiranya kita beri sampai hujung tahun. Kalau hari ini, kita tengok Presiden 1MDB, dia kata tidak ada apa yang hendak disorokkan dan hari ini Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ajak dia debat. Dia pun sudah jawab. Jom debat tetapi sebelum debat, letaklah jawatan dulu pada PAC. Janganlah hendak duduk dalam PAC, korek semua maklumat, ambil itu pergi cerita dekat luar untuk beritahu rakyat. Tidak boleh.

Jadi, saya hendak mengingatkan kepada pembangkang. Janganlah terlalu taksub dengan hujah-hujah. Janganlah terlalu yakin. Cara bercakap itu macam kita seolah-olah yang *sign cheque*. Kita tahu, kita pun dengar cakap orang. Kita pun dengar persepsi-persepsi. Betul, hari ini dunia sosial media yang kita boleh tahu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Abang saya, saya tidak bagi. Salah, dosa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Baling, yang terbukti di pihak sebelah sana, tidak boleh membezakan bajet dan juga peruntukan-peruntukan yang disebut RM2.6 bilion. Adakah peruntukan RM2.6 bilion itu termasuk dalam bajet? Sampaikan bila sudah habis bajet, dia bangun. "*Di mana RM2.6 bilion?*" Apa kena mengena RM2.6 bilion dengan bajet yang dibentangkan? Ini menunjukkan, Yang Berhormat setuju bahawa di sebelah sana dia cakap, tidak tahu apa yang dia buat.

Kedua, Yang Berhormat cakap tentang tolong anak Orang Asli. Ini beza. Yang Berhormat turun pergi Gua Musang tetapi Yang Berhormat Seputeh hendak menjadi *champion*. Bawa usul Peraturan Mesyuarat 18(1) pasal isu pelajar-pelajar hilang. Ini nampak beza di antara kita buat kerja tetapi mereka hanya tahu cakap, dapat *cheap publicity*. Setuju ataupun tidak?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sudah semestinya saya bersetuju sebab itu saya menyatakan tadi dalam hujah saya di peringkat awal. Biarlah Allah SWT dan rakyat akan menilai dan menjadi hakim dalam erti kata sebenarnya apa yang dibuat oleh pihak Barisan Nasional dan apa yang dilakukan oleh pihak pembangkang. Mereka, dalam mereka pun sudah bergaduh, sudah pecah tiga, pecah empat. Daripada PAS jadi PAN. Selepas PAN saya tidak tahu hendak jadi apa lagi. Jadi dia sudah banyak sangat perpecahan. Justeru itu, saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang.

Bukan hendak mendabik dada. Saya bercakap ini fakta. Boleh cabar saya di mana-mana. Di sini pun boleh cabar. Setiap kali jadi musibah, yang sebelah sinilah kendong bantal, tilam, dapur, peti ais, televisyen dan makanan, pergi hantar dari kampung ke kampung. Ada waktu dan ketikanya saya tidak mahu mengaibkan. Saya mahu sebut satu per satu nama yang saya pergi di Parlimen, batang hidung Ahli Parlimen pun tidak nampak. Kononnya berada di umrah, di luar negara dan sebagainya tetapi yang tidak ada kena mengena datang bantu. Akan tetapi bila habis musibah banjir, bila kita mula sahaja sesi Parlimen, ayat pertama, "*Barisan Nasional gagal. Menteri gagal. Perdana Menteri kejam.*" Kerja mereka tohmah sahaja.

Jadi saya haraplah waktu dan ketika ini, lagi-lagi ini sudah hujung tahun, banyak musibah akan berlaku. Kita buanglah yang keruh, kita ambil yang jernih. Kita bersatulah untuk dalam konteks kebajikan dan kita kena erti, kita kena tahu untuk berterima kasih kepada kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional khususnya Yang Amat Berhormat Pekan. Belajarlah cakap terima kasih. Ini terima kasih tidak cakap. Bila minta, semua minta. Jalan minta, lampu minta. Mintalah sama Yang Berhormat Permatang Pauh. Kenapa mahu minta sama Yang Amat Berhormat Pekan? Jadi bila kita cakap, tidak boleh buat. Tidak boleh. Kita kena tahu. [*Dewan riuh*]

Jadi saya hendak... [*Disampuk*] Ya, sebab kerajaan buat semua tidak betul. 1MDB sama RM2.6 bilion. Wakil rakyat pembangkang datang ke Parlimen khas untuk 1MDB dan RM2.6 bilion sumbangan. Itu sahaja. Siang, malam, pagi, petang, buat risikan, buat andaian, buat tohmahan, buat fitnah. Hanya itu sahaja. Inikah yang rakyat hendak undi selepas ini? Ya Allah Ya Tuhanku. Tolonglah selamatkan rakyat. Wakil-wakil rakyat ini, jangan bagi peluang lagilah.

Jadi saya hendak menyatakan di sini, akhir sekali. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah begitu prihatin iaitu untuk benar-benar menyejahterakan rakyat. Saya mendoakan agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepimpinannya khususnya Menteri-menteri akan dapat melaksanakan apa yang dijanjikan. *We always*, dengan izin Allah, *walk the talk*. Yang mereka ini, *talk, talk, talk and talk*. Itu sahaja. Beza kita, *walk the talk*. Minta maaf, dengan izin kita bercakap, kita lakukan, yang ini hanya cakap, cakap, cakap. Pagi petang cakap. Itu sahaja.

Tidak ada *walk*. *Talk* sahaja sampai "*Saya minta Yang Amat Berhormat Pekan letak jawatan!*" Lima kali, ajak rakyat lagi. Kerana apa? RM2.6 bilion. Dulu, orang inilah penyokong Yang Amat Berhormat Pekan. Kalaulah pemimpin yang macam ini lalang sekejap sini sekejap sana, macam mana rakyat hendak percaya? Macam kami. Duduk sini, hidup mati terus bersama-sama dengan parti keramat UMNO dan Barisan Nasional untuk mempertahankan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling. Mencelah sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah itu.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Baling.

**Beberapa Ahli:** Cukuplah! Masa! Cukuplah! [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You Speaker* kah? Siapa *Speaker* sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Saya pun dengar banyak di kalangan sebelah sana yang kata tolak bajet. Semua bajet ini tolak. Jadi dalam pelaksanaan bajet nanti, bila diluluskan oleh Dewan, bila kita laksanakan bajet, kalau kita tidak laksanakan di kawasan pembangkang ini, apa komen Yang Berhormat Baling? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu sebabnya kita ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah diangkat darjatnya oleh Allah SWT. Seorang insan yang tidak pernah suka marah, tidak pernah kutuk, tidak pernah maki, tidak pernah ambil tindakan. Suka hatilah. Cakaplah apa pun. Jadi oleh kerana itu, Perdana Menteri sentiasa mengutamakan rakyat.

#### ■1530

Tajuk ini pun mensejahterakan rakyat, bukannya mensejahterakan Ahli Parlimen dia orang ini. Rakyat itu kita hendak bagi. Jangan kita hukum rakyat kerana mereka ini. Mereka-mereka ini kita lawan di sini! Rakyat kita tetap membantu.

Sebagai Ahli Parlimen Baling, saya berikrar di sini di hadapan Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Baling walaupun PAS, walau apa jua ideologi politik, sebagai Ahli Parlimen Baling, saya akan terus bela mereka, akan bantu mereka atas yang saya sebutkan tadi bersandarkan *hablum minallah, hablum minannas*, bukan *hablum minal* 'politik'.

Akhir sekali sebagai penutup kata, saya di sini ingin menyambut baik apa yang telah disarankan oleh Presiden, Yang Berhormat Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang bersedia untuk bekerjasama dengan UMNO dan Barisan Nasional dalam perkara yang mengutamakan rakyat dan akan bekerjasama dalam perkara yang baik demi rakyat tercinta. [*Tepuk*] *Insya-Allah*. Semalam juga saya dengar Ahli Parlimen PAS iaitu Yang Berhormat Pasir Mas turut menyatakan hasrat yang sama untuk mengetepikan kemelut lama demi kebaikan rakyat sanggup memberi kerjasama kepada Ahli-ahli Parlimen.

Jadi saya berharap persefahaman politik ini dapat kita laksanakan secepat yang mungkin dan kita buktikan kepada rakyat sesungguhnya kesinambungan menyambung tugasan kita dalam integrasi ini, *insya-Allah*, akhirnya rakyat akan mendapat manfaat. [*Tepuk*]

Baling menyokong penuh segala yang telah dibawa dalam Bajet 2016 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Kuala Nerus.

**3.31 ptg.**

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca doa]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terlebih awal ucapan *Hajjaan mabrooran wa sa'ee'an mashkooran* kepada Tuan Yang di-Pertua yang juga telah menunaikan haji baru-baru ini.

Allah SWT berfirman... *[Membaca potongan ayat al-Quran]* Kata Allah, “*Kitab itu tiada keraguan, lagi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa iaitu orang-orang yang beriman dengan perkara ghaib, menegakkan solat dan sebahagian apa yang kami rezezikkan, mereka membelanjakan.*”

Ayat ini berada di awal Surah Al-Baqarah yang turun selepas Nabi SAW berhijrah ke Madinah dan hijrahnya Nabi ke Madinah adalah suatu hijrah untuk membina sebuah negara. Seolah-olah gambarannya ayat itu menjelaskan dasar-dasar bernegara bagi mereka yang beriman kepada Allah.

Asasnya ialah dominasi orang-orang yang bertakwa bagi sebuah negara yang orang-orang bertakwa itu pertamanya dia beriman dengan perkara ghaib, kedua, dia menegakkan solat dan yang ketiganya dari sudut harta, rezeki yang Allah Taala beri, mereka membelanjakan sebahagiannya. Ini adalah suatu dasar berbelanja dalam Islam.

Hari ini kita bentang, kita bincang tentang bajet. Bajet ialah pembentangan untuk menjelaskan hasil kerajaan dan juga cara berbelanja kerajaan. Dasar berbelanja dalam Islam, seperti yang saya bacakan ayat tadi, ialah berbelanja sebahagian rezeki dan saya nampak itulah yang gagal untuk diikuti oleh kerajaan sampai hari ini untuk 11 tahun berturut-turut membentangkan bajet defisit di kala mana kerajaan sedang berusaha untuk memperkenalkan *maqasid* syariah, Indeks Syariah Malaysia yang bukunya diagihkan pada minggu lepas.

Maka, sangat wajar untuk kerajaan juga merujuk kepada cara Islam untuk kita menguruskan bajet. Apa yang saya bimbang nanti, kita hanya memperkenalkan *maqasid* syariah yang bermaksud matlamat-matlamat daripada pelaksanaan hukum syarak, hanya kita ambil *maqasid*nya sahaja, matlamatnya kita ambil tetapi kita tinggalkan syariat. Sedangkan, *maqasid* tidak akan tercapai melainkan menerusi pelaksanaan syariat itu sendiri.

Allah SWT mengajarkan kita dalam banyak ayat amalan berbelanja... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Sifat orang yang baik ialah bila berbelanja tidak boros dan juga tidak kedekut tetapi pertengahan antara keduanya.

Kesan daripada berbelanja yang tidak betul ini ialah kita menanggung hutang pada hari ini. Saya mendengar ucapan ramai rakan daripada sebelah kerajaan menjawab ataupun menegaskan bahawa hutang tidak ada masalah, yang penting ialah kita berhutang untuk perkara yang baik dan juga kita berhutang yang kita boleh bayar. Persoalan yang saya hendak sebut



ialah adakah kita mampu bayar dan kita bayar? Kalau hutang itu kita bayar, tentulah ia makin berkurang tetapi yang berlaku ialah ia makin bertambah.

Kita boleh melihat laporan yang dibentangkan dan buku yang diedarkan kepada kita, Penyata Kewangan 2014, menjelaskan bahawa hutang awam merupakan salah satu sumber yang membantu dalam menjana pembangunan negara dalam persekitaran defisit fiskal. Sepertinya hutang telah menjadi sumber kepada negara sebabnya kerana defisit fiskal yang berlaku. Kita lihat peningkatan hutang dari tahun 2010 sebanyak RM407 bilion, tahun 2011 sebanyak RM456 bilion, tahun 2012 sebanyak RM521 bilion, tahun 2013 sebanyak RM539 bilion dan tahun 2014 sebanyak RM582 bilion dan yang terakhir, RM624 bilion. Peningkatan itu berlaku. Kalau kita bayar hutang, sepatutnya ia berlaku penurunan. Akan tetapi, kita bayar tidak sama jumlah kita hutang, lebih sedikit dan kita buat hutang lagi pula.

Cuba kita lihat dalam Laporan Penyata Kewangan yang menyatakan bahawa aspek yang sentiasa diberi perhatian seiring dengan peningkatan jumlah hutang adalah pertambahan kos pinjaman yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Ini diakui sendiri. Kawalan dan pemantauan terhadap perbelanjaan kerana hutang sentiasa dilaksanakan. Ertinya usaha itu ada tetapi adakah ia mencapai matlamat?

Cuba kita lihat perbelanjaan yang diguna, yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk membayar hutang ini. Kita lihat sebagai contoh, Carta Belanja Kerana Hutang daripada buku yang saya sebutkan tadi juga. Tahun 2010 kita berbelanja kerana hutang sahaja sebanyak RM15 bilion, tahun 2011 sebanyak RM17 bilion, tahun 2012 sebanyak RM19 bilion, tahun 2013 sebanyak RM20 bilion dan tahun 2014 sebanyak RM22 bilion. Ini perbelanjaan kerana hutang. Ya, kalau kita dapat kutip cukai GST sampai RM30 bilion sekalipun, ini yang kita akan bayar. Bayar kerana kita buat hutang.

Saya bimbang hutang ini menjadi satu dasar kita, dasar bernegara. Berhutang menjadi dasar. Sedangkan, konsep Islam ialah hutang itu sesuatu yang mendatang kerana kita perlukan, jadi kita berhutang. Saya bacakan satu hadis doa yang diajar oleh Nabi SAW. Antaranya ialah... *[Membaca sepotong hadis]* Maksudnya, “*Aku berlindung daripada ghalabah (hutang yang menguasai kita atau hutang keliling pinggang)*”.

Kalau kita lihat umpamanya sebagai contoh pada tahun 2013, bayaran hutang- kita buat hutang RM65 bilion, kita bayar hanya RM42 bilion. Tahun 2013, hutang RM73 bilion, kita bayar RM38 bilion sahaja. Ini yang berlaku. Oleh sebab itulah saya mengharapkan untuk kerajaan sesuai dengan konsep *maqasid* syariah ini untuk kita kembali memperbetulkan perkara yang seumpama ini pada masa akan datang.

Yang Berhormat Pekan pernah menyebut bahawa kerajaan mengharapkan tahun 2020 kita akan bentangkan bajet berimbang. Akan tetapi, dengan cara belanja kerajaan ini, saya masih meragui ia akan berjaya pada tahun 2020 nanti.

Isu yang lagi besar yang perlu kita sebut ialah hutang negara yang kita buat sama ada pinjaman dalam negeri ataupun luar negeri, ia adalah pinjaman sebahagian besarnya berasaskan riba', sedangkan Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, "Sekiranya kamu tidak mahu berhenti dari riba', maka isytiharlah perang daripada Allah dan juga RasulNya". Konsep kita menerima konsep riba' ini, itu yang berlaku pada 1MDB yang berhutang cara riba' dan terpaksa membayar bunga sehingga RM2 bilion. Sampai bila kita mahu letakkan rakyat dan negara kita dalam kemurkaan Allah SWT?

Maka saya menyeru atas nama kita hari ini mencadangkan konsep *maqasid* syariah yang dalam bukunya dalam muka surat 25 menyebut antara ukuran pematuhan Indeks Syariah Malaysia ini adalah berkaitan ekonomi.

#### ■1540

Antaranya dalam muka surat 34 menyebut antara ekonominya ialah antara pegangan harta negara, penjana ekonomi dan juga percukaian. Ini saya akan sebut sekejap lagi. Maka itu harapan saya besar untuk kerajaan segera melihat dasar-dasar ini, dasar yang lebih Islamik terutama dalam urusan kewangan melibatkan harta, melibatkan ekonomi.

Kedua, kerajaan sebenarnya tidak ada masalah pada hasil, untuk mendapatkan hasil tetapi kerajaan bermasalah untuk berbelanja. Orang yang ada masalah belanja ini kita berilah duit banyak mana pun, ia akan bocor juga, itu masalahnya. Seperti mana sabda Nabi SAW *[Membaca sepotong hadis]*, "Kalau manusia, seorang anak Adam ada satu lembah emas, dia tentu hendak seumpamanya lagi dan tidak boleh memenuhi mulutnya itu melainkan tanah." Ertinya mati.

Bilamana kerajaan berhadapan masalah kewangan, maka dia perkenalkan pelbagai konsep percukaian baru. Ya kita akui negara bergantung 74% hasil 2014 bergantung kepada cukai dan bakinya ialah pada hasil bukan cukai dan lain-lain. Akan tetapi saya imbas balik tahun 30-an negara kita Semenanjung Tanah Melayu khususnya menyumbang untuk 80% daripada pendapatan United Kingdom. United Kingdom negara yang sangat besar itu yang mana negara yang menjajah menjadikan Semenanjung Tanah Malaysia ini sebagai sumber utama negara 80%.

Ertinya besarnya sumber yang ada di negara kita. Ini tidak masuk kita dikurniakan oleh Allah minyak kemudian hari. Hari ini kita diperkenalkan cukai GST untuk menambah cukai. Ketika itu minyak belum lagi turun harga. Alasan kerajaan untuk memperkenalkan cukai GST ialah untuk bimbang nanti akan turun hasil minyak kerana minyak kita akan habis. Rupanya minyak tidak habis tetapi Allah turunkan nilai minyak hingga turun daripada USD120 satu tong kepada USD50 satu tong.

Saya hendak mengajak untuk kita beriman dengan apa yang Allah Taala berfirman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* "Kalau sekiranya penduduk itu beriman dan bertakwa, pasti Kami akan buka keberkatan rezeki dari langit dan juga bumi." Minyak yang dijangka akan habis,

Tuhan buka minyak di negeri Kelantan. Terakhir kita dapat pula telaga minyak di sempadan Terengganu dan negeri Pahang. Ertinya Allah Taala boleh buka, syaratnya kita yakin bahawa hanya hasil yang halal yang kita mahu.

Kerajaan memperkenalkan GST dan banyak orang bercakap bab GST dan kita sudah bahas panjang GST daripada April. Cuma oleh sebab Yang Berhormat Pekan menyebut ayatnya lebih kurang nasib baiklah ada GST, maka kita boleh tampung kekurangan hasil kerana turunnya harga minyak. Saya menyatakan kembali, saya kata sebab kita perkenalkan GST, maka Allah tarik hasil minyak. Itu pandangan saya, boleh bahas. Kenapa saya menegaskan dalam banyak ucapan saya bahawa GST adalah percukaian yang tidak patuh syariah terutamanya kerana...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Indera Mahkota bangun. Belakang itu.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Indera Mahkota, sila.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat menyedari tidak untuk hendak mengutip cukai seperti GST dan sebagainya, kalau kita tengok kepada sirah iaitu Imam Nawawi disuruh mengeluarkan fatwa mengutip cukai, boleh tak Yang Berhormat jelaskan sedikit dalam Dewan yang mulia ini apakah sikap Imam Nawawi apabila disuruh mengutip cukai daripada rakyat.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya memang tidak hendak panjang GST cuma saya hendak nyatakan begini. Pertama sekali, GST cukai berdasarkan perbelanjaan. Islam membenarkan percukaian berdasarkan pendapatan bukannya perbelanjaan kerana perbelanjaan tidak boleh membezakan antara yang kaya dan juga yang miskin yang berbelanja. Akan tetapi jika berdasarkan pendapatan boleh bezakan mana yang ada lebih pendapatan dan mana yang tidak, satu.

Keduanya rakan-rakan kita di sebelah sana menyatakan, mereka kata okeylah kalau kita buat berdasarkan belanja, orang kaya belanja banyak, orang miskin belanja sedikit, maka bayar cukai sedikit. Isu kita ialah sedikit pun tidak boleh kutip daripada orang miskin walaupun satu sen. Maka kerana itu saya menyatakan bahawa tak kan tidak kena pula, memang kena. Jadi saya menyatakan bahawa cukai ini tidak patuh syariah, maka saya menggesa untuk kerajaan menghapuskan GST yang itu adalah satu perlakuan yang baik yang boleh dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pekan, *insya-Allah*.

Melibatkan Imam Nawawi tadi, Imam Nawawi menyatakan bahawa beliau tidak akan benarkan kerajaan kutip cukai sehingga habis semua usaha kerajaan untuk dapatkan hasil dan semua harta kerajaan sudah habis, barulah dibenarkan kutip cukai. Itu fatwa Imam Nawawi. Saya hendak mencadangkan begini, oleh kerana kita perlukan percukaian untuk mendapatkan hasil

saya ingin mencadangkan cukai-cukai baru yang lebih Islamik yang kita boleh ambil daripada Al-Quran dan juga hadis Nabi SAW. Ada cukai melibatkan *saving*, melibatkan simpanan. Ramai korporat, orang-orang kaya mereka ada simpanan dan simpanan mereka tidak dicukaikan.

Kalau diambil cukai simpanan ini, saya melihat dalam data simpanan deposit bank-bank di Malaysia 2014 berjumlah RM164 bilion. Kalau dicukaikan mengikut kadar Islam RM2.5 bilion, kita telah mendapat RM4.1 bilion. Kita ada tabungan yang besar melibatkan negara seperti KWSP yang kita bahas sebelum ini yang ada simpanan hingga menjangkau RM600 bilion. Kalau dikenakan cukai 2.5% cukai negara, cukai simpanan kita boleh mendapatkan hasil hingga RM15 bilion.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya tahu bahawa ramai orang kaya yang menyimpan duit yang banyak tidak dilaburkan. Maka inilah masa untuk kerajaan mengambil manfaat dari orang-orang yang kaya untuk dipulangkan kepada orang miskin kerana kadar Islam dalam bab cukai atau bab zakat... *[Membaca sepotong hadis] "Diambil dari orang yang kaya dan diagihkan kepada orang miskin".*

Kemudian cukai melibatkan saham. Satu ketika kerajaan pernah perkenalkan cukai ini dan ia bertepatan dengan Islam. Cukai yang didagangkan, yang dijual dalam bentuk jualan segera dan juga jualan jangka masa panjang, ia tidak diambil cukai. Sedangkan kalau kita lihat dana dagangan di BSKL sahaja pada 2014 dagangannya bernilai RM526 bilion yang kalau dicukaikan mengikut kaedah Islam 2.5% cukainya adalah RM13.3 bilion. Itu bab cukai.

Begitu juga kita lihat pada hari ini kerajaan bergantung kepada cukai korporat yang hari ini ramai korporat yang lari dari cukai kerana merasakan cukai ini adalah tinggi 20% hingga 30%. Pada zaman Ibnu Umar Al-Khattab di kala Umar melihat ramai yang lari dari cukai, tidak bayar cukai barang masuk iaitu *usyur* yang dikenakan 10% pada ketika itu, *muamalah bil mitsl* mengikut kaedah Islam. Lalu Umar menurunkan cukai daripada 10% kepada 5% menyebabkan berebut orang luar membayar cukai. Kenapa? Kerana mereka sebelum ini hanya bayar kepada orang-orang tengah menerusi lubang-lubang tikus yang hasil masuk poket kerajaan, tidak masuk poket negara. Maka dengan turunnya kadar cukai, maka berebutlah orang bayar cukai.

Islam menetapkan bahawa cukai yang dikenakan kepada para peniaga, korporat dan sebagainya ialah 2.5% daripada duit modal *plus* dengan keuntungan. Kita hari ini ambil daripada keuntungan menyebabkan ramai orang yang lari dari bayar cukai menggunakan helah perundangan. Kalau mereka ini modal RM1 juta, mereka untung RM1 juta, mereka isytiharkan RM1.8 juta sebagai perbelanjaan, maka yang dicukaikan hanya RM200,000 dan 30% daripada RM200,000 adalah jumlah yang sedikit tetapi Islam menyatakan cukai yang dikenakan dalam zakat dalam Islam yang dikenakan ialah 2.5% daripada modal dan juga keuntungan, maka

tentulah besar jumlah yang akan kita peroleh dan bilamana orang-orang kaya merasakan mereka hanya bayar jumlah yang kecil 2.5% maka mereka tidak lari dari cukai dan mereka berlumba-lumba pula untuk membayar pada negara dan rakyat menerusi konsep *tabbaru'at* atau konsep CSR.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja bangun.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya saya ada sedikit lagi. CSR atau *Corporate Social Responsibility*. Saya akan bagi sekejap lagi. CSR hari ini banyak syarikat buat CSR tetapi tidak bersasar. Jika mereka hanya bayar 2.5% maka nanti CSR mereka boleh ditaburkan secara bersasar digunakan untuk *cover* kepada kos pembangunan. Pada zaman kerajaan Islam dahulu lebuh raya tidak menggunakan duit kerajaan. Hari ini kita menggunakan duit kerajaan. Mengapa? Oleh sebab hasil ataupun pelaksanaan pembangunan melibatkan hospital, jalan raya, lebuh raya dan sekolah-sekolah diambil daripada wang yang disumbangkan oleh para korporat. Ini kaedah Islam. Sila.

■1550

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Kuala Nerus, saya sangat tertarik dengan pembentangan Yang Berhormat Kuala Nerus mengenai percukaian di dalam Islam ini. Bolehkah saya tahu Yang Berhormat Kuala Nerus, di mana di dalam dunia sekarang, contoh mana-mana negara Islam yang melaksanakan percukaian mengikut dasar Islam ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Kota Raja, tidak ada. Kalau Malaysia mulakan yang ini, maka Malaysia adalah negara pertama yang mulakan *insya-Allah*. Saya harap nya begitu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja.

Satu lagi saya hendak sebut tentang solusi. Kita berhadapan isu kos sara hidup yang meningkat pada hari ini. Saya hendak mencadangkan bahawa antara cara untuk kita tangani kos sara hidup yang makin meningkat ialah cukai yang berkaitan barang-barang keperluan masyarakat seperti kereta itu diturunkan. Yang Berhormat Pekan menerusi manifesto BN menepati janji membawa harapan pernah menjanjikan ketika PRU Ke-13, menjanjikan untuk menyemak semula Dasar Automotif Nasional, dikurangkan harga kereta 20%-30% dalam masa lima tahun. Sekarang sudah berlaku dua tahun. Apa jadi?

Menurut kata Datuk Aishah Ahmad, Presiden Persatuan Automotif Malaysia mencadangkan cukai duti diturunkan sebagai cara untuk menurunkan beban pemilikan kenderaan dan boleh menambah nilai pendapatan masyarakat. Maka, kalau ini dilaksanakan, kesannya besar kerana Nabi mengajarkan kepada kita antara empat perkara yang

membahagiakan manusia ialah... [Memetik bahasa Arab] “Kenderaan yang laju, kenderaan yang boleh bergerak dengan cepat”. Ini adalah keperluan rakyat.

Saya juga hendak sebut tentang rumah mampu milik. Ini cara kita. Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menguar-uarkan begitu banyak rumah mampu milik yang akan dibuat. Akan tetapi saya hendak bagi lebih jauh lagi. Kita bukan hanya hendak bagi rumah mampu milik tetapi memampumilikkan rumah oleh rakyat. Isu kita hari ini ialah rakyat tidak ada pendapatan untuk beli rumah. Masalah besarnya deposit mereka tidak cukup, mereka baru bekerja, gaji RM2,000. Mereka perlukan beli rumah RM200,000, membayar 10% RM10,000. Mereka tidak cukup duit untuk bayar deposit.

Hari ini apa yang diinginkan oleh kerajaan, pelbagai dana untuk rumah mampu milik ini akan disalurkan menerusi korporat-korporat, syarikat-syarikat perumahan, bukan *direct* kepada pembeli. Kalau ditaburkan wang itu dijadikan sebagai deposit untuk permulaan bagi membeli rumah, itu adalah satu yang lebih baik. Itu konsep rumah mampu milik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang terakhir, saya hendak sebut tentang isu kemiskinan. Saya mengharapkan agar walaupun kerajaan menyebut kemiskinan kita makin turun, tinggal 0.6% tetapi yang perlu kita ingat ialah ia berdasarkan Paras Garis Kemiskinan yang sudah lapuk. Hanya berasaskan makanan semata-mata sedangkan ukuran yang betul ialah berdasarkan kepada adakah rakyat mampu beli rumah? Adakah rakyat mampu beli kenderaan? Adakah rakyat mampu untuk ke universiti? Ini antara *point* yang asas.

Maka, apabila kita gunakan PGK ini, ini bererti kita menipu rakyat. Kita masukkan sampah di bawah *carpet* dan kita akan tersepak *carpet* itu. Maka, kerajaan perlu membetulkan balik PGK ini, perlu betulkan balik cara mengukur kemiskinan kerana cara ini kita menutup berapakah jumlah sebenar orang miskin yang ada di Malaysia. Oleh kerana masa tidak mencukupi, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis.

### 3.54 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan juga berbahas Bajet Mensejahtera Kehidupan Rakyat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak selaku Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Bajet 2016 kali ini adalah antara bajet yang sangat mencabar. Bajet pertama dalam siri Rancangan Malaysia Kesebelas yang sememangnya

ditunggu dan harapan rakyat sangat menggunung tinggi sekali. Sebab itu Bajet 2016 ini mempunyai kekangan-kekangan yang sangat tinggi. Oleh kerana kita ketahui hasil pendapatan kerajaan dari nilai komersial komoditi seperti minyak, getah, sawit merudum dengan banyak sekali daripada USD100 *per barrel*, sekarang ini telah menurun kepada USD50 *per barrel*.

Kejatuhan harga pasaran minyak memberi kesan yang sangat negatif kepada dividen yang diterima oleh kerajaan. Oleh sebab itu saya katakan bajet yang sangat-sangat memerlukan perkara yang penting bagi memastikan kesejahteraan rakyat itu dapat kita dilaksanakan. Kesan daripada GST umpamanya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut bahawasanya kita mendapat GST sebanyak RM39 bilion yang menjadi tambahan kepada pendapatan kita.

Kalau mengikut rakan-rakan yang telah berhujah sebelum ini banyak mempertikaikan soal GST kerana mengutip daripada rakyat tetapi ini sangat penting. Sebanyak 162 negara telah membuat pelaksanaan GST, Malaysia adalah negara yang salah satu negara yang begitu lewat sekali melaksanakan GST. Saya mendengar beberapa perkara. Kalau tidak silap saya semalam wakil daripada Pandan ada menyebut kutipan GST sehari. Saya cuma tidak perasan ada yang mengatakan RM17, ada mengatakan RM19. Saya ada dalam Dewan yang mulia ini, saya catatkan sebanyak RM17 sehari.

Bermakna, perbelanjaan orang tersebut sebanyak RM283 sehari. Maknanya, RM283 sehari, gaji orang itu adalah sebanyak RM8,490. Maknanya, dia berpendapatan tinggi, mungkin sebab dia boleh berbelanja sedemikian rupa. Mungkin salah seorang yang boleh berbelanja adalah Yang Berhormat Pandan sendiri atau pun Yang Berhormat dari Kota Raja sendiri.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang boleh berbelanja begitu banyak sekali. Oleh sebab saya juga ada membuat pengiraan tersendiri tentang GST ini. Pendapatan kita- Saya bagi, sekejap sahaja saya hendak habiskan. Pendapatan kita sebanyak RM39 bilion daripada GST tersebut. Bermakna, saya membuat pengiraan daripada satu kepala yang dianggarkan lebih kurang 30 juta penduduk. Bererti kutipan kita hanya 4 sen sahaja daripada setiap kepala penduduk di Malaysia.

Saya juga membuat pengiraan. Setiap kali bil yang dibelanjakan oleh isteri saya, saya melihat sendiri, saya sudah buat pengiraan daripada bil-bil yang telah dibelanjakan oleh isteri saya. Daripada RM500 yang dibelanjakan dari pasar raya, yang membeli barang harian selama sebulan, daripada RM500 itu bukan berbelanja untuk GST sebanyak RM30. Bukan, berbelanja hanya RM6 sahaja daripada RM500 yang keluarga saya belanjakan sebanyak RM500 sebulan. Itu dari segi makan dapur sahaja, tidak termasuk ikan, sayur dan sebagainya yang tidak dikenakan GST. Maknanya, kalau mengatakan kerajaan itu amat zalim, mengutip daripada GST tetapi kita kena ingat apakah yang kerajaan bagi kembali kepada rakyat.

Kita kena ingat perubatan yang percuma. Kalau kita menghidap penyakit jantung umpamanya, kita akan diberi oleh kerajaan ubat-ubatan selama sebulan bernilai hampir RM500. Itu perbelanjaan kerajaan hanya untuk kepada seorang pesakit jantung sahaja. Tidak kepada penyakit kencing manis lagi yang dicucuk insulin dan sebagainya, penyakit-penyakit lain, dengan *operation* dan sebagainya. Maka, kerajaan sudah pastilah menanggung kos yang amat tinggi sekali. Itu sebagai contoh di hospital sahaja.

Kalau kita mengambil contoh, umpamanya di sekolah yang mereka tinggal di asrama. Hari ini tender makan mentah bermasak bernilai lebih kurang RM14, sedangkan rakyat hanya membayar RM1 sahaja.

■1600

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya bagi.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lipis. Saya ingin sedikit penjelasan tentang pengiraan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya kira yang GST per sehari yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pandan itu adalah mungkin daripada isi rumah yang mempunyai lima orang. Jadi bagaimana pula perkiraan Yang Berhormat Lipis buat tadi dapat 4 sen itu, bolehkah saya tahu sikit.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar dengan penuh teliti sewaktu Yang Berhormat Pandan berucap. Saya ada dalam Dewan yang mulia ini, saya ada, saya catat dan tarikhnya sekali yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan. Dia tidak menyebut untuk lima orang sebuah keluarga. Dia tidak sebut. Jadi saya catat dia katakan, kalau benar apa yang dikatakan sedemikian rupa, dia kena perbetulkan apa yang telah diujahkan oleh beliau itu. Kita tidak ada masalah, kita menerima. Secara kebetulan pula saya memang suka menulis angka-angka ini. Saya membuat pengiraan yang ditanya oleh Yang Berhormat Kota Raja. Saya akui kalau tersilap, betulkan juga seperti saya katakan kepada Yang Berhormat Pandan tadi, kalau silap dibetulkan juga.

Saya membuat pengiraan daripada kutipan RM39 bilion dibahagikan dengan 30 juta penduduk, dibahagikan 365 hari, dibahagikan dengan itulah jumlah yang kita tahu satu kepala berbelanja kepada GST. Saya ingat Yang Berhormat Kota Raja sebagai seorang doktor, boleh mengira dengan cepat. Kalau silap, boleh betulkan balik kesilapan pengiraan saya. Jadi daripada segi itu, maknanya sudah pastilah kerajaan tidak menekan rakyat dengan sekadar perbelanjaan sedemikian rupa.

Jadi kita seharusnya sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Baling sebentar tadi, seharusnya kita memberi sokongan, bukan kita menolak bajet ini. Bajet ini sangat penting sekali kerana berapa ramai penjawat awam akan menggunakan kedudukan gaji mereka setiap bulan daripada bajet yang kita luluskan ini. Berertinya kalau kita tidak meluluskan, termasuklah Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini tidak menerima elaun. Akan tetapi tidak apalah, kita



berkhidmat untuk rakyat tetapi rakyat yang hendak menggunakan kewangan mereka untuk perbelanjaan seharian.

Kalau yang makan gaji sudah pastilah menerima gaji. Pembangunan tidak dapat dilaksanakan. Maka ini kenapa seharusnya pihak di sebelah sana, siap pemedato atau pembahas daripada sebelah sana semua pun menolak bajet ini. Kalau menolak, ertinya janganlah terima elaun cukup bulan ini. Biar kita saja yang dapat elaun sebab kita menyokong daripada bajet yang telah dibentangkan.

Jadi kita berharap supaya perkara-perkara seperti ini jangan berlaku. Sepatutnya menyokong bajet ini, kita tambah baikkan sahaja apa yang kekurangan daripada kerajaan itu sendiri. Sepatutnya sedemikian rupa, tetapi tidak berlaku di dalam Dewan yang mulia ini. Kita tidak tahu apakah sebab, punca sedangkan pembentangan kali ini saya lihat cukup baik sekali, penting kepada masyarakat itu sendiri. Jadi sebab itu dalam hal ini, saya juga perlu menegur apa yang ada kesilapan, menambah baik. Perkara yang baik mesti kita lakukan. Umpamanya kalau dengan kos kenaikan sara hidup itu sendiri. Kita sentiasa menyebut kos hidup sentiasa naik. Apakah punca sedemikian rupa?

Saya berani kata Tuan Yang di-Pertua, saya berani kata kalau Perdana Menteri umum sahaja dalam bajet ini kenaikan gaji kepada kakitangan awam, belum sampai lagi 1 Januari kalau kenaikan gaji tersebut, para peniaga hari esok sudah naikkan harga barang-barang. Saya berani kata sedemikian rupa sebab kita bercampur dengan ramai orang. Mereka pun takut, tidak guna pun Perdana Menteri naikkan gaji sebab peniaga-peniaga sudah naikkan harga-harga barang. Jadi dalam perkara ini, bagaimanakah kita hendak menampung kos sara hidup tersebut sedangkan gaji naik, barang tetap naik. Seinggakan kalau kita naik terlalu tinggi pun, barang naik tinggi juga, sudah pastilah tidak memberi erti atau kesan kepada kenaikan gaji itu sendiri.

Saya hendak mengambil perbandingan umpamanya. Saya hendak mengambil perbandingan daripada negara-negara lain. Umpamanya kalau di Indonesia ataupun di Thailand, siapa yang pernah berkunjung ke sana. Macam Yang Berhormat Sekijang selalu ke Indonesia, saya tahu. Tidak tuduhan, dia pergi lawatan rasmi, lawatan kerja. Jadi, kita buat perbandingan. Satu sut ini mengikut cerita Yang Berhormat Sekijang pagi tadi, saya duduk kedai kopi, saya terfikir untuk bawa dalam ucapan. Satu pasang sut ini ditempah di Indonesia hanya kadar kosnya RM500 sahaja yang siapnya selama dua hari. Kita punya kos Yang Berhormat Sekijang beritahu, RM1,800.

Di manakah letaknya sedangkan barang yang sama, penjahit yang sama, sedangkan kos kita di sini begitu tinggi, inilah berertinya kartel-kartel ini ataupun peniaga-peniaga ini mengambil kesempatan di atas kerana kebaikan kerajaan kita yang sentiasa memberi subsidi kepada rakyat. Sentiasa kemewahan negara, kebaikan kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak, maka kita hari ini mendapat kenikmatan yang begitu baik sekali.

Kalau hari raya Tuan Yang di-Pertua, umpamanya orang bergaduh sentiasa jam, sesak, tidak mahu balik dari Kuala Lumpur ke Kelantan, makan masa 24 jam hendak sampai ke Kelantan. Sebab apa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua? Sebabnya tidak lain tidak bukan kerana negara kita maju, kerana negara kita mewah, negara kita begitu dapat menikmati kemakmuran menyebabkan kereta-kereta terlalu banyak untuk pulang ke negeri Kelantan itu.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Sekijang bangun.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sila Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Lipis. Oleh kerana perbandingan harga tadi nampaknya cukup tinggi di antara di sebelah sana Medan dan juga di tempat kita, RM500 dengan RM1,800, perbezanya lebih dari tiga kali ganda. Didapati dalam keadaan ini, nampaknya Yang Berhormat Lipis kata ia disebabkan oleh kerenah peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan atas kemewahan rakyat yang ada. Jadi, keuntungan yang berlebihan. Apakah Yang Berhormat Lipis boleh bersetuju sekiranya saya kata bahawa kenaikan harga-harga barang di negara ini bukanlah disebabkan oleh GST, tetapi oleh kerana manipulasi peniaga-peniaga ke atas harga barang di negara kita?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sedikit saja Yang Berhormat Lipis. Boleh ya Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak betulkan sedikit kenyataan Yang Berhormat Lipis yang dia kata saya pergi Indonesia. Sebenarnya saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lipis sendiri, kalau kita sudah melihat dengan kenaikan kos yang begitu tinggi seperti Yang Berhormat Langkawi sebut tadi, RM500 kepada RM1,800, tetapi kalau sekiranya kerajaan melalui kementerian KPDNKK sendiri mengambil tindakan. Maksudnya kita dapat tahu peniaga-peniaga ini memang suka menaikkan harga dan sebagainya.

Mereka menaikkan harga pada kadar yang di luar daripada jangkauan. Sepatutnya pihak KPDNKK mungkin kalau dengan kekuatan penguatkuasaan yang sedia ada dapat mengambil tindakan pada peniaga-peniaga yang seperti ini. Setujukah Yang Berhormat Lipis jika kita minta supaya kerajaan menambah lagi jumlah penguat kuasa yang ada agar kegiatan-kegiatan peniaga yang suka menaikkan harga sesuka hati ini sehingga akhirnya menjejaskan imej GST itu sendiri dapat kita laksanakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan rakan saya daripada Sekijang. Kalau saya silap tadi menyebut nama beliau, saya minta maaf tetapi dia cerita pagi tadi. Itu yang saya gunakan nama dia dalam ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada cawangankah? Yang Berhormat Sekijang mungkin ada cawangan di Medan. *[Ketawa]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Itu sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sekijang. Satu kajian harus menyeluruh. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Langkawi, masukkan kedua-dua ini ke dalam ucapan saya, sebahagian daripada ucapan saya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Langkawi. Ini yang saya katakan para peniaga, para kartel dan pengilang-pengilang besar ini mengambil kesempatan atas kemewahan, kenikmatan negara kita ini sendiri. Jadi sebab itu ramai rakan kata tadi, menilai daripada kemasukan universiti.

■1610

Saya rasa sekarang setiap keluarga sudah ada masuk universiti, setiap keluarga tidak ada yang tidak pakai kereta, setiap keluarga tidak ada yang kita dengar lapar tidak makan, tidak ada wakil rakyat yang bergegas berkejar untuk menghantar barangan kerana tidak makan. Tidak ada. Jadi saya hendak menyarankan supaya Kementerian KPDNKK ini membuat satu penelitian dan membuat kajian di atas perkara yang saya perkatakan sebentar tadi. Maknanya R&D harus dilakukan. R&D ini bukan harus dilakukan kepada yang untuk membuat teknologi tinggi sahaja tetapi R&D bagi makanan-makanan ini seharusnya juga dibuat kajian.

Kita mengambil contoh sebagai seorang doktor. Kalau sebelum dia bagi ubat mesti dia hendak tahu apakah penyakit pesakit itu, barulah dia boleh bagi ubat apa yang pesakit itu sakit. Jadi saya hendak supaya saya minta supaya R&D ini harus dibuat untuk membuat kajian *research and development* untuk memastikan apakah puncanya harga barang ini naik. Adakah disebabkan apa yang saya katakan tadi. Di Thailand pun sama, Indonesia pun sama. Sedangkan harga minyak mereka lebih tinggi tetapi kenapa kos makan, pakaian dan sebagainya harga mereka lebih rendah daripada di negara kita ini sendiri. Kalau kita makan 15 orang di Medan, ini yang diceritakan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, 15 orang tidak sampai RM200.

Akan tetapi kalau kita pergi kedai Padang di Kuala Lumpur kita akan makan untuk tiga orang mencecah lebih RM200. Sedangkan harga barang makanan, apa beza barangan makanan di Indonesia dan Thailand sedangkan harga minyak mereka lebih tinggi daripada kita. Kenapa? Ini punca dia menyebabkan kita sentiasa berada dalam keadaan, sentiasa tidak pernah cukup dengan apa yang diberikan oleh kerajaan. Sedangkan subsidi berbilion-bilion kerajaan telah dikeluarkan untuk subsidi sahaja bagi memastikan kesejahteraan rakyat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya katakan di bawah kementerian ini menterinya baru digantikan dengan Menteri yang baru, saya rasa semangatnya cukup baru lagi, semangat mesti berkobar-kobar dan mesti membuat kajian. Sebagaimana yang rakan saya katakan tadi, kalau pegawai penguatkuasaan tidak mencukupi tolong tambah pegawai ini dengan tambahnya pegawai penguat kuasa saya percaya kenaikan harga barang dapat dikawal dengan baik sekali. Umpamanya di Lipis sendiri, tidak ada pejabat KPDNKK terpaksa menggunakan khidmat dari Jerantut untuk mengambil, untuk menyemak atau membuat *spot check* pada harga barang-

barang. Di Lipis kadang-kadang ramai orang menelefon saya, barang ini dinaikkan harga begitu ketara sekali. Jadi, perkemaskan, perlengkapkan supaya kita dapat menjamin kestabilan dari segi barang itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara lain. Perkara yang meliputi saya hendak menyebut juga tentang golongan belia. Belia pada hari ini, sebagaimana rakan-rakan yang menyebut sangat penting untuk mendapat rumah. Kena kaji juga, buat R&D juga. Bagaimana untuk memastikan rakyat kita golongan belia sentiasa mendapat kedudukan yang baik, dapat keselesaan dengan harga yang berpatutan. Kalau yang berkemampuan mereka beli kondominium, beli *apartment* mewah. Akan tetapi bagi orang-orang di kampung, mereka hendakkan rumah teres. Nasib baiklah PR1MA banyak melaksanakan rumah-rumah seperti sedemikian rupa.

Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, dlm soalan saya pun saya pernah tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah membina sebanyak 39,000 unit rumah di bawah RM150,000 dan dalam perjalanan untung pula membina rumah kosnya RM80,000. *By hook or by crook* kerajaan kena lakukan, kerajaan kena laksanakan bagaimana untuk memastikan belia-belie ini dapat menikmati hidup mereka yang telah mungkin berkeluarga. Kita jangan hanya pandang kepada Program FIT sahaja. Kita buat di bandar sahaja – program FIT.

FIT ini maksudnya *fitah*, hendak cergaskan badan kita sahaja sedangkan belia-belie di kampung tidak begitu cergas. Belie-belie di kampung tidak ada program, maka Kementerian Belie dan Sukan kena turun padang. Jangan asyik buat di Putrajaya sahaja Program FIT tersebut walaupun baru-baru ini dilancarkan program sukan, apa ke namanya – saya sudah lupa. Saya pun sendiri yang melancarkan juga. Hari Sukan Negara sudah lancarkan serentak.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** [Bangun]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sekejap Yang Berhormat Jerlun, hendak habiskan ayat. Sekejap sahaja. Dilancarkan di seluruh negara tetapi program lain yang dipanggil FIT ini semua dibuat di dalam bandar sahaja sehinggakan Menteri pun sudah jadi pelakon sekarang, pelakon baling bola *volleyball*. Saya nampak dalam TV walaupun saya kurang tengok TV, saya nampak. Silakan Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya tertarik hendak gosan balik sedikit tajuk perumahan. Di dalam Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pun disebut diberikan peruntukan RM500 juta untuk menggalakkan penyertaan orang-orang yang terlibat dalam *construction industry* ini melibatkan dalam IBS *Industrial Building System* yang dalam kerangkanya, dindingnya yang dijangkakan akan dapat mengurangkan kos. Sejauh manakah Yang Berhormat Lipis melihat bahawa kalau program ini dapat diperkasakan, dapat dilaksanakan sepenuhnya dapat membantu mengurangkan kos rumah tidak kira sama ada rumah PR1MA ataupun *even* rumah PPRT. Rumah PPRT hari ini bernilai RM43,000 bina baru.

Akan tetapi, kalau digunakan sistem IBS ini mungkin kosnya dapat dikurangkan dan perbelanjaan itu dapat digunakan untuk membina lebih banyak bilangan rumah. Apa komen Yang Berhormat Lipis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis boleh gulung selepas itu ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas saya gulung ini, saya akan sebut kawasan sedikit. Sedikit sahaja kawasan saya. Kawasan saya pun sudah makmur. Jadi pandangan Yang Berhormat Jerlun itu sangat baik. Apa cara sekalipun, tidak kisahlah apa cara yang boleh mengurangkan kos, yang boleh kita membina banyak, tidak kiralah pakai batu *block* kah, pakai apa kah, janji kita boleh dapat membina lebih banyak untuk anak muda, untuk membantu rakyat sama ada dari Kerajaan Pusat, atau kerajaan negeri kita tidak kisah. Janji rakyat dapat menikmati kesejahteraan kepada rakyat – banyak perkara.

Harga getah pun sudah naik sedikit. Sudah sejahtera sedikit rakyat walaupun tidak banyak RM2.20 tidak silap saya harga kepada getah beku ataupun orang kampung kata harga sekerap sudah naik RM2.20. Maknanya kalau boleh naik lebih lagi sebagaimana ucapan saya sebelum ini, jadikan harga lantai RM3.30 lebih baik daripada sedemikian rupa. Jadi itulah saranan saya supaya Kementerian Belia dan Sukan ini turun juga untuk melihat keadaan di kampung-kampung. Saya ingat kalau tidak silap saya Yang Berhormat Sekijang pun dalam Jawatankuasa Pemuda dia kena turun beritahu pada Menteri dia, saya tahu Menteri akan datang menjawab. Tetapi saya hendak sampaikan perkara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lari daripada menyebut kawasan saya. Kawasan saya merupakan kawasan kampung, bila sudah naik harga getah itu, kira okey. Orang kampung saya cakap GST kah, 1MDB kah, RM2.6 bilion kah, lantak *dema* hendak perang dalam Parlimen. Tetapi dia kata harga getah kami naik, okey. Ini sudah naik, dia dengar pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib sudah banyak saya terima SMS. Dia cakap “*very good*” Dato'. Tulis orang putih pula Tuan Yang di-Pertua. Dia kata harga getah naik, “*very good*”. Dia tulis panjang pula “*very goooooood*”, dia tulis. Itu ayat dia. Saya tidak *delete*, saya boleh tunjuk. Maknanya orang kampung itu sahaja kehendak dia. Tetapi dari segi kemakmuran kampung, macam saya Parlimen Lipis, bukan macam Parlimen Parit Sulong, dia bandar. Kurangkan bajet sedikit untuk kampung dia.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Kawasan saya pun kawasan luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Macam mana ini, ini kena *check* juga ini.

■1620

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kawasan dia rata Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya berbukit bukau. Jadi masalahnya bukan kemudahan tidak ada, tetapi kita hendak *upgrade* kawasan kita itu.

Umpamanya air, saya takkan berhenti bercakap soal air. Sebab ini keperluan asas, keperluan asas air. Kalau rakan-rakan seberang sana kata marah pada GST, GST itulah untuk berikan air kepada kampung saya. Kalau dahulu penduduknya 500 orang, sekarang sudah 5,000 orang. Kalau paip dahulu hanya empat inci sekarang mungkin perlu 24 inci.

Jadi macam mana hendak cukup? Hendak membekal air dengan pembangunan baru. Ke sekolah anak-anak bertambah ramai.

**Seorang Ahli:** Empat inci sahaja?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya, empat inci sahaja paip kami, bulatan tetapi panjang lebih. *[Ketawa]* Itu bulatan.

Yang Berhormat Parit Sulong bayangkan kalau bulatan paip inci, panjangnya berapa kilometer atau panjang berapa inci, boleh bayangkan. Itu masalahnya. Kalau paip kecil airnya memancut kecil. *[Ketawa]* Kalau besar airnya memancut besar. Jadi ini masalah di Lipis tidak kira kementerian apalah, Jabatan Perdana Menteri kah, KKLW kah, Sumber Asli kah, tengok-tengoklah Lipis.

Saya berterima kasih juga dia sudah bagi RM35 juta untuk menyiasat kebocoran paip sahaja, RM35 juta. Kawasan saya tidak – kawasan saya sama besar dengan negeri Melaka. Kawasan saya dengan negeri Melaka ada Ketua Menteri, ada berapa Ahli Parlimen, ada berapa ADUN. Ini saya hendak jaga seorang Tuan Yang di-Pertua, Saya hendak jaga seorang.

Jadi saya hendak beritahu pada pembangkang tidak payahlah bertanding kawasan saya pening kepala sahaja. *[Ketawa]* Biar saya seorang pening kepala. Saya hendak beritahu, tidak payah. Beri pada saya seorang sahaja yang pening kepala ini. Ya, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, tadi saya ada mendengar Yang Berhormat sebut. Sebenarnya Rasah merupakan - ada kawasan bandar dan juga ada kawasan desa. Jadi saya telah pun mendengar rintihan daripada Yang Berhormat Lipis tadi.

Setuju atau tidak Yang Berhormat, sebenarnya selama tidak kiralah mana-mana kawasan memang ada kekurangan daripada pihak kerajaan dalam mengurus sumber daripada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri. Ia pun telah secara langsung menyebabkan kadangkala memang banyak masalah sebenarnya boleh diselesaikan oleh pihak kerajaan tidak dapat diselesaikan. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Rasah yang memberi pandangan. Saya tidak setuju yang Yang Berhormat Rasah sebabnya kita bercakap dalam Dewan yang mulia ini sebab kita hendak buat permohonan. Kalau masalah pertanian, Timbalan Menteri Pertanian ada, kita cakap dengan Timbalan Menteri Pertanian. Dia walaupun garang tetapi baik hati.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Timbalan Menteri Pertanian. Jadi yang air tidak ada dalam ini, tetapi pegawai dia akan catat apa yang saya kata. Dapat RM35 juta untuk menyasat. Sudah siasat ini buatlah selepas ini.

Sehinggakan boleh menyekat pembangunan dalam Parlimen Lipis itu disebabkan air sahaja, rakyat marah sebab air sahaja sehinggakan saya terpaksa menggunakan kaedah-kaedah lama. Walaupun saya kata *upgrade* tetapi bila pecah paip maka pengaliran air paip itu boleh memakan masa dua hari tiga hari pembaikannya. Kita hendak supaya tidak ada lagi perkara seperti ini sebab kita hendak menuju kepada negara makmur.

Walaupun saya katakan 4 sen tadi, 4 sen inilah untuk membantu rakyat selain daripada ubat-ubatan dan lain-lain. Selain daripada paip air ini yang saya perjuangkan begitu lama tidak dapat lagi dalam sidang Dewan yang akan datang ini jangan bosan dengar saya sebut lagi air, jangan bosan. Saya sehingga dapat saya baru tidak sebut. Kalau selagi tidak dapat saya akan sebut. Pegawai-pegawai catatlah. Kalau tidak dapat lagi saya air pada penggal akan datang ini saya akan sebut lagi masalah air. Walaupun Selangor lagi teruk masalah air pada saya tetapi saya perlu juga sebenarnya air tersebut.

Selainnya walaupun bukan dalam kawasan saya mungkin DAP Raub tidak akan menyebut iaitu Jalan Raub-Bentong yang jalan sentiasa saya guna, jalan yang bergelombang-gelombang. Saya ingat yang wakil dari Kelantan semua setuju saya kata kecuali yang naik kapal terbang sahaja.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ha, dia orang naik kapal terbang.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya, kecuali yang naik kapal terbang. Akan tetapi yang lain semua setuju jalan daripada Raub sehingga ke Bentong itu bergelombang teruk, *repair*lah JKR, tengok sikitlah. JKR takkan tidak tengok langsung, takkan tidak jalan langsung jalan tersebut. Dari Gua Musang hendak sampai kawasan saya sudah cantik tidak ada masalah jalan baru, tetapi tidak ada tol. Itu yang mahal itu. *Toll carriageway* tidak ada tol, itu yang mahal. Akan tetapi siap sikit, 71 kilometer baru siap, lebih kurang RM1 bilion. Boleh tahanlah, dapat RM1 bilion, nikmat untuk orang Kelantan juga.

Saya orang Kelantan beritahu, 24 jam hendak sampai Hari Raya dari Kuala Lumpur hendak sampai ke Kelantan. Singgah rumah saya mandi. Orang *accident* di kawasan— orang Kelantan *accident* di kawasan saya, saya bawa balik rumah saya, beri minum beri makan. Adalah sedikit walaupun tidak banyak tetapi ada sedikit Yang Berhormat Rasah, bantu. Kesian kepada dia orang.

Jadi ini yang kita perlu untuk membangunkan, mensejahterakan rakyat ini mesti banyak sudut. Sebab Lipis 70% adalah kawasan pertanian.

Jadi hari itu pernahlah saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Lipis. Saya cakap, "*Dato' Sri binalah sebuah pusat pengajian tinggi.*" Sebab kerajaan negeri dengan exco-exco nya sudah luluskan 1,000 ekar untuk bina UiTM, tidak buat lagi. Tidak apalah

mungkin Rancangan Malaysia Kesebelas, tetapi dengarlah suara dalam Parlimen ini. Kalau tidak hendak buat tidak apa tidak ada masalah. Pulang balik tanah tersebut pada kerajaan negeri, biar saya pula yang pajakkannya. *[Ketawa]* Kalau UiTM tidak hendak, kita buat tanam lembu, kita buat tanam durian dan sebagainya. Jangan pergi simpan begitu menyemakkan dalam kawasan saya. Pulangkan balik. Kita boleh beri pada rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Satu tapak buat rumah itu kalau rumah 1,000 lah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...Satu ekar dapat empat kali seribu, 4,000 orang Tuan Yang di-Pertua, dapat. Tidak ada masalah.

Jadi ini sebenarnya, kalau ada daripada Pengajian Tinggi, tolong catat. Tidak hendak buat, tidak apa. Pulangkan balik tanah itu pada kerajaan negeri. Kita bayar balik royalti yang dia sudah bayar itu, bukan banyak sangat dia bayar. Kita boleh bayarkan balik.

Jadi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi ruang kepada saya menyampaikan sedikit hasrat hajat hati dalam bajet yang cukup baik sekali yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Pekan. Terima kasih, saya mohon menyokong. Tidak macam sebelah sana tidak sokong. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

#### 4.28 ptg.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada Lembah Pantai. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Saya pertamanya ingin menyebut kerana masa pun terhad tetapi permulaan saya adalah bagaimana Yang Amat Berhormat Pekan dalam membentangkan belanjawan buat 2016 merupakan pimpinan yang tidak tepat. Memandangkan Yang Amat Berhormat Pekan adalah individu yang sama yang dipetik dalam majalah ataupun penerbitan *Financial Times* dan *The Economist* meminta beliau selaku Menteri Kewangan meletakkan jawatan di atas naratif skandal demi skandal yang dikeluarkan.

Maka perlu dalam seiring dengan senada ucapan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, bila masa kita mempunyai pemimpin yang sebegitu tambahan dengan bajet sebegini saya fikir wajib diulang mantra yang fundamental atau asas. Keperluan merombak, mereformasi sistem yang sebenarnya mengizinkan pembaziran, kebocoran dan rasuah. Maka sekarang kita sering kali



mendengar masalah-masalah utama yang dihadapi oleh rakyat. Kos saraan hidup yang amat tinggi, GST, inflasi, harga minyak dan juga kenaikan tol.

Maka hutang negara membengkak, ringgit menjunam dan paling meruncingkan yang akan saya tumpukan sedikit untuk permulaan adalah keruntuhan institusi negara yang tercalar hebat.

Saya fikir memang tidak ada jalan mudah untuk menangani kegawatan ekonomi di kala kita berhadapan dengan senario global yang mencabar. Akan tetapi malangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan UMNO BN masih dalam penafian. Segala institusi negara yang wajib menjadi benteng untuk mempertahankan rakyat daripada kezaliman.

■1630

Ini dihancurkan sama sekali daripada integriti kebebasan Suruhanjaya Pilihan raya. Asalnya Mahkamah Tinggi beri keputusan yang berpihak, mereka salah guna kuasa dalam melakar sempadan bagi negeri Sarawak. Akan tetapi juga dibawa oleh Peguam Negara satu rayuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan badan kehakiman. Kita berhadapan dengan buat pertama kalinya dalam sejarah terkini, di mana Majlis Raja-Raja Melayu, kita harus persoalkan apakah yang mendorong Majlis Raja-Raja Melayu membuat kejutan menyinggung permasalahan negara dan meminta secara terbuka penyiasatan telus terhadap 1MDB. Ini bukan kata-kata pembangkang tetapi kenyataan rasmi Majlis Raja-Raja Melayu. Apakah penjelasan sebenar persaraan Peguam Negara dan apakah jaminan kedudukan Tan Sri Zeti Akhtar Aziz yang dilihat sebagai membawa kewibawaan selama ini dalam mempertahankan institusi kewangan kita.

Jadi pada pendapat saya, jelas yang bermasalah adalah sistem Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atau Yang Berhormat Pekan adalah produknya. Mantan Ketua Pembangkang misalnya, saya sebut isu 1MDB. Mantan Ketua Pembangkang, Dato' Seri Anwar Ibrahim sejak tahun 2010 lagi sebenarnya membawakan masalah di mana kita membuat semakan carian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 14 Oktober 2010. Ini koleksi ucapan beliau di Parlimen ya. *[Menunjukkan sebuah buku]* 1MDB tidak mempunyai alamat perniagaan dan tidak ada juruaudit yang dilantik walaupun pelbagai pengumuman dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kegiatan perniagaannya. Malah, Ketua Pegawai Eksekutif melaporkan pada 12 Oktober 2010 1MDB mencatat keuntungan RM425 juta. Ini sebelum keluar, lima tahun selepasnya keluar di media antarabangsa yang sekarang ini turut dipersalahkan adalah pembangkang.

Akan tetapi, sekiranya persoalan ini dijawab di Dewan yang mulia ini daripada awal, sekiranya laporan interim Ketua Audit Negara diberikan, mungkin ada usaha yang masih wujud untuk kita menyelamatkan keadaan sebelum sampai membarah ke tahap ini. Saya juga ingin bangkitkan berkait dengan apa yang bakal berlaku terhadap ekonomi negara sekiranya kita biarkan isu 1MDB ini terus berlegar. Walaupun saya tahu Yang Berhormat Pekan berjanji hendak

menjawab dalam Dewan tetapi tentunya kualiti jawapan itu kita boleh persoalkan kemudian. Akan tetapi isunya adalah Petronas sekarang. Petronas sendiri terpalit dengan penurunan taraf oleh *Fitch*, dengan beralasan kan 1MDB. Jadi di mana kita hendak berselindung lagi, bila masa sudah jelas dalam bab ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ulangi dengan mengakhiri bab permulaan ini, sekarang kerajaan BN mendapat 23% undi popular dengan kejatuhan termasuk daripada masyarakat Melayu sendiri sampai ke tahap 31%. Ini supaya sesuatu yang amat serius. Maknanya tidak boleh semua dipersalahkan, undi protes mereka dipengaruhi pembangkang. Sebenarnya mereka dipengaruhi dasar-dasar pelaksanaan program oleh Barisan Nasional. Maka pada saya, saya tidak melihat kerajaan sensitif dengan kesan-kesan atau luahan hati pengundi.

Diumumkan Malaysian Vision Valley, Aeropolis KLIA and Rubber City Kedah, semua berkos RM12.3 bilion, dikontraskan ataupun dibandingkan dengan dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dipotong daripada RM200 juta kepada RM10 juta. Memetik kata-kata Ketua Pembangkang. Dana Skim Penstabilan Harga Minyak Masak RM950 juta dihapuskan sama sekali. Subsidi dan bantuan tunai dipotong sebanyak RM9 bilion di kala kita menghadapi inflasi domestik. Belanjawan ini juga melupuskan subsidi bil elektrik yang dahulunya pada RM150 juta untuk golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, jumurh ulama telah hampir sebulat suara menyatakan adalah menjadi tanggungjawab seluruh umat masyarakat Islam pada keseluruhannya dan paling utama khusus bagi yang kaya untuk menjaga keperluan asas bagi mereka yang miskin. Jadi pada saya, cukai progresif yang mahu diperkenalkan itu tidak mampu untuk benar-benar merealisasikan perubahan yang mendasar. Kita mahu juga kerajaan mengambil kira pengenalan cukai warisan dan cukai dapatan modal (CGT).

Topik kedua yang ingin saya sentuh ialah pendidikan kerana tentunya kita dikejutkan juga dengan retorik pembentangan Blueprint Pendidikan Malaysia 2015-2020. Hampir RM1 juta kos untuk pelancarannya sahaja. Bila masa kita melihat kebanyakan perancangan, ia tidak bertepatan dengan pelaksanaan di bawah. Bank Dunia beberapa tahun lalu mengeluarkan sebuah laporan bertajuk "*Malaysia Economic Monitor: High Performing Education*". Di sana disebut, guru-guru Malaysia lebih terbeban dengan kerja pentadbiran, bukan sebagai pengajar dan pendidik. Dalam tempoh seminggu, secara puratanya warga pendidik terbeban dengan waktu bekerja selama 57 jam untuk pengajaran dan pembelajaran di Malaysia hanya antara 2.4 hingga 2.9 jam dalam bilik darjah. Jumlah masa adalah *40% lower* daripada semua negara-negara OECD. Guru-guru di New Zealand dan Indonesia mempunyai masa pembelajaran dan pengajaran lima jam sehari, Korea Selatan 4.1 jam sehari.

Saya tahu kerana bila masa saya menghantar anak ke sekolah, sekolah kebangsaan, saya sendiri sebagai seorang ibu menghantar surat kepada Menteri, sudah tiga bulan tidak terjawab. Jadi saya tidak boleh bayangkan bagaimana ibu bapa lain, yang saya bawakan isu

pemindahan 16 guru bila masa sekolah bermula, Ini bagi sekolah kebangsaan dan kerana itulah saya fikir isu ini jangan menggunakan isu politik terus menjawab pada dasarnya dan mengatasi permasalahan. Bila masa guru-guru terpaksa melaksanakan tugas yang berlebihan khusus lagi bila masa diperkenalkan PBS itu, PBS dibuat secara *online* sehingga mereka bersengkang mata setiap malam.

Walau ditukar kemudiannya kepada versi *offline*, yang saya bangkitkan bila masa ditubuhkan Jawatankuasa Kaji Beban Guru. Ini ditubuhkan 2010, Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan hanya lima tahun selepasnya kemudian lima tahun selepasnya barulah dilaksanakan dua projek rintis untuk ambil dan lantik pembantu guru Gred N17 di Kedah dan Melaka. Lima tahun baru hendak lantik di dua negeri. Kemudian saya tanyakan bila masa hendak lantik di seluruh negara kerana didapati pembantu guru membantu tugas dan meringankan bebanan guru di sekolah? Jawapan, harus menunggu kelulusan Kementerian Kewangan dan juga JPA.

Jadi pada saya kita terjejas besar kerana bajet ini bukan sahaja masih langsung tidak dapat menyelesaikan masalah yang sudah lima tahun dibangkitkan oleh Menteri terdahulu, Yang Berhormat Pagoh. Sekarang Menteri baru. Akan tetapi ia juga memotong peruntukan lanjutan bagi pendidikan peringkat *tertiary*. Di sini saya kata ya, bukan sahaja *cash is king, cash and politics are king in this country*, dengan izin.

Saya merujuk kepada Universiti Malaya. Kalau lihat carian, sudahlah peringkat sekolah kita berhadapan dengan para guru yang tidak mengajar tetapi jadi kerani. Akan tetapi di peringkat *tertiary*, Universiti Malaya lah satu-satunya universiti yang mencatatkan peningkatan. Daripada 2013, *World University Rankings* di tangga 167. Menjelang 2015, tangga 146, *an improvement*. Malangnya apa yang berlaku di Universiti Malaya? Bajet dipotong sebanyak 27.3%. Potong! *The best university in the country, you potong*. Tambahan, apa berlaku kepada salah seorang dekan yang terbaik, Profesor Mohammad Redzuan Othman yang sekarang bertugas di Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya, pusat kajian pertama. Semasa UMcedel ini membuat penganggaran dan kajian tentang kemenangan Barisan Nasional dalam beberapa pilihan raya kecil, dipuji, mendapat pujian Yang Berhormat Pekan sendiri.

#### ■1640

Akan tetapi apabila mereka menggunakan kajian *method* yang sama untuk memberikan dapatan bahawa menjelang Pilihan Raya Umum Ketiga Belas kemungkinan besar Pakatan Rakyat akan menang 53 peratus, itu yang diumumkan, terus menerus dapat pemberitahuan Profesor Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman dipaksa untuk melepaskan jawatan. Apakah rasionalnya? Ini berlaku di Universiti Malaya.

Tambahan lagi, bila masa saya hendak rujuk isu pilihan raya Kampus Universiti Malaya dan kebanyakan universiti-universiti utama ini, *how do we reward them?* Sudah tunjukkan peningkatan, kita laksana pemotongan belanjawan. Sudah menunjukkan peningkatan, kita

campur tangan politik kerana kita rasakan dekan ataupun pengarah beberapa badan kajian itu tidak memihak keputusannya kepada kerajaan dan pemerintah.

Jadi saya rujuk juga kepada isu yang dibawa oleh mantan Yang Berhormat Machang. Isunya apa? Ini pada beberapa tahun lepas di mana kita dapati dalam satu operasi Ops 2020 yang diwujudkan oleh kerajaan untuk tawan kampus pada pilihan raya yang akan datang bertujuan untuk menyekat kemaraan Pakatan Rakyat melalui Pro Mahasiswa. Bukit Aman terlibat, Pejabat Perdana Menteri terlibat, Biro Tatanegara, JASA. Apa kesudahannya, Tuan Yang di-Pertua? Kenapa saya sebut? Ini kerana kesudahannya pilihan-pilihan raya di kampus kebanyakannya dimenangi kumpulan Pro Aspirasi. Okey, mereka adakan pilihan raya, ada Ops 2020, bagus, dapat kawal pelajar. Apakah kesudahannya? Bukannya hendak beri peruntukan.

Dijanjikan autonomi tahun 2012 oleh mantan Menteri Pengajian Tinggi tetapi autonomi yang dimaksudkan adalah kita potong belanjawan untuk kampus-kampus dan universiti-universiti atas nama autonomi. Mereka tidak mahukan autonomi di mana subsidi diambil. Mereka mahukan autonomi di mana jangan kacau perjalanan kampus dan universiti. Bila ada dekan dan pensyarah-pensyarah yang bertauliah, mereka inilah yang seharusnya diberikan dokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kerana pada saya, sekiranya ini berlarutan, maka universiti-universiti akan terpengaruh dengan- mereka dipaksa untuk pergi kepada pembangunan-pembangunan yang bersifat komersial. Kalau di peringkat Universiti Malaya dan di UIA, sudah ada idea ke depan hendak meraih dana, wujudkan hotel, *business centre*.

Tuan Yang di-Pertua, carilah mana-mana universiti yang hebat di seluruh dunia ataupun sejarah dia, tidak pernah ada hendak terfikir, bukan sahaja hendak buat donat besar seperti UIA suatu ketika dahulu tetapi mereka tidak menanggapi pendidikan itu sebagai satu gadaian, komersialisme. Pendidikan itu sepatutnya, sewajibnya menjadi sesuatu yang dipertanggungjawabkan kepada kerajaan untuk meraih generasi masa depan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya pinta sebenarnya kerajaan khususnya Menteri, kalau boleh menterbalikkan dalam khusus kita berbahas ini dalam jawapan, ambil peluang, jangan potong bajet kepada universiti. Ini bukan caranya. Universiti Malaya khususnya dan juga universiti-universiti lain yang menunjukkan peningkatan. Di satu kala saya dengar kita setaraf dengan Oxford. Tiba-tiba tidak sampai setahun, sudah dipotong belanjawan. *This is not right*, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir tidak memerlukan dokongan daripada pembangkang semata-mata tetapi kerajaan, Ahli Parlimen kerajaan juga patut bersama dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu *terrorism*. Saya hendak rujuk kenyataan Perdana Menteri yang dilaporkan semalam dengan izin, "*A healthy democracy, good governance, social justice and inclusivity in economic and social development are vital to stemming the rise of terrorism.*" Maka komen saya, kalau sudah terang lagi bersuluh, kenapakah Perdana Menteri masih menekan suara-suara daripada masyarakat madani dan menekan semangat demokrasi di Malaysia ini? Ini

kerana beliau sendiri mengakui ini diperlukan dari segi pengurusan pentadbiran baik dalam usaha memerangi *terrorism*.

Adakah kita sedar laporan *Overseas Security Advisory Council* dengan izin, menyebut pihak berkuasa Malaysia telah menahan lebih 100 individu yang terlibat dengan ISIL termasuk 30 suspek pada bulan Mac dan April. Walaupun pihak berkuasa berjaya menahan mereka yang terlibat, laporan itu menyebut proses radikalisasi atau *radicalization* semakin menjadi-jadi di Malaysia. Dua yang ditahan daripada pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia. Penahanan dilaporkan meningkatkan kebimbangan meningkatnya sokongan ISIS di kalangan tentera Malaysia. Maka setakat ini sudah 105 orang rakyat Malaysia disyaki ke Syria untuk menyertai perang dan dijangka mereka yang pulang akan bangkit menentang kerajaan.

Jadi saya bangkitkan isu ini kenapa? Sejumlah 105 per kapita. Sejumlah 105 orang bagi tahun ini, jauh lebih ramai daripada *terrorist* yang ke Syria daripada negara Indonesia. Jadi saya hendak tahu, kenapakah dalam pada masa yang sama, kerajaan masih lagi menekan suara demokrasi dengan mengambil tindakan terhadap Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang sah? Kenapa? Kenapa tidak ada keutamaan diberikan kepada *to finding and rooting out the main causes of terrorism*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua? Ini penting. Saya fikir dari segi strategi. Bila masa rakyat kita lebih ramai tahanan berbanding Indonesia, *there is something seriously wrong*.

Yang Berhormat Shah Alam, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, apa khabar? Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Lembah Pantai, bila dibandingkan dengan Indonesia, jumlah yang terlibat dalam sokongan terhadap ISIS ini, Yang Berhormat Lembah Pantai kata kurang sedangkan rakyat Indonesia jauh lebih ramai. Adakah ini mempunyai satu hubung kait yang secara *direct* dan terus menerus berhubung dengan persoalan ruang demokrasi yang mana mungkin rakyat Malaysia yang mempunyai kecenderungan terhadap Islam melihat bahawa di Malaysia ini sudah tidak ada cara lain untuk hendak memperjuangkan cita-cita mereka, maka mereka hilang kepercayaan pada demokrasi dan memilih cara radikal?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya setuju dan saya sebut 105 orang itu sebenarnya per kapita basis, maksudnya banding dengan populasi. Memang ia sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh sebab itulah saya memetik kata-kata Yang Berhormat Pekan. Kalau kita cakap, kadang-kadang mereka tak mahu dengar. Jadi kali ini Yang Berhormat Pekan sendiri sebut bahawa rahsia utama dalam memerangi *terrorism* ini adalah sebenarnya memberikan ruang demokrasi yakni yang terbaik supaya banyak pihak dapat diberikan ruangan untuk *to be involved legally* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pada saya, saya tidak faham kenapa ini dijadikan satu momokan tetapi tidak dilaksanakan di peringkat domestik. *Inter-Parliamentary Union* baru sahaja minggu lepas- Tuan Yang di-Pertua mesti tahu IPU keluarkan kenyataan mengecam 11 anggota Ahli Parlimen yang dikenakan tindakan kerana mengkritik secara sah termasuk Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang tidak boleh terbang ke luar negara kerana mengkritik 1MDB.

Jadi pada saya, bila masa Yang Berhormat Pekan sebutkan perkara-perkara ini, maka menjadi kewajipan untuk kita pastikan ia diserap, jangan sebagai bahan ucapan ya. Habis air liur sahaja. Terus jadi dasar kerana inilah perkara yang terbaik dapat dilaksanakan untuk memerangi *terrorism*. Saya pohon agar kerajaan dapat melaksanakan serta-merta penyelesaian yang lebih holistik termasuk mereformasi dan mengembalikan demokrasi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir adalah isu berkait dengan jerebu. Saya tahu kita sibuk berbincang tentang isu Perjanjian Trans-Pasifik. Walaupun di Malaysia hanya memerlukan kelulusan Kabinet, saya fikir kita tidak ada pilihan bila berkait dengan perjanjian perdagangan yang akan memberi kesan kepada Malaysia di mana kita sendiri Ahli-ahli Parlimen menunggu hampir setahun, lebih setahun untuk mendapatkan laporan kos hasil merujuk kepada impak dan kesan TPPA ini kepada perniagaan bumiputera dan juga kepada industri tempatan. Kalau kita pun tidak dapat lihat keputusan tersebut, bagaimana kita dapat menilai adakah perjanjian ini yang melibatkan lebih 10 buah negara akan bermanfaat buat Malaysia? Jadi itu sistemnya. *The systemic failure* hendak memaklumkan memberikan satu proses keterbukaan.

Jadi pada saya sekarang ini daripada bercakap, kita boleh berbahas dan tidak banyak maklumat tentang isu TPPA ini untuk memberikan kita keyakinan, saya fikir yang penting juga untuk dilaksanakan oleh kerajaan adalah melaksanakan atau meluluskan sebuah rang undang-undang Akta Jerebu Merentasi Sempadan.

#### ■1650

Saya sebut sebelumnya dan saya rasakan bila masa di Indonesia sudah diakui ia akan menelan satu dekad. Hendak memadamkan kebakaran ini akan menelan kurang-kurang satu dekad, *it's not an easy problem* Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini bila masa kita melihat ke negara jiran Singapura, bukan sahaja Singapura telah memaksa Indonesia memberikan senarai 258 syarikat-syarikat yang bertanggungjawab. Kebanyakannya adalah syarikat tempatan, mereka tidak menyediakan *the canoe system* dan pada saya kita harus melakukan yang sama.

Di mana Singapura juga dalam masa yang sama telah melaksanakan Akta Jerebu Merentasi Sempadan, *Transboundary Haze Act*. Diumumkan oleh Menteri tetapi tidak satu iltizam politik yang saya lihat. Pada saya, isu ini bila masa kita berbahas, kita berbahas banyak perkara. Kita mengusulkan banyak perkara dan akhirnya kita selesai seperti MH17, MH370, tanpa satu langkah konkrit. Di kala ini saya fikir adalah menjadi kewajipan dalam sidang kali ini untuk meluluskan akta tersebut. Kita beri satu saman mana-mana syarikat. Kalau di Singapura mereka lebih kurang SGD700,000 untuk sehari.

Kita boleh teruskan naikkan hadnya tapi harus ada sedikit sikap yang lebih ke depan dalam bab ini. Saya tidak mahu akhirnya bila masa bercakap tentang *memorandum of understanding*, okey ada *memorandum of understanding*. Kita tahu hadnya kita tahu tidak ada kesudahannya dan kewajipan kita adalah memastikan penyelesaian adalah Malaysia *grow some teeth* Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana isu-isu ini tak perlu lagi kita berbincang dengan panjang, kita mahu satu langkah yang konkrit. Saya harap Kementerian Dalam Negeri dapat membawa rang undang-undang ini secepat mungkin.

Saya pasti tidak sukar, saya sendiri akan membawa rang undang-undang persendirian tetapi selalunya Tuan Yang di-Pertua, bawalah rang undang-undang persendirian banyak mana pun. Akan tetapi kalau tidak diluluskan oleh Speaker, kita jadi satu titipan sejarah, *footnotes of history*. Kita pinta Kerajaan Pusat melakukan tanggungjawab ini dan melaksanakan yang terbaik. Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan isu gaji minimum. Saya fikir di sini Tuan Yang di-Pertua harus faham juga bila masa Yang Amat Berhormat Pekan mencadangkan gaji minimum bagi pekerja sektor awam adalah pada RM1,200. Akan tetapi agak ganjil kerana pekerja swasta tidak mendapat layanan yang sama.

Gaji dan upah pekerja swasta itu tidak naik seiringan dengan gaji sektor awam. Jadi, saya mahu penjelasan. Oleh kerana akhirnya sekarang ini masalah utama di Malaysia adalah kadar upah kita. Kadar upah daripada KDNK ini adalah hanya 32.9%, sedangkan di Amerika Syarikat lebih 60%, Singapura pun di kadar 41%. Maksudnya, kita langsung tak memberi penghargaan kepada warga pekerja kita. Ini sesuatu pada saya yang sangat-sangat kiranya fundamental dan tak boleh diambil mudah oleh kerajaan. Tidak ada satu keutamaan yang kita sandarkan terhadap mana-mana dasar yang kita perkenal. Ya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan juga berkaitan dengan itu pun bila masa kita pinta sesuatu, sudah berkali-kali dibawakan. Tiba masanya kerajaan mengambil kira kebanyakan kritikan yang dibawa oleh pembangkang.

Saya mahu akhiri dengan menyatakan ya kerajaan sekarang berjaya melenyapkan suara mantan ketua pembangkang. Akan tetapi dari segi segala-gala yang beliau bawakan daripada peringkat awal memegang tanggungjawab tersebut, secara konsisten, tuntas kita minta, kita desak agar diutamakan kebajikan rakyat terbanyak. Ini boleh sahaja dilaksanakan. Tidak perlu melakukan sesuatu yang di luar jangkauan, di luar lingkungan semata-mata untuk terus memperkayakan golongan elit dan segelintir kroni sahaja yang berlegar di sekeliling Yang Amat Berhormat Pekan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan di saat inilah, belanjawan kali ini, belanjawan yang mungkin terakhir kita dapat garap sebelum negara benar-benar menempuhi satu zaman yang sangat-sangat serius.

Lupakan sahalah Wawasan 2020. Saya bimbang kerana pada saya daripada *track record* prestasi yang sedia ada, kita sememangnya akan terus menempuhi zaman yang mencabar. Walaupun daripada segi pelaksanaan undang-undang yang zalim itu berterusan tapi

pada saya bab-bab ini di mana Yang Amat Berhormat Pekan tidak ada masalah untuk dilaksanakan, kita tak boleh terima langsung sebarang alasan. Tuan Yang di-Pertua, saya menolak belanjawan ini dan saya berharap agar diambil kira segala cadangan yang kita bawa, kerana apa? Oleh kerana akhirnya, bila kita dibuktikan benar...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi cadang banyak, tolak pula.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** ...Malangnya- mesti kena tolak dulu, kalau tak tolak, tidak boleh diterima cadangan yang kita dulukan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi *you* cadang banyak sangat, kemudian *last* sekali *you* tolak. Belat belit lah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Ini kerana pada saya Tuan Yang di-Pertua, bila masa kita tidak dapat...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kongkalikung.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** ...memberi penekanan kepada perubahan dasar reformasi yang wajib dilaksanakan, maka kita akan terus disarat dengan bebanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Lenggong, tadi nampak macam Menteri tapi tak jadi, *cancel* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Sapi.

#### 4.56 ptg.

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 23 Oktober 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah membentangkan Bajet 2016 di Dewan yang mulia ini dan mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak RM267.2 bilion. Belanjawan ini menitikberatkan kesejahteraan rakyat dan pada masa yang sama mengukuhkan ekonomi negara.

Saya menyokong penuh Bajet 2016 yang bertemakan "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" dan bertunjangkan 5 keutamaan:

- (i) memperteguh ketahanan ekonomi negara;
- (ii) meningkatkan produktiviti inovasi dan teknologi hijau;
- (iii) mempersiapkan modal insan;
- (iv) memperkasakan agenda bumiputera; dan
- (v) meringankan kos sara hidup rakyat.



Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan sedikit ulasan dan cadangan berkaitan dengan Bajet 2016 yang telah dibentangkan, khususnya dengan merujuk kepada pandangan dari segi negeri Sabah dan kawasan yang saya wakili iaitu kawasan Batu Sapi. Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat daripada kaum Cina dari Sabah, saya mengalu-alukan penambahan RM90 juta sebagai pinjaman mikro kredit kepada penjaja dan peniaga-peniaga kecil kaum Cina.

Penambahan peruntukan ini menunjukkan walaupun kerajaan mengutamakan agenda bumiputera, kaum lain seperti kaum Cina tidak diabaikan. Di sini saya mencadangkan keutamaan diberikan kepada peniaga-peniaga dari Sabah secara amnya dan khususnya dari kawasan Sandakan yang telah mengalami kemerosotan ekonomi berikutan dengan harga minyak yang rendah dan kekurangan pelancong ke kawasan ini akibat daripada ancaman keselamatan di Pantai Timur Sabah. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua pesakit dan keluarga mereka menyambut baik cadangan pengenaan GST pada kadar sifar ke atas semua jenis ubat terkawal di bawah senarai racun kumpulan A, B, C dan D serta tambahan sebanyak 95 jenama ubat boleh dibeli di kaunter.

Ini kerana meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit seperti ubat kanser, kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung, ini akan meringankan beban mereka. Sehubungan dengan ini, saya ingin menarik perhatian Menteri Kesihatan untuk memberi keutamaan di dalam penyediaan kelengkapan dan penyelenggaraan kemudahan di *Hospital Duchess of Kent* di *Sandakan*. Di hospital ini, ketiga-tiga buah lif wad pakar telah rosak atau selalu tidak berfungsi. Kita diberitahu beberapa buah hospital baru yang akan dibina di seluruh negara. Ini memanglah usaha yang baik tetapi saya ingin mengingatkan Kementerian Kesihatan supaya tidak mengabaikan hospital yang sedia ada seperti *Hospital Duchess of Kent* di *Sandakan*.

#### ■1700

Berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan. Pepatah '*Mencegah lebih baik daripada mengubati*' adalah tepat sekali terutamanya bagi banyak penyakit kronik seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, gout dan lain-lain yang berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat. Saya mencadangkan Kementerian Kesihatan memperhebatkan program-program kesedaran untuk mendidik orang ramai tentang langkah-langkah pencegahan penyakit terutamanya pengamalan gaya hidup yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum negara kita sedang mengalami dugaan terhadap ekonomi dan kita faham bahawa GST telah memberi sumbangan kepada pendapatan kerajaan. Pembayaran cukai GST kepada kerajaan bermakna kurang wang bagi semua pengguna akhir yang tidak dapat mengalahkannya GST dan ini menjadi satu beban yang berat terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Jika keadaan ekonomi mengizinkan, saya mencadangkan supaya GST pada kadar sifar dikenakan ke atas lebih banyak jenis barangan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh golongan miskin contohnya alat tulis yang digunakan oleh

murid-murid, susu tepung bayi, ikan sardin dan makanan harian lain-lain dalam tin dan kadar GST dikurangkan untuk meringankan beban rakyat yang mengalami kos sara hidup yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan luar bandar, saya menyeru perhatian diberikan kepada ramai penduduk desa di Sabah yang masih serba kekurangan. Contohnya di pulau-pulau di kawasan Parlimen Batu Sapi, bekalan air bersih dan bekalan elektrik masih sangat terhad. Saya memohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang masih kurang maju ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji pelbagai langkah untuk menarik pelancong ke negara ini. Berkaitan dengan usaha menggalakkan pelancongan di Pantai Timur Sabah yang sememangnya terkenal dengan pelbagai produk ekopelancongan, saya menyarankan Kementerian Pengangkutan mempromosikan Lapangan Terbang Sandakan sebagai hab udara untuk pantai timur Sabah dengan menggembeng tenaga semua pihak berkepentingan seperti jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat penerbangan, syarikat-syarikat pelancongan dan perniagaan. Saya juga mencadangkan hab udara Sandakan ini dihubungkan secara terus dengan lebih banyak lapangan terbang besar melalui penerbangan syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines, AirAsia, Malindo Air, Jetstar Airways dan Tiger Airways.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pantai timur Sabah masih mengalami ancaman keselamatan daripada pengganas dan penculik dari negara jiran. Justeru itu, saya memuji cadangan melengkapkan Angkatan Tentera Malaysia dengan kelengkapan dan teknologi yang terkini dan saya memohon lebih banyak sumber diperuntukkan ke kawasan ESSCOM di Pantai Timur Sabah. Di sini, saya juga ingin merayu kepada pihak berkuasa keselamatan agar dapat berusaha dengan lebih gigih untuk menyelesaikan kes penculikan di Restoran Ocean King Sandakan di kawasan Parlimen yang saya wakili pada 14 Mei 2015 dan menyelamatkan dua orang mangsa penculikan iaitu Puan Thien Nyuk Fun dan Encik Bernard Ghen Ted Fen.

Puan Thien dan Encik Ghen telah menderita lebih daripada lima bulan dan saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan supaya menggunakan semua saluran diplomatik dan keselamatan untuk menyelamatkan mereka. Kejayaan menyelamatkan mereka juga akan dapat meyakinkan pelancong tentang keselamatan dan menarik mereka ke Sandakan dan Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin menyatakan sokongan penuh kepada Belanjawan 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Dengan ini, saya menamatkan ucapan perbahasan saya ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai.

**5.05 ptg.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Baling tidak ada ya? Tidak apa. Walaupun Yang Berhormat Baling tidak ada, tetapi saya tadi ada duduk di sini dan mendengar ucapannya. Di sini saya hendak membetulkan dia sedikit.

Tadi Yang Berhormat Baling cakap Perdana Menteri kita sangat sibuk, tidak ada masa hendak saman WSJ. *[Disampuk]* Tidak ada masa untuk saman Tun Ling Liong Sik. Akan tetapi sangat pelik, Yang Amat Berhormat Pekan, beliau ada masa untuk saman Yang Berhormat Taiping. Beliau ada masa untuk saman Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Sebenarnya pada hari ini, beliau pun sudah ambil tindakan undang-undang terhadap Tun Ling Liong Sik. Jadi saya rasa pelik sangat, Yang Amat Berhormat Pekan ada masa untuk saman Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Taiping dan Tun Ling Liong Sik, tetapi sampai hari ini beliau tidak berani untuk saman WSJ. Kenapa?

Tadi Yang Berhormat Baling juga ada sebut, dia cakap RM2.6 bilion itu semua dari luar negeri. Di sini saya hendak betulkan sedikit kerana kalau menurut laporan WSJ, bukannya semua RM2.6 bilion ini dari luar negeri tetapi di antaranya ada RM42 juta datang dari sebuah syarikat yang bernama SRC International. SRC International ini bukan sebuah syarikat antarabangsa tetapi sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan, sebuah syarikat Malaysia.

Jadi saya hendak bertanya di sini - Saya memang ada menghantar satu soalan. Saya bertanya Menteri Kewangan kita, saya hendak tanya "*...sama ada SRC International sebagai sebuah syarikat milikan Kementerian Kewangan telah menderma RM42 juta kepada Yang Amat Berhormat Pekan?*" Akan tetapi Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri tidak berani jawab. Ini satu soalan yang *straight forward* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ada atau tidak? Akan tetapi Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri bercakap bahawa "*...kerana masih dalam siasatan. Jadi perkara ini tidak wajar untuk dijawab*".

Akan tetapi saya rasa sebagai Menteri Kewangan, beliau adalah bertanggungjawab untuk melaporkan aktiviti-aktiviti syarikat kerajaan kepada Parlimen ini. Ini adalah fungsi Parlimen. Kita sebagai Ahli Parlimen datang ke sini dan kita minta jawapan dan juga penjelasan daripada Menteri-menteri berkenaan. Menteri Kewangan bertanggungjawab untuk menjelaskan segala aktiviti perniagaan ataupun aktiviti-aktiviti dermaan yang kononnya telah buat RM42 juta kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Kenapa soalan ini tidak boleh dijawab oleh Menteri-menteri kita?

Bahagian kedua dalam soalan saya yang bertarikh 20 Oktober, saya bertanya "*...Selain daripada SRC International sebuah syarikat GLC, ada atau tidak syarikat-syarikat milikan kerajaan yang pernah menderma duit kepada Yang Amat Berhormat Pekan?*". Saya takut Tuan Yang di-Pertua, saya risau, SRC International sebuah syarikat sahaja pun boleh menderma

RM42 juta kepada Perdana Menteri. Bagaimana dengan GLC yang lain? Mereka juga ada menderma duit kepada Perdana Menteri ataupun kepada Menteri-menteri yang lain atau tidak?

Akan tetapi jawapan yang saya terima menyatakan bahawa, "*Perdana Menteri ada menerima dana untuk aktiviti politik di kawasan beliau*". Akan tetapi tidak ada sentuh, tidak berani jawab secara terus-terang sama ada GLC yang lain ada derma duit kepada Perdana Menteri atau tidak. Kalau bahagian sana, menteri-menteri kita Barisan Nasional memanglah rasa bahawa buat derma kepada Yang Amat Berhormat ini bukan satu kesalahan, kenapa tidak berani untuk memberikan jawapan yang terus-terang kepada Dewan ini? Takut apa? Kalau memang rasa bahawa tidak menyalahi undang-undang, saya rasa kalau berani, biarlah kongsi maklumat ini di Dewan ini.

■1710

Bukan itu sahaja dua orang pengarah daripada *SRC International* iaitu *Managing Director* dengan izin, Nik Faisal dan juga seorang lagi yang dipanggil Datuk Suboh telah dipanggil oleh SPRM untuk memberikan keterangan tentang derma sebanyak RM42 juta ini. MACC SPRM pada 22 Ogos mengeluarkan satu kenyataan dan meminta kedua-dua orang *director* ini untuk melaporkan diri kepada MACC SPRM serta-merta untuk membantu dalam siasatan. Akan tetapi sehingga hari ini, sampai hari ini dua orang pengarah ini tidak diketahui di mana.

Ada yang mengatakan bahawa mereka sudah ke *oversea* tetapi notis ini, kenyataan ini dikeluarkan oleh SPRM pada bulan Ogos. Ogos. Sekarang sudah sampai bulan Oktober, sudah dua bulan tetapi kedua-dua orang pengarah, kalau mengikut jawapan yang saya terima pada 21 hari bulan daripada Menteri Kewangan yang mengatakan bahawa, berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pihak pengurusan *SRC International*, Encik Nik Faisal dan Datuk Suboh sedang membuat perancangan untuk ditemu ramah oleh SPRM dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, notis selama dua bulan telah diberikan tetapi sehingga hari ini kedua-dua orang pengarah ini hanya menyembunyikan diri, "*menajibkan*" diri sahaja. Bagaimana boleh buat macam itu? Kita kata pengarah di syarikat milikan kerajaan jadi sepatutnya mereka juga dianggap sebagai kakitangan kerajaan tetapi kedua-dua orang kakitangan kerajaan ini tidak berani untuk pergi berjumpa dengan pegawai SPRM. Mereka hendak sembunyi apa? Kalau berani dan rasa diri tidak buat salah, pergilah jumpa MACC, pergilah jumpa SPRM. Kenapa perlu takut, mengambil masa sebanyak dua bulan sehingga hari ini tidak tahu di mana, tidak pernah menghubungi SPRM.

Saya hendak menyatakan di sini, kedua-dua orang ini menjadi pengarah di *SRC International* atas lantikan kerajaan, atas lantikan Kementerian Kewangan. Jadi memang sekiranya Menteri Kewangan iaitu Yang Amat Berhormat Pekan tidak ada kuasa untuk mengarah kedua-dua orang ini untuk memberikan kenyataan kepada SPRM, saya rasa sekurang-kurangnya beliau sepatutnya memecat kedua-dua orang pengarah ini. Buat apa kita melantik

orang yang tidak berani untuk bekerjasama dengan SPRM. SPRM ini pembunuhkah atau bagaimana? Kenapa takut sangat?

Kalau Yang Amat Berhormat Pekan tidak berani untuk mengambil tindakan terhadap kedua-dua orang pengarah ini, jadi soalan saya adakah kedua-dua orang pengarah ini menyembunyikan diri atas arahan-arahan beliau, sebab itu sehingga hari ini beliau enggan untuk mengambil tindakan terhadap kedua-dua orang pengarah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini juga ada menyebut bahawa satu peruntukan sebanyak RM500 juta diberikan kepada SJK(C), SJK(T), sekolah mubaligh, sekolah berasrama penuh, sekolah agama bantuan kerajaan, MRSM, Sekolah Menengah Kebangsaan Cina, tetapi beliau tidak memberikan butiran yang terperinci berapa banyak yang diberikan kepada SJK(C), berapa banyak yang diberikan kepada SJK(T) dan berapa banyak yang diberikan kepada sekolah agama bantuan kerajaan kerana pada tahun 2014, peruntukan untuk SKJ(C), SJK( T) adalah sebanyak RM100 juta.

Akan tetapi pada tahun ini, 2015 peruntukan hanya RM50 juta. Jadi ramai orang yang bertanyakan sekarang, berapa banyak daripada RM500 juta ini yang akan diberikan kepada SJK(C), SJK(T) dan juga sekolah agama. Bukan itu sahaja walaupun dalam ucapan bajet ini ada menyebut bahawa 30 buah sekolah rendah yang baru akan dibina dalam Bajet 2016 ini. Akan tetapi tidak juga menyentuh bahawa antara 30 buah sekolah rendah yang baru ini, berapa banyak adalah SJK(C) dan berapa banyak adalah SJK(T).

Saya rasa kalaulah Kerajaan Barisan Nasional memang berprihatin terhadap pendidikan bahasa ibunda, jadi sepatutnya tidak ada apa-apa kesulitan untuk membuat satu kenyataan yang berterus terang berapa banyak peruntukan diberikan kepada SJK(C) dan berapa banyak diberikan kepada SJK(T) dan berapa banyak sekolah baru akan dibina untuk SJK(C) dan juga SJK(T).

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kulai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bukan itu sahaja. Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ingin tanya tahun lepas pun ada peruntukan diberikan tetapi tidak diberikan perincian yang sewajarnya. Saya minta kementerian untuk memberikan perincian untuk SJK(C) dan SJK(T), Cina dan Tamil untuk tahun lepas, berapa banyak daripada Belanjawan 2015 telah diberikan kepada sekolah Cina dan Tamil serta berapa banyak sekolah kebangsaan, sekolah Cina dan Tamil yang telah dibina untuk tahun 2015, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih. Saya memang bersetuju, saya pun hendak meminta butiran-butiran terperinci daripada Kementerian Pendidikan kerana walaupun dalam Bajet 2015 ada menyebut bahawa RM50 juta sepatutnya diberikan kepada SJK(C) tetapi kalau kita membaca kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam, seorang Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri dan juga Timbalan Menteri Pendidikan. Mereka menyatakan

bahawa di antara RM50 juta untuk SJK(C) ini, hanya RM20 juta yang diterima manakala bakinya masih ada RM30 juta yang sampai hari ini masih belum diterima. Mereka cakap duit ini masih berada dengan Kementerian Kewangan tetapi Menteri Kewangan kita cakap duit itu sudah diberikan kepada Kementerian Pendidikan.

Jadi saya rasa walaupun mereka sama-sama duduk dalam Kabinet, walaupun mereka sama-sama duduk di sebelah sana, Barisan Nasional tetapi nampaknya informasi ini tidak berapa betul. Menteri Kewangan cakap sudah bagi, Timbalan Menteri Pendidikan dan juga Menteri Jabatan Perdana Menteri cakap tidak ada, masih ada satu baki yang sebanyak RM30. Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah bulan Oktober 2015 hari ini sudah 29 hari bulan tetapi masih ada, kalau masih ada RM30 juta ini yang masih belum diberikan kepada SJK(C).

Saya hendak tanya mana duit itu? Di manakah duit itu? Duit ini antara RM2.6 bilion kah? Di manakah duit itu? Sudah diperuntukkan dalam bajet – dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan juga ada menyentuh tentang ini dalam ucapan beliau pada tahun lalu tetapi sehingga hari ini, duit di mana? Tidak tahu. Ini Kerajaan Barisan Nasional kah?

Selain daripada itu, saya ingin pergi ke isu penjawat awam di bawah jabatan JPA. Tajuk perbincangan saya ialah mengenai Skim Bukan Gunasama atau *close service* dengan izin. Untuk isu ini, saya ingin merujuk kepada pegawai dari Gred 32 hingga Gred 41 dalam Perkhidmatan Awam. Selama dua tahun saya membawa isu ini ke Dewan yang mulia ini dan saya menerima pelbagai jawapan daripada JPA iaitu antaranya, pertama seorang penjawat awam dalam skim ini tidak tertakluk kepada skim dan perkhidmatan jawatannya dalam sesuatu agensi. Kedua, seseorang dalam skim ini tidak boleh bertukar kepada kementerian lain kerana beliau khusus dalam sesuatu bidang di agensi tersebut di mana jawatan tersebut tidak terdapat di kementerian lain. Saya juga pernah menerima jawapan keras daripada JPA iaitu mereka di dalam skim ini tidak boleh bertukar ke kementerian lain.

#### ■1720

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Ogos baru-baru ini, ada tujuh orang pegawai SPRM telah diarah bertukar dan telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri dengan tergesa-gesa. Sepatutnya ketujuh-tujuh orang pegawai dalam SPRM ini mereka juga tertakluk di dalam *closed service*, dengan izin dan selalunya JPA cakap bahawa pegawai di bawah *closed service* ini tidak boleh tukar ke kementerian yang lain.

Akan tetapi pada bulan Ogos ini, apa yang dicakapkan tidak boleh berlaku, dengan satu saat sahaja, satu pengumuman, tujuh orang pegawai dalam SPRM yang terlibat dalam siasatan IMDB, serta merta dipindah ke Jabatan Perdana Menteri. Walaupun pada akhirnya mereka dipindah balik ke SPRM, tetapi saya hendak ditanya di sini JPA tahu tidak apa itu prosedur untuk pindah seseorang pegawai?

Dahulu saya tanya, cakap tidak boleh *closed service* begini, memang tidak boleh tukar tetapi apabila tersentuh isu ini, 1MDB, apa pun boleh berlaku.

Jadi, saya diberitahu bahawa pertukaran yang dilakukan adalah tidak mengikut prosedur dalam peraturan JPA. Ini kerana skim perkhidmatan SPRM dan JPA adalah berbeza. Bagaimana saya tahu? Kerana saya merujuk kembali segala jawapan yang pernah diberikan kepada saya oleh JPA. Mereka seharusnya melalui satu Lembaga JPA yang dilantik di mana akan bermesyuarat dan membuat keputusan mengenai pegawai-pegawai SPRM tersebut. Entah bagaimana Lembaga pun tidak dirujuk dan terus ditukar dengan serta merta.

Jadi saya bertanya beberapa soalan kepada JPA di sini, antaranya, pertama, apakah skim perkhidmatan bagi ketujuh-tujuh orang pegawai SPRM yang diarah bertukar baru-baru ini? Kedua, pekeliling dari langit mana yang telah diguna pakai untuk pertukaran ketujuh-tujuh orang pegawai awam ini? Ketiga, apakah program dan polisi terkini yang telah dan akan diguna pakai oleh JPA bagi membolehkan seseorang penjawat awam itu bertukar ke skim perkhidmatan yang baru? Keempat, apakah penambahbaikan 252 Skim Perkhidmatan Awam yang diumumkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri dalam bajet baru-baru ini?

Selain daripada itu, saya juga hendak bertanya, saya sebenarnya tidak faham kenapa perkara yang sebegini mudah seperti *closed service* ini pun susah diselesaikan? Secara ringkas, mereka dalam *closed service* ini ada yang ingin, yang mahu bertukar dan berpindah ke jawatan lain dengan skim yang baru, perkhidmatan yang baru di bawah perkhidmatan awam. Kenapa keinginan yang kecil ini pun tidak boleh dipenuhi oleh Kerajaan Barisan Nasional kita? Mereka masih hendak memuji-muji sendiri, cakap mereka adalah kerajaan yang paling baik di dunia. Saya rasa, tidak malu kah?

Isu terakhir yang saya hendak sentuh di sini... [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Ah, penipu tidak pernah malu.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Siapa yang hendak minta penjelasan boleh berdiri. Saya tidak ada halangan.

**Seorang Ahli:** Menteri pun boleh.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Menteri pun boleh.

**Seorang Ahli:** Saya dengar suara Menteri tadi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tidak ada? Tidak ada, diamlah. Kalau tidak ada, sila diamkan diri. [*Ketawa*]. Kenapa, saya berdiri di sini, ada yang hendak minta penjelasan, sila lah berdiri. Kalau tidak, sila diamkan diri, okey?

Isu yang terakhir yang ingin saya sentuh pada hari ini adalah tentang isu tol. Walaupun syarikat tol ini sebanyak 18 buah lebuhraya bertol telah dibenarkan naik takrif mereka pada 15 Oktober 2015 ini, tetapi dalam bajet yang akan datang ini, satu peruntukan yang sebesar RM600 juta akan diberikan kepada syarikat-syarikat konsesi sebagai pampasan lagi.

Saya rasa pada masa yang sama kita izinkan syarikat konsesi naikkan kadar tol. Pada masa yang sama kita membayar pampasan kepada syarikat konsesi ini. Sampai bila isu lebuhraya bertol ini boleh diselesaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional walaupun telah beberapa tahun

dahulu Kerajaan Barisan Nasional cakap mereka akan mengkaji semula perjanjian konsesi ini tetapi sampai hari ini, tidak ada penyelesaian yang baru tetapi mereka hanyalah mengizinkan, membenarkan syarikat konsesi ini untuk naikkan kadar tol. Akan tetapi pada masa yang sama, membayar pampasan yang cukup tinggi kepada syarikat-syarikat ini.

Saya hendak berilah satu cadangan di sini, saya hendak bincang sebuah syarikat iaitu Syarikat Grand Saga. Syarikat Grand Saga ini sebenarnya 49% *share* dalam Grand Saga Sdn Bhd ini adalah dimiliki oleh EPF. Maksudnya Lebuhraya Kajang-Cheras ini, 49% *share* adalah dimiliki oleh kerajaan. 51% *share* dalam lebuhraya ini adalah dimiliki oleh sebuah syarikat yang dipanggil Taliworks Corporation Berhad.

Sebenarnya kalau kerajaan kita beli baki 51% saham dalam Grand Saga Sdn Bhd ini, isu ini selesai Berapa harganya untuk membeli saham sebanyak 51% ini dari Taliworks Corporation Berhad? Kosnya untuk membeli saham ini tidak melebihi RM 120 juta.

Tuan Yang di-Pertua, ya, saya gulung. Tuan Yang di-Pertua, saya faham RM120 juta ini bukan satu jumlah yang kecil tetapi biar kita - saya ingin ingatkan Menteri-menteri kita, pada tahun 2003 dan 2004, kerajaan kita telah membayar RM105 juta sebagai pampasan kepada Grand Saga. Selepas itu, pada tahun 2012, sekali lagi kita membayar pampasan sebanyak RM120 juta dibayar kepada Grand Saga.

Jadi dengan erti kata lain, setakat tahun 2012, Grand Saga telah menerima pampasan yang sebanyak RM285 juta daripada kerajaan kita. Jadi pampasan yang kita bayar kepada syarikat konsesi ini sudah melebihi kos membeli syarikat ini. Jadi bukankah lebih bijaksana kalau kita guna duit kerajaan untuk membeli syarikat konsesi ini supaya pada masa akan datang, kita tidak perlu bayar pampasan kepada syarikat ini lagi.

Kita jangan risau, kita tidak perlu berasa risau bahawa selepas kita beli syarikat ini, mana kerajaan hendak kutip balik RM120 juta ini kerana kalau kita merujuk kepada laporan syarikat ini, setiap tahun setakat 2013 Syarikat Grand Saga ini dapat *profit* yang setinggi RM18.3 juta. Maksudnya dengan tempoh masa 10 tahun, kita boleh lah mengutip balik RM120 juta ini daripada kutipan tol. Tidak perlu naikkan kadar tol, tidak perlu lagi bayar pampasan kepada syarikat tol tetapi kita hanyalah melalui beli syarikat ini, kutip tol untuk 10 tahun sahaja dan isu ini selesai selama-lamanya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, masa pun sudah tidak cukup. Saya hanya nak gulung, saya hanya hendak cakap dalam Bajet 2016 ini, subsidi elektrik dipotong, subsidi untuk minyak masak dipotong juga, peruntukan untuk IPTA juga dikurangkan. Hanyalah peruntukan untuk Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri yang dinaikkan, yang ditambahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.



**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi dengan itu, saya hendak cakap bahawa saya sekeras-kerasnya menolak Bajet 2016 ini. Sekian sahaja, ribuan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bangun, bangun. Tidak ada yang bangun kah? Ya, Yang Berhormat Sepanggar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kita sambung minggu hadapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sambung minggu hadapan. *[Ketawa]*

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** *[Ketawa] Injury time.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat-Dewan hari ini ditangguhkan jam 10.00 pagi hari Isnin, 2 November 2015.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Bukit Gantang sejak duduk depan, baik sahaja, tidak balik-balik dari pagi. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Parit Sulong, jangan fitnah Yang Berhormat Bukit Gantang, okey.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]***